

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 5hb. Jun, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**“ANTIBIOTICS” TERHADAP TERNAKAN - KAWALAN
PENGUNAAN**

1. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penggunaan “antibiotics” oleh penternak ayam, babi dan sebagainya secara leluasa seperti yang dilapor oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) boleh menjejaskan kesihatan para pengguna, jika sedar, mengapakah pihak kementerian tidak mencari jalan lain yang lebih selamat seperti yang diamalkan oleh negara maju seperti Australia, Perancis dan Switzerland yang mana negara tersebut telah mengharamkan kegunaan “antibiotics” terhadap binatang untuk dimakan oleh manusia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato’ Abu Bakar bin

Taib]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran pengundi-pengundi saya dari Langkawi yang terdapat di atas sana. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, di atas sana. Kita beri tepukan kepada mereka.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang sedar terhadap penggunaan antibiotik oleh penternak ayam, khinzir (babi) dan sebagainya. Pengeluaran ayam dan babi secara intensif perlu diberi perlindungan prophylactic, lebih-lebih lagi kerana pemeliharaan adalah di iklim tropika dan lembab di mana ancaman penyakit adalah lebih hebat.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal residu ialah:

- (i) memberi pendidikan kepada penternak supaya mengamalkan sistem penternakan yang baik serta mengikuti garis panduan penggunaan antibiotik;
- (ii) menggalakkan penggunaan 'withdrawal feed', dengan izin, sekurang-kurangnya 7 hari sebelum ternakan dijual untuk penyembelihan;
- (iii) meminta pihak berkuasa kawalan import drug veterinar membuat peraturan lebih ketat bagi mengawal pengimportan, pendedaran, penyimpanan dan penggunaan antibiotik untuk tujuan penternakan; dan
- (iv) meningkatkan program pengawasan residu antibiotik.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah kementerian dapat tahu bahawa penternak dapat menggunakan antibiotik secara mengikut peraturan kementerian?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian ada menjalankan pengawalan dari segi mengadakan sampling daging ayam, terutama sekali mereka yang mengeluarkan ayam untuk KFC dan sebagainya. Yang kedua, kita mengadakan pengawalan daripada pihak ladang sendiri dan seterusnya kita akan mengadakan kawalan dari segi feed atau makanan ayam sendiri.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah agaknya kerajaan akan haramkan penggunaan antibiotik tersebut dan mengapakah kerajaan tidak ambil tindakan untuk mengharamkan serta adakah negara kita dijadikan sebagai 'dumping ground' ubat itu?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengharamkan antibiotik. Sepanjang pengetahuan Jabatan Perkhidmatan Haiwan tidak ada negara yang mengharamkan sama sekali antibiotik untuk digunakan dalam penternakan ayam, terutama sekali dalam sistem intensif komersil. Kerajaan akan terus mengikuti perkembangan antarabangsa dan akan mengambil tindakan di mana yang perlu.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya, saya mengucapkan selamat datang kepada rombongan dari Langkawi. Yang keduanya, saya hendak tahu adakah isteri Yang Berhormat dalam rombongan itu? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itukah soalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tidak, itu bunga-bunga dia. [Ketawa] Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Kementerian Pertanian bahawa penggunaan antibiotik ini adakah digunakan oleh semua penternak, kerana apa yang saya difahamkan ada penternak-penternak tidak tahu untuk menggunakan antibiotik ini dan tidak tahu pun bahawa pembelaan itu mesti menggunakan antibiotik?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu bahawa isteri saya tidak ada di atas itu. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan yang pertama ya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, soalan yang pertama. Yang keduanya, memanglah yang menggunakan antibiotik ini adalah mereka yang komersil sahaja. Bagi mereka yang membela di kampung tidak mungkin menggunakan antibiotik.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Hashim Safin.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

TABUNG KEMALANGAN JALAN RAYA - CADANGAN MENUBUHKAN

2. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Tabung Kemalangan Jalan Raya kepada mereka yang tidak mampu dan tidak dilindungi oleh mana-mana agen insurans.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang menimbang cadangan untuk mengadakan satu skim perlindungan insurans berasaskan konsep “No Fault Claims”. Di bawah skim ini, setiap mangsa kemalangan jalan raya akan dibayar ganti rugi oleh kerajaan mengikut kadar-kadar yang ditetapkan berasaskan kepada jenis kecederaan yang dialami tanpa ditentukan pihak mana yang bersalah yang menyebabkan kemalangan tersebut.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cadangan kerajaan ini amatlah baik. Saya ingin mendapat penjelasan, bilakah jangka waktu penguatkuasaannya akan ditentukan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengarahkan Kementerian Pengangkutan untuk mengadakan rundingan dengan banyak pihak seperti JPJ, Polis, Bank Negara dan juga Persatuan Insurans Am Malaysia. Bagi mesyuarat yang terakhir yang diadakan pada 10 April 1996 yang lepas telah diputuskan supaya sebelum apa-apa perakuan dibuat kepada kerajaan, Bank Negara telah diminta untuk mengkaji kelemahan yang terdapat dalam skim insurans yang dipraktikkan sekarang dan juga memberikan maklumat-maklumat mengenai pro dan kontra terhadap cadangan untuk mewujudkan skim ‘No Fault Claims’ ini. Ini bererti sebaik sahaja Bank Negara selesai di atas pengkajian yang dibuat, kerajaan akan dengan segera menimbangkan pelaksanaan peraturan baru ini. Saya suka juga memaklumkan bahawa New Zealand telah pun mengamalkan peraturan ini.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan tambahan saya ini berkaitan juga dengan insurans. Jadi, terdapat banyak syarikat insurans hari ini tidak mahu menginsurankan kereta-kereta yang

melebihi 20 tahun walaupun keadaan kereta itu masih lagi dalam keadaan baik. Adakah Kementerian Pengangkutan menyedari perkara ini ataupun ada arahan khusus daripada pihak Kementerian Pengangkutan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada aduan secara lisan yang saya atau kementerian terima mengenai ada syarikat-syarikat insurans yang tidak mahu mengambil kereta-kereta yang lebih dari 20 tahun.

Bagaimanapun, mereka boleh memilih syarikat-syarikat insurans yang lain dan pada hari ini didapati tidak timbul lagi kes secara rasmi yang dilaporkan yang menunjukkan ada syarikat yang langsung tidak mahu menginsurankan kereta-kereta yang melebihi 20 tahun ini.

EMPANGAN BAKUN - CADANGAN MEMBINA HOTEL PERSEKITARAN

3. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada menyelamatkan hutan seluas 69,640 hektar boleh menjadikan pemandangan di sekitar Empangan Bakun bertambah cantik serta boleh menarik pelancong yang ramai dan jika ya, adakah kerajaan bercadang untuk membina hotel bertaraf 5 bintang di sekitar kawasan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, di samping membekalkan sumber tenaga yang lebih, kerajaan berharap supaya Empangan Bakun dapat dijadikan sebagai tempat tarikan pelancong yang berasaskan kepada keindahan semula jadi.

Kerajaan tidak bercadang untuk membina hotel bertaraf 5 bintang di sekitar kawasan Empangan Bakun. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pengusaha-pengusaha swasta yang berminat melaksanakan cadangan projek tersebut, ianya akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Empangan Bakun ini satu kawasan pelancongan yang menarik, adakah kementerian bercadang untuk membawa semua Ahli-ahli Dewan Negara ini untuk melihat kawasan tersebut?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, itu saya rasa memang cadangan yang baik. Sehingga ini kementerian belum ada menerima permohonan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dianggap sebagai cadangan, bukan soalan ya.

MASYARAKAT LADANG - LANGKAH MENINGGIKAN TARAF HIDUP

4. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memajukan dan memperbaiki keadaan hidup rakyat di ladang-ladang dan estet-estet dalam usaha menuju wawasan 2020 dan setakat manakah masalah kekurangan pekerja dalam industri pertanian dapat diatasi dengan kemasukan buruh-buruh asing.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pada hemat saya, pertanyaan ini adalah wajar dijawab oleh Kementerian Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya.

Kerajaan sentiasa prihatin tentang keadaan hidup masyarakat di ladang-ladang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memajukan dan memperbaiki keadaan hidup rakyat di ladang-ladang adalah seperti berikut:-

- (a) Jabatan Buruh sentiasa giat menguatkuasakan Akta (Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan) Pekerja 1990. Di antara usahanya ialah dalam merangka satu Rancangan Pembangunan Lima Tahun mulai 1hb. Januari 1992 sehingga 31hb. Disember 1996, untuk menggalakkan majikan ladang menjalankan beberapa aktiviti sosio-ekonomi dan pencapaian adalah seperti berikut:-
- (i) dalam tempoh 1hb. Januari 1992 sehingga Disember 1995, sebanyak 8,783 unit rumah pekerja telah dibina atau diubah suai di 299 buah ladang;
 - (ii) dalam tempoh yang sama juga, 78 buah ladang telah membina dan mengubah suai 87 unit pusat asuhan kanak-kanak. Sebanyak 21 buah ladang telah mengubah suai atau membina 23 unit dewan komuniti; dan
 - (iii) sebanyak 21,287 unit rumah pekerja ladang telah dibekalkan air 24 jam sehari manakala sebanyak 24,112 unit rumah pekerja di 280 buah ladang telah dibekalkan tenaga elektrik.

- (b) Dalam usaha menggalakkan pekerja-pekerja mempunyai rumah sendiri, satu Skim Pemilikan Rumah Pekerja telah ditubuhkan dan setakat ini pencapaian adalah seperti berikut:-
- (i) 44 buah ladang telah membina sebanyak 4,230 unit rumah untuk dijual kepada pekerja dengan harga tidak melebihi RM25,000 seunit;
 - (ii) 15 buah ladang masih dalam proses pembinaan sebanyak 640 buah unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja dengan tidak melebihi RM25,000 seunit; dan
 - (iii) 16 buah ladang bercadang untuk membina sebanyak 2,364 unit rumah pekerja-pekerja mereka.
- (c) Untuk mewujudkan kehidupan yang lebih selesa dan menarik di kalangan penduduk ladang, kemudahan lain seperti berikut telah diperuntukkan:-
- (i) sebanyak 544 buah klinik ladang sedang menjalankan perkhidmatan bertujuan memberi rawatan dan perubatan kepada pihak penduduk-penduduk ladang. Di samping itu, 22 buah

hospital ladang juga bersedia memberi perkhidmatan perubatan yang lebih sempurna; dan

- (ii) sebanyak 147 buah ladang telah disediakan telefon awam oleh Telekom Malaysia Berhad untuk memudahkan komunikasi di kalangan penduduk ladang.
- (d) Usaha dan langkah di atas bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup di kalangan penduduk-penduduk ladang, bahkan juga untuk meningkatkan dan mengekalkan tenaga pekerja di sektor ladang.
- (e) Kekurangan tenaga pekerja di sektor pertanian adalah amat ketara sekali. Kemasukan pekerja asing telah sedikit sebanyak membantu menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pekerja dalam industri pertanian, terutama sekali di ladang-ladang getah, kelapa sawit dan koko.

Dalam tempoh Julai 1992 hingga Mac 1996, sebanyak 187,453 Pas Lawatan (Kerja Sementara) telah dikeluarkan kepada pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang. Dalam tempoh 1995, jumlah pekerja

yang bekerja di sektor perladangan getah, kelapa sawit dan koko dianggarkan seramai lebih 219,000 orang. Ini bermakna, jumlah pekerja asing di ladang-ladang kini dianggarkan melebihi 80% daripada jumlah keseluruhan buruh ladang di ladang-ladang getah, kelapa sawit dan koko di negara ini.

Jika memerlukan sebarang maklumat tambahan, Yang Berhormatlah hendaklah.....

Tuan Yang di-Pertua: Tambah lagi jawapan itu?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sedikit lagi. Jika memerlukan sebarang maklumat tambahan, Yang Berhormat hendaklah mendapatkan penjelasan dari Kementerian Sumber Manusia.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia. Soalannya ialah....

Tuan Yang di-Pertua: Tadi adalah jawapan daripada Kementerian Pertanian.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Soalan ini patut ditujukan kepada Kementerian Sumber Manusia, bukan Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Patut ditanya.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Baru-baru ini dalam satu seminar bertajuk *Global Food Production*, dinyatakan bahawa pengeluaran makanan telah merosot. Adakah kementerian mempunyai satu rancangan untuk mengatasi masalah ini seperti melancarkan semula rancangan Buku Hijau?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita sedang merangka perkara ini dan sedang berbincang dengan pihak ladang-ladang yang berkaitan, kalau boleh pihak ladang-ladang hendaklah memberi sedikit sebanyak kawasan untuk ditanam tanaman makanan.

Disegi di Jabatan Haiwan pula kita sedang menggalakkan ternakan lembu atau binatang lain di kawasan ladang.

TABUNG KHAS PENSWASTAAN - CADANGAN MEWUJUDKAN

5. Puan Kamalia binti Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang mewujudkan satu tabung khas penswastaaan hasil dari penjimatan belanja mengurus dan jualan aset supaya tabung ini boleh dijadikan asas untuk memberi sokongan kewangan kepada projek penswastaaan yang memerlukan bantuan sedemikian bagi menjadikannya budaya maju.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu amat menarik, iaitu supaya kerajaan menubuhkan satu tabung khas penswastaaan, hasil dari penjimatan belanja mengurus dan jualan aset yang boleh dijadikan asas untuk memberi sokongan kewangan kepada projek penswastaaan yang memerlukan bantuan bagi menjadikannya berdaya maju. Syor ini mempunyai banyak implikasi termasuk implikasi perundangan dan

pihak kerajaan akan meneliti secara mendalam ke atas viabiliti pelaksanaan dari segi konsep, sumber pembiayaan serta skop tabung ini dan akan melaksanakan sewajarnya sekiranya didapati sesuai. Namun begitu, saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa pada masa ini kerajaan sememangnya menyediakan sokongan dalam bentuk pinjaman ringan dan pendahuluan untuk pengambilan balik tanah mengikut kes yang bertujuan untuk meningkatkan daya maju projek serta mengurangkan kesan projek tersebut khususnya dari segi tarif terhadap pengguna.

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim ada hendak membetulkan sesuatu, ada berkaitan budaya atau...

Puan Kamilia binti Ibrahim: 'Berdaya maju'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Betullah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sepatutnya jadi 'berdaya maju' bukan 'budaya maju'.

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Berapakah jumlah nilai penjaminan dan pendapatan terkumpul kerajaan dalam proses penswastan yang telah dijalankan?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, angka tidak ada di hadapan saya, tetapi soalan ini pernah juga dijawab dalam sesi-sesi yang lalu. Dari segi penjualan aset sahaja, jumlah yang diperolehi ialah lebih kurang RM21 bilion dan jumlah lain termasuk penjimatan, ini saya beri angka ‘dalam kepala’ lebih kurang dalam lingkungan RM25 bilion. Jadi, detailnya saya akan beri secara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sekiranya kerajaan bercadang hendak menubuhkan tabung penswastan, adakah kerajaan juga bercadang untuk menggunakan wang di dalam tabung itu bagi membiayai kos yang mungkin meningkat, yang memberi kesulitan kepada orang awam.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disebutkan dalam jawapan tadi, antara tujuan diwujudkan ‘tabung penswastan’ kalau boleh nanti ialah untuk mengurangkan apa yang dikatakan tekanan kepada masyarakat, khasnya kalau projek itu didapati projek yang marginal, yang tidak terlalu banyak untung. Jadi, bantuan seperti ini boleh mengurangkan kos ‘over head’ dan kos modal kepada pihak pemaju dan ini akan mengurangkan masalah pembayaran tarif dan sebagainya oleh orang awam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, saya hendak tanya satu soalan. Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen....

Dr. Ng Yen Yen: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bila sampai nama Dr. Ng Yen Yen ini, saya tidak berapa pasti hendak panggil ‘Puan Dr’ ataupun ‘Tuan Dr.’, mana pilih?

Dr. Ng Yen Yen: ‘Puan Dr.’

Tuan Yang di-Pertua: ‘Tuan’kah ‘Puan’?

Dr. Ng Yen Yen: Puan!

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Puan Dr. Ng Yen Yen. *[Ketawa]*

Silakan.

PEKERJA MAHIR BAGI PEMBUATAN ALAT DAN ACUAN (TOOL & DYE)

6. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan perkakas dan mencilup (Tool & Dye) adalah sumber bagi semua bidang industri. Berapa ramai pekerja berkemahiran diperlukan pada 5 tahun yang akan datang. Adakah mencukupi kemudahan untuk melatih keperluan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, pekerja yang berkemahiran dalam bidang pembuatan alat dan acuan, dengan izin (tool & dye) sememangnya diperlukan oleh sektor pembuatan.

Dari kajian keperluan guna tenaga sektor pembuatan bagi pelaburan-pelaburan baru yang diluluskan oleh Akta Penyelarasan Perusahaan 1974, didapati pekerja dari bidang tool and dye mewakili purata 6.91% dari keseluruhan pekerja berkemahiran yang diperlukan dalam 5 tahun yang akan datang. Pekerja berkemahiran pula mewakili purata 10.4% dari jumlah guna tenaga bagi jangka masa yang sama. Dari keseluruhan keperluan tambahan

yang diperlukan, sejumlah 3,704 pekerja berkemahiran tool and dye akan diperlukan.

Buat masa ini, Institut Latihan Perindustrian Ipoh ada menawarkan kursus tool and dye. Walau bagaimanapun, kapasiti latihan institut latihan perindustrian berkenaan agak terhad untuk menampung keperluan industri. Bagi menampung keperluan ini majikan-majikan sendiri menjalankan 'in-house training' dan pada tahun 1995, sejumlah 97 orang calon telah menduduki peperiksaan persijilan MLVK iaitu yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dalam bidang pembuat tool and dye. Daripada jumlah tersebut, seramai 59 orang calon telah lulus peperiksaan.

Anggaran bekalan tenaga mahir dan separuh mahir bagi 5 tahun akan datang seperti dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah kira-kira 237,248 orang manakala keperluan berdasarkan anggaran kepada unjuran perkembangan ekonomi semasa berjumlah kira-kira 255,000 orang.

Beberapa usaha sedang dibuat untuk menambah jumlah pengeluaran pekerja-pekerja mahir daripada institusi-institusi latihan awam, antaranya:

- (a) mempertingkatkan kapasiti, peralatan/kemudahan dan kurikulum latihan Institut latihan Perindustrian sedia ada, seterusnya melaksanakan program latihan dua syif;

- (b) membina 10 buah institut latihan kemahiran termasuk tiga buah institut kemahiran peringkat tinggi dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute;
- (c) melaksanakan skim perantisan di mana majikan boleh menaja lepasan sekolah dalam bidang-bidang kemahiran tertentu. Perantis akan dilantik sebagai pekerja di syarikat penaja setelah tamat latihan dan majikan-majikan adalah layak untuk menuntut bantuan kewangan daripada Majlis Pembangunan Sumber Manusia ke atas perbelanjaan latihan perantis; dan
- (d) memberikan kemudahan pinjaman faedah rendah kepada institut latihan kemahiran yang ditadbir oleh pihak swasta termasuk persatuan industri untuk meningkatkan kemudahan latihan serta menyediakan pelbagai jenis insentif kepada institutsi latihan teknikal dan vokasional yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat.

Akhir sekali usaha yang sama untuk meningkatkan jumlah pengeluaran tenaga mahir dan separuh mahir adalah juga dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Belia dan Sukan serta beberapa buah agensi kerajaan negeri yang lain.

BURSA SAHAM ISLAM - CADANGAN PENUBUHAN

7. Puan Faridah binti Abu Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) perbezaan di antara Bursa Saham Konvensional dengan cadangan penubuhan Bursa Saham Islam seperti yang dikemukakan baru-baru ini; dan
- (b) bentuk pelaburan/perniagaan yang boleh disenaraikan di dalam Bursa Saham Islam serta syarat-syarat penubuhan Bursa Saham Islam di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Bursa Saham Islam sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mereka yang ingin melabur dalam kaunter-kaunter yang selaras dengan syariah boleh berbuat demikian di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan memilih kaunter-kaunter yang telah dianalisis dan disenaraikan oleh pakar syariah daripada Bank Islam Malaysia Sdn. Bhd. dari masa ke semasa.

Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membangunkan pasaran modal negara mengikut prinsip-prinsip syariah, bagi tujuan itu kumpulan penyelidikan instrument Islam yang bertanggungjawab untuk mengkaji dan memberi nasihat mengenai produk-produk baru yang berteraskan prinsip syariah telah pun ditubuhkan di Suruhanjaya Sekuriti.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan, bahawa kerajaan tidak lagi berhajat, kemungkinan 'berhajat' pada masa akan datang.

Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlahnya dan juga contoh dua-tiga, counters, dengan izin, yang tidak direstui oleh Bank Islam dan juga oleh agama Islam kita sebab ada kaitan dengan perkara-perkara yang haram, seperti judi, minum arak dalam kaunter itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab mengenai bilangan kaunter yang telah diisytiharkan sebagai judi tidak ada tetapi saya ada bilangan kaunter-kaunter yang telah 'dihalalkan' oleh Majlis Syariah Bank Islam ini iaitu sebanyak 330 syarikat. Jadi, kalau Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin hendak bilangannya ialah sebanyak 500 berapa... tolak 330. Jadi, dapatlah jawapannya yang lain.

Untuk saya memberi contoh mengenai ini, saya minta maaf kerana saya terpaksa rujuk dan saya akan beri jawapan bertulis nanti.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah pun mewujudkan 'dual system', mohon izin; kaunter yang dihalalkan mengikut prinsip syariah, dan yang tidak mengikut prinsip syariah. Jadi, adakah pihak kerajaan dalam usaha menentukan 'dua' system' ini, bekerja kuat

bagi membuat 'road show' dengan izin, kerana negara-negara Islam untuk mendapat punca kewangan pelaburan di negara kita, kita tahu negara-negara Islam yang kaya-kaya kebanyakannya melabur wang ringgit di tempat-tempat yang berkemungkinan bercanggah dengan prinsip syariah Islam. Jadi, kalau kita buat 'road show' ke negara Timur Tengah dan negara-negara jiran yang banyak duit ini, mungkin kita dapat meningkatkan lagi dari segi partisipasi pembeli-pembeli saham di sini?

Tuan Yang di-Pertua: Partisipasi?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Penglibatan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman itu adalah satu cadangan yang baik. Walaupun kita akan meneliti dan mengadakan 'road show' sepertimana yang dibuat untuk produk-produk yang bukan Islam, tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Aziz, walaupun tidak ada 'road show' pada masa ini, tetapi banyak dana-dana Islam yang bersumber di Amerika dahulu telah pun berhijrah ke sini untuk dilaburkan kepada produk-produk Islam yang telah disediakan. Misalannya satu tahun setengah dahulu pihak Kuwait Investment House telah pun berjanji hendak menghijrahkan lebih kurang US\$2,000 juta untuk tujuan ini. Ini adalah satu

petanda baik dan cadangan Yang Berhormat Dato' Aziz tadi akan diambil kira secara serius.

Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah neraca yang digunakan bagi menentukan kaunter-kaunter yang selaras dengan prinsip-prinsip syariah?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya ada 4 neraca, iaitu yang pertama sekali sesuatu kaunter itu tidak terlibat di dalam usaha mendapat pendapatannya dari sumber riba semata-mata. Yang kedua, ianya tidak terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perjudian. Yang ketiga, tidak terlibat dalam penjualan barang-barang ataupun perkhidmatan yang telah diharamkan oleh syariah, dan yang keempat, tidak menjejaskan industri ataupun tidak menjejaskan aqidah ataupun praktis orang-orang Islam seperti setengah daripada perkhidmatan insurans dan lain-lain lagi perkhidmatan.

JALAN KAMPUNG - PERUNTUKAN BAGI NEGERI JOHOR

8. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan pada tahun 1996 peruntukan untuk melaksanakan pelbagai projek pembinaan dan membaiki jalan-jalan kampung berapa jumlah peruntukan akan diagihkan kepada negeri Johor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1996

Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diluluskan peruntukan sebanyak

RM40 juta untuk membina serta menaikkan taraf jalan kampung di seluruh negara sebanyak RM70 untuk penyelenggaraan jalan kampung di kawasan Kasban, LKW dan Felcra. Daripada kedua-dua peruntukan tersebut, sebanyak RM10.5 juta dicadangkan untuk negeri Johor, iaitu sebanyak RM5 juta untuk menaikkan taraf jalan kampung di seluruh negeri dan sebanyak RM55 juta untuk penyelenggaraan jalan-jalan kampung di kawasan Kejora dan Felcra.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah peruntukan yang diberi kepada agensi-agensi di bawah kementerian tersebut, seperti Felcra, Felda dan Risda. Saya difahamkan peruntukan kepada Risda sangat berkurangan separuh bahagian daripada tahun-tahun yang lepas.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa peruntukan untuk LKW, LKT dengan Felcra adalah RM70 juta. Itu adalah peruntukan khusus pada tahun ini. Jadi, tidak merupakan kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ada satu soalan mengenai Risda.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Kepada Risda, pekebun kecil untuk tanam semula.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya rasa Yang Berhormat ingin bertanya sama ada peruntukan untuk Risda keseluruhannya khususnya subsidi untuk tanam semula, ditambah ataupun dikurangkan. Saya rasa itulah soalan

yang diminta. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan itu terkeluar. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus membantu Risda sejauh mana kerajaan mampu. Dan apa-apa subsidi yang telah dijalankan akan terus dijalankan walaupun ia ada berkurangan dari tahun-tahun yang lepas.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh soalan tambahan saya senang sahaja. Cuma hendak menyenangkan, sedikit sahaja. Soalan 8 ini 'negeri Johor' saya hendak tukar dengan 'negeri Pahang Darul Makmur' [*Ketawa*] Dan kalau boleh, biar jawab dalam jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah, boleh. Dia hendak jawapan bertulis.

Tuan Douglas Uggah Embas: Jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah jawab, bertulislah.

MESYUARAT ASIA EROPAH (ASEM) DI BANGKOK - MANFAAT

9. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah yang memberikan keuntungan kepada Malaysia di Persidangan 'Europe Asia Meeting' ASEM di Bangkok pada awal Mac, 1996.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Asia Eropah (ASEM) yang telah diadakan pada 1hb. dan 2hb Mac, 1996 di Bangkok, Thailand merupakan mesyuarat yang ulung kali diadakan. Ia telah dihadiri oleh pemimpin atau wakil dari 10 buah negara Asia dan 15 buah negara dari Kesatuan Aropah dan Presiden Suruhanjaya Eropah. Pada keseluruhannya

mesyuarat ini adalah dianggap sebagai satu kejayaan dalam merapatkan lagi hubungan politik dan kerjasama ekonomi antara Asia dan Eropah.

Selain dari memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah mengenali satu sama lain secara lebih rapat lagi, ASEM telah menghasilkan keputusan-keputusan yang konkrit, positif dan juga pragmatik. Sebelum ini tidak ada forum di Asean untuk pemimpin dari benua Asia dan Eropah untuk bertemu dan bertukar pendapat dan mengadakan kerjasama ekonomi. Walhal di antara benua Asia dan negara-negara Pasific termasuk Amerika dan Kanada terdapat APEC, dan di antara benua Eropah dan Amerika telah wujud beberapa rangkaian kerjasama.

Dari segi kerjasama ekonomi ini, mesyuarat ASEM telah menekankan bahawa sebarang langkah integrasi dan kerjasama serantau seharusnya selari dengan dasar dan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan bersikap terbuka. ASEM juga bersetuju perkara utama dalam WTO sekarang ialah mencari jalan untuk melaksanakan komitmen yang telah dibuat dalam perundingan Pusingan Uruguay. Dari segi isu-isu politik dan keselamatannya, mesyuarat ASEM bersetuju bahawa dialog politik di antara Asia dan Eropah perlu dikukuhkan lagi berdasarkan kepada prinsip sama rata, saling hormat-menghormati dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri dan negara-negara lain.

ASEM juga bersetuju untuk meningkatkan inisiatif untuk menghapuskan senjata-senjata pembina mangsa atau weapon of mild destruction, dan juga pemimpin-pemimpin ASEM juga telah mengulangi azam mereka untuk mengurang dan seterusnya menghapus senjata nuklear dalam dunia secara sistematik dan progresif demi mewujudkan keamanan dan keselamatan sejagat.

Mesyuarat ini telah menerima beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Antaranya ialah mengenai cadangan supaya tidak dikaitkan soal perdagangan dan pelaburan dengan perkara-perkara yang tidak ada kena mengena secara langsung dengan perdagangan dan pelaburan. Mesyuarat juga telah menerima cadangan Malaysia mengenai pembinaan 'Trans Asia Train' dari Singapura melalui Malaysia, Thailand, Lembah Mekong hingga ke Selatan China, di mana Malaysia, negara kita telah dilantik sebagai penyelaras untuk membuat kajian mengenai projek tersebut.

Satu lagi cadangan iaitu dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kepada negara-negara Eropah ialah membuka universiti-universiti cawangan di negara Asia untuk mewujudkan program berkembar dan universiti-universiti Asia.

Selain daripada itu ASEM juga telah bersetuju penubuhan Pusat Teknologi Alam Sekitar Asia - Eropah di Thailand untuk menjalankan kajian dan kegiatan pembangunan. Mesyuarat juga telah bersetuju forum perniagaan Asia-Eropah yang pertama akan diadakan di Perancis pada tahun 1996 ini bagi menentukan modaliti dan meningkatkan kerjasama sektor perniagaan dan swasta di antara rantau.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sama ada ASEM bercadang untuk membincangkan isu tentang human rights yang sering dibangkitkan oleh NGO di peringkat antarabangsa, kerana perkara ini

mempunyai kesan yang begitu buruk di beberapa tempat termasuk di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya?

Tuan Ding Seling: Soalannya ialah adakah ASEM membawa perkara human rights seperti NGO yang selalu membawa perkara-perkara dengan menuduh beberapa negara termasuk negara kita mengenai human rights.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Ding Seling, ingin saya memaklumkan bahawa memang dahulunya ada cadangan dari pihak Eropah untuk mengemukakan soal-soal human rights, tetapi negara-negara Asia termasuk ASEAN telah menjelaskan bahawa perkara-perkara human rights ini adalah tidak sama pendapat dari segi pandangan-pandangan di antara pihak Eropah dan Asia, jadi, perkara ini tidak di bawa secara langsung. Tetapi sepertimana yang saya sebutkan tadi, pihak ASEAN seluruhnya telah menyatakan bahawa usaha negara-negara maju untuk mengintegrasikan atau tidak melibatkan human rights ini dengan soal perdagangan (trade) dan telah disetujui bahawa tidak ada kaitan dan tidak boleh digunakan dalam soal-soal negotiation atau trading agreement. Jadi, inilah sebenarnya soal human rights yang telah disentuh serba sedikit tetapi tidak secara langsung.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri. Setelah

sidang ASEM yang diadakan di Bangkok pada bulan Mac, 1996, kelihatan tekanan kita ke arah merealisasikan gagasan EAEC telah nampak kendur. Adakah kita sudah berpuas hati bahawa oleh kerana negara-negara Asia yang terlibat dalam ASEM itu adalah negara-negara yang kita cadangkan dalam EAEC, adakah kita sudah berpuas hati bahawa mekanisme ini sudah mencukupi untuk dianggap sebagai EAEC dan kalau tidak, apakah langkah-langkah kita seterusnya.

Juga, oleh kerana New Zealand telah pun memberi sokongan kepada EAEC dan telah berlaku perubahan kerajaan di Australia, adakah kita akan menerima mereka ke dalam ASEM dan juga EAEC?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang soalan itu, sila jawab.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan mengenai kemasukan ahli-ahli baru dalam ASEM ini, negara kita Malaysia masih berpendapat bahawa bilangan dan senarai negara-negara anggota ASEM yang ada sekarang ini adalah sesuai untuk pergerakan ASEM pada masa ini.

Pada amnya boleh dikatakan belum ada pertimbangan yang khusus untuk kita menambahkan lagi ahli dalam ASEM ini walaupun ASEM ini bukannya sudah tertutup tetapi masih dalam usaha untuk mengambil langkah-langkah menggerakkan usaha-usaha, perjanjian dan komitmen-komitmen yang telah dicapai semasa mesyuarat di Bangkok. Ini pun masih awal untuk kita

menyatakan keputusan-keputusan bagi menimbangkan bilangan ahli, sama ada akan ditambah atau tidak.

Mengenai soal EAEC ini seperti yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat, memang betul bahawa pendirian New Zealand dan Australia ini telah bertukar untuk menunjukkan tidak ada bantahan secara langsung ke arah kita menubuhkan EAEC ini dan sebab itu juga nampaknya lebih cerah untuk kita mencapai matlamat itu. Walau bagaimanapun, sepertimana yang kita dapati daripada mesyuarat ASEM ini, mood atau cara ini telah pun kita nampak bahawa kegiatan-kegiatan EAEC pun bergerak. Pergerakan EAEC pun telah berjalan di mana melibatkan banyak negara seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli-ahli EAEC.

Secara tidak jelas, EAEC juga telah berjalan dan bergerak di dalam kegiatan atau cara ini, walaupun sebelum dia dipanggil dengan nama EAEC. Jadi, dengan jelas nampaknya, kita akan terus berusaha untuk mencapai penubuhan EAEC seperti yang dicadangkan dahulu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10. Yang sebenarnya saya hendak bertanya soalan tambahan. *[Ketawa]*

SISTEM KEWANGAN ISLAM - PENYELARASAN

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menyelaraskan pengurusan

sumber dan kewangan Islam di seluruh negara supaya ekonomi Islam dapat berkembang dengan lebih pesat menceburi dalam pelaburan penting dan terlibat secara menyeluruh dalam pembangunan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, sejak kejayaan sulung dengan penubuhan Tabung Haji dalam tahun 1960-an dan diikuti pula oleh beberapa institusi kewangan yang lain, sistem kewangan dan ekonomi Islam telah berkembang secara berperingkat-peringkat dan teratur di Malaysia. Sistem Kewangan Islam di Malaysia terbahagi kepada sektor dan institusi seperti berikut:

- (i) institusi kewangan berlesen seperti bank perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan dan rumah diskaun;
- (ii) institusi-institusi kewangan tak terjadual seperti Bank Rakyat, Bank Pembangunan Malaysia dan Bank Simpanan Nasional;
- (iii) institusi pelaburan Islam seperti Lembaga Tabung Haji;
- (iv) tabung amanah berteraskan Islam seperti Amanah Saham Bank Islam (ASBI), Amanah Saham Daruliman Terengganu (ASDI) dan Amanah Saham Kedah;
- (v) pasaran sekuriti berteraskan Islam.

Memandangkan fungsi institusi kewangan Islam kini memainkan peranan yang berlainan, kerajaan bercadang untuk menyelaraskan sumber dana kewangan Islam melalui Bank Negara Malaysia bagi pasaran kewangan dan

Suruhanjaya Sekuriti bagi pasaran modal supaya dana dapat diuruskan dengan cekap dan selaras dengan kehendak syariah.

Majlis pengawasan syariah akan ditubuhkan di Bank Negara Malaysia bagi mengawasi dan menyelaraskan sistem perbankan Islam manakala Suruhanjaya Sekuriti melalui kumpulan penyelidikan instrumen Islam bertanggungjawab bagi mengawasi dan menyelaraskan pembangunan pasaran modal Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memberi perhatian supaya tabung amanah dan sekuriti berasaskan Islam diuruskan bagi membolehkan lebih ramai umat Islam dapat melibatkan diri dan menyumbang di dalam kegiatan ekonomi serta memperluaskan lagi pelaksanaan syariah di dalam sistem kewangan negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut kedudukan yayasan Islam negeri-negeri dan juga baitulmal. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi setakat ini anggaran jumlah kewangan yang diuruskan di dalam bentuk Islam di seluruh negara?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan yang spesifik dan saya akan memberi jawapannya melalui jawapan bertulis.

Mengenai dengan Baitulmal dan juga yayasan-yayasan Islam negeri, saya akan memberi jawapan secara bertulis juga.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi soalan tambahan kepada Timbalan Menteri, walaupun tadi telah disentuh mengenai dengan Baitulmal, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Baitulmal.

Baitulmal ialah institusi kewangan Islam yang telah ditentukan oleh syariah dan hari ini Baitulmal, saya faham di bawah kerajaan negeri kerana peraturan Perlembagaan agama kita di bawah negeri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kalau saya menyatakan bahawa Baitulmal yang ada di negeri-negeri belum lagi menjalankan fungsi sepenuhnya dan menggunakan institusi kewangan Islam ini untuk membangunkan masyarakat Islam? Dan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk melihat area ini supaya Baitulmal dapat memainkan peranannya benar-benar untuk membangunkan masyarakat Islam?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormaf Puan Hajah Mastika Junaidah berkenaan dengan fungsi Baitulmal dan ketidakupayaan perjalanannya sehingga kini.

Setakat ini bagi pihak Kerajaan Persekutuan melibatkan diri tidak dibolehkan oleh undang-undang kerana Baitulmal adalah di bawah kerajaan negeri.

Saya tadi minta maaf kerana tidak dapat menjawab secara terperinci, tetapi ingin saya menyatakan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bahawa setakat ini dana yang dikatakan mengikut sistem syariah secara nisbah pada keseluruhan dana dalam negara kita ialah hanya 5%, di dalam perbankan dan segala institusi Islam di dalam negara ini hanya kurang sedikit daripada 5%.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendaki ialah supaya dana ini dinaikkan kepada 25% supaya ianya dapat menjadi satu dana yang boleh memberi kesan kepada ekonomi negara ataupun yang dipanggil dalam bahasa Inggeris, dengan izin, the critical mass iaitu dana yang cukup.

Jadi, sekarang baru sampai kurang daripada 5%, kita memerlukan 20% lagi, kemungkinan kalau dicampur dengan dana daripada Yayasan Islam negeri-negeri, kemungkinan ianya naik kepada 7% ataupun 8%.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI - TINDAKAN TERHADAP KONTRAKTOR

11. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) memandangkan bahawa kerajaan telah menyatakan yang kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat perumahan yang gagal membina/menyiapkan rumah mengikut masa yang ditetapkan, setakat ini berapa banyak

syarikat yang telah diambil tindakan. Nyatakan apakah sebab kegagalan itu berlaku; dan

- (b) nyatakan perangkaannya negeri-negeri yang membina rumah kos rendah setakat ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter

Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian telah menyenaraihitamkan empat belas syarikat pemaju perumahan yang telah gagal membina atau menyiapkan rumah mengikut masa yang mereka ditetapkan. Syarikat pemaju perumahan yang disenaraihitamkan tidak akan diluluskan Lesen Pemaju Perumahan yang baru. Projek-projek ini gagal kerana pemaju telah menghadapi masalah kewangan.
- (b) Pencapaian pembinaan rumah kos rendah mengikut negeri-negeri bagi tempoh tahun 1991 - 1995 adalah seperti berikut:-

Johor - 45,596 unit.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu guidance, saya kena membaca semua senarai ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak payah baca semualah. Beri jumlah besarnya cukuplah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, jumlah besarnya ialah 258,255 unit. Dan ini termasuk dalam tahun 1995 angka ini belum disahkan lagi.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, semasa beberapa tahun dahulu, kerajaan telah menubuhkan tabung untuk membangunkan rancangan perumahan yang terbengkalai. Tetapi sehingga hari ini kita masih terdapat lagi berapa bilangan rancangan perumahan yang mana rakyat yang terlibat telah membayar, dengan izin, down-payment, tetapi rancangan itu masih tidak diselamatkan oleh kementerian. Apakah sebab-sebabnya perkara itu berlaku?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dana ini dibawah pentadbiran Kementerian Kewangan dan bukan di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua masalah projek perumahan terbengkalai di negeri-negeri seperti Johor, Selangor, Perak dan Pulau Pinang telah diselesaikan dan projek-projek itu yang telah diberi bantuan dan akhirnya disiapkan tetapi ada juga projek-projek yang belum dapat disiapkan sebab masalah-masalah tertentu seperti pemaju itu sudah hilang, tidak dapat dicari atau sesetengah pembeli itu pun hilang juga dan[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Heh, heh, apa perkataannya Yang Berhormat?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ada yang mati!

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar macam ‘celaka’. [*Ketawa*]

Tuan Peter Chin Fah Kui: Inilah masalah-masalah tertentu sebab yang tidak dapat disiapkan tetapi saya diberi faham, masalah ini masih diuruskan setakat mana yang kita dapat kita akan menyiapkan projek yang terbengkalai itu.

PROJEK HIDROELEKTRIK BAKUN - KOS DAN MASALAH PELAKSANAAN

12. **Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) sama ada Bakun Projek (HEP) dapat dilancarkan mengikut jadual waktu yang ditetapkan dan jumlah kos sebenar projek tersebut; dan
- (b) dari mana sumber kewangan untuk membiayai projek ini dan adakah projek Bakun ini tidak menyusahkan penduduk tempatan, jika ya, apakah usaha-usaha lain untuk mengatasi masalah penentangan dari masyarakat tempatan.

10.6.96

17. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa projek Ampangan Air Bakun walaupun canggih dan berwawasan namun terdapat juga tentangan daripada beberapa kumpulan terhadap pelaksanaannya:

- (a) adakah kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek tersebut; dan
- (b) apakah tindakan terhadap kumpulan-kumpulan dianggap penghalang kepada pelaksanaan projek tersebut.

Mentri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie Anak Irok]:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka minta izin untuk menjawab soalan dari Dato’

Haji Zainal bin Md. Deros bersekali dengan soalan yang dijadualkan pada 10hb. Jun, 1996 dari Yang Berhormat Tuan Itam Wali bin Nawan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor berapa?

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Nombor soalan itu saya kurang pasti, tarikhnya pada 10hb. Jun, 1996 berkaitan dengan projek Bakun, kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila teruskan.

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpuas hati dengan segala persediaan ke arah pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun dan kerajaan juga yakin ianya dapat disiapkan mengikut jadual untuk kegunaan dalam tahun 2002 dan 2003.

Berhubung dengan kos projek, saya suka maklumkan bahawa ianya bergantung kepada harga yang ditawarkan oleh kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan projek ini.

Pada masa sekarang, pemilihan kontraktor sedang dimuktamadkan. Dalam pada itu, pemaju Projek Bakun juga sedang mengatur rancangan pembiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah memaklumkan beberapa kali tentang faedah-faedah yang akan diperolehi oleh rakyat dan negara melalui pelaksanaan projek ini.

Kerajaan telah sedaya upaya berusaha untuk mengambil tindakan sewajarnya supaya dapat memuaskan hati semua pihak yang mempunyai minat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam pelaksanaan Projek

Hidroelektrik Bakun dan kini usaha-usaha akan ditumpukan supaya projek ini akan dilaksanakan mengikut jadual.

Tuan Low Kai Meng: Soalan tambahan. Mengapakah Projek Bakun telah menjadi satu isu yang paling besar terutama sekali tentang alam sekitar. Adakah apa-apa langkah yang telah diambil oleh pihak berkenaan untuk mengatasi masalah tersebut?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Projek Hidroelektrik Bakun ialah suatu projek yang besar dan dengan itu kemungkinan ianya menarik perhatian umum. Walaupun demikian dari segi kedudukan mereka yang membuat pandangan berkaitan dengan soal alam sekitar walaupun kita terdapat mungkin ada mereka yang masih memerlukan penerangan dan kerajaan akan meneruskan penerangan ini kita juga dapati memang ada segelintir penduduk-penduduk khususnya dari luar negara yang sengaja hendak memburuk-burukkan keadaan alam sekitar berkaitan dengan Projek Bakun.

Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, ada juga segelintir daripada rakyat di negara kita ini telah terpengaruh oleh mereka dari luar negeri. Dari segi pandangan kerajaan kita berpuas hati walaupun memang ada menenggelamkan air kira-kira 69,500 hektar, ianya tidaklah suatu kawasan yang besar jika dibandingkan dengan keluasan tempat-tempat di negeri Sarawak dan negara kita ini dan untung yang akan didapati daripada pelaksanaan projek ini, kita

berpuas hati akan lebih daripada kemungkinan kerugian yang boleh timbul. Jadi kita berpuas hati mungkin mereka yang membuat bantahan ini sebahagian dari mereka mempunyai tujuan-tujuan mereka sendiri yang tidak mahu melihat negara kita ini maju. Kemungkinan juga terlibat industri-industri yang hendak mempamerkan atau penjualan industri nuclear power yang kita sudah terangkan tidak menerima dalam negara kita ini. Terima kasih .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya, saya hendak ucap tahniah kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sebagai Menteri saya dapati ada juga kadang-kadang datang ke Parlimen menjawab sendiri soalan. Kalau Yang Berhormat ahli UMNO, sah saya calon sebagai Naib Presiden. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh masuk UMNO, ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Insya-Allah, kalau besok dalam perbahasan, saya akan sebutlah masalah kedatangan pemimpin-pemimpin ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya rakyat boleh buat panduan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, Yang Berhormat ada mengatakan tadi bahawa pelaksanaan Projek Bakun ini mengikut jadual dan tidak ada masalah tetapi baru-baru ini, adakah Yang Berhormat sedar ada pertikaian lidah dalam akhbar di antara Pengerusi Tenaga Nasional, Tan Sri Ani Arope dan juga Pengerusi Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing mengenai dengan harga jualan tenaga daripada Ekran sebagai pemaju utama Projek Bakun kepada TNB yang

akan membeli tenaga tersebut mengenai dengan harga jualan. Kata pihak TNB, Tan Sri Ani Arope harga yang ditawarkan oleh Ekran mahal, kata Tan Sri Ting Pek Khiing itu termurah dan saya percaya mereka kedua-dua ini berjumpa dalam mesyuarat kerana ini projek besar. Yang tersiar dalam surat khabar di luar itu apa pasal.? Adakah Yang Berhormat tidak nasihat mereka ini? Sebab ini menimbulkan prasangka rakyat, apabila selama ini ada orang mengatakan Projek Bakun diberi kepada satu syarikat atas dasar pilih kasih, kita menjawab tidak tetapi tatkala bila keluar harga itu mahal, ini kata murah - pertelingkahan - timbul prasangka daripada rakyat. Perkara ini tidak patut berlaku. Jadi, Yang Berhormat sebut tadi kata tidak ada masalah, saya rasa ada sedikit-sedikit masalah, boleh tolong terangkan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perbincangan di antara Tenaga Nasional dan pihak pemaju Projek Bakun masih berjalan dari segi menetapkan bahawa purchase agreement dan yang setahu kita semua perkara-perkara dan syarat-syarat terkandung dalam perjanjian itu sudah pun mendapat persetujuan.

Apa yang belum lagi mendapat persetujuan ialah harga per unit kilowatt/hour yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali sebentar tadi. Dalam pandangan kita memang biasa dalam soalan serupa ini, yang hendak menjual mengatakan harga berlainan dari harga pihak pembeli, jadi perkara ini bukanlah yang luar biasa. Walaupun demikian, kita sentiasa

monitor dari segi kemajuan perundingan mereka dan saya percaya perundingan ini dapat diselesaikan dalam bulan ini juga untuk meneruskan projek ini supaya dapat bermula dan dapat disiapkan mengikut jadualnya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita diberitahu bahawa kawasan yang akan ditenggelamkan oleh air berjumlah 69,900 hektar lebih kurang. Jadi, soalan saya ialah daripada kawasan ini berapakah tan balak yang sepatutnya dikeluarkan dan berapakah nilai balak-balak itu dan siapakah yang akan mendapatnya, kerajaan negeri berapa dan Ekran berapa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tenggelam juga balak itu. *[Ketawa]*

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang akan ditenggelami air ialah kira-kira 69,500 hektar. Walaupun demikian, kebanyakan tempat-tempat ini sudah pun diguna dari segi, dengan izin, shifting cultivation untuk tanaman orang-orang tempatan beberapa tahun yang lepas. Sebenarnya saya tidak mempunyai angka yang tepat di hadapan saya sekarang tetapi saya sedar bahawa kebanyakan kayu-kayu dan balak-balak di tempat itu memang sudah pun tidak ada lagi walaupun sebahagian dari balak-balak masih juga terdapat di tempat itu.

Apa yang penting kita harus ingat dari segi perspektif anggapan bahawa pembangunan Bakun ini bertujuan untuk menebang balak tidaklah betul. Sebenarnya dalam keluasan, dengan izin, catchment area, kira-kira satu juta

hektar yang sebenarnya sudah pun diberi concessions kepada beberapa syarikat. Dengan pembangunan Bakun ini mereka harus dikenakan syarat-syarat yang ditetapkan selari dengan development dalam catchment area, bermakna ianya akan mengurangkan pembalakan dalam kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua: ang Berhormat Datuk P. Pangsai.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Dengan izin, soalan no. 13.

KAD PENGENALAN - KELAYAKAN

13. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop [di bawah s.o. 23{2}]:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa di samping kad pengenalan palsu yang didapati di negara ini, adakah juga kes-kes seperti kad pengenalan yang tulen atau sah yang dikeluarkan kepada orang-orang yang tidak berkelayakan. Jika ada, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap orang berkenaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengakui terdapat kes-kes kad pengenalan tulen dan sah telah dikeluarkan kepada orang-orang yang tidak berkelayakan. Kes-kes sebegini timbul disebabkan oleh pemalsuan maklumat dan dokumen semasa permohonan itu dikemukakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan terdapat juga kes yang berlaku disebabkan oleh kesilapan perkeranian. Walau bagaimanapun, bilangan kes sebegini adalah amat kecil dan kebanyakan kad pengenalan tersebut telah pun ditarik balik dan disenaraihitamkan. Bagi mereka secara sengaja menggunakan dokumen sokongan untuk mendapatkan

kad pengenalan, mereka ini juga boleh diambil tindakan undang-undang dan diusir keluar sekiranya mereka ini adalah pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 22 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 - 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul yang dibuat di atas nama Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020”. *[4hb. Jun, 1996]*.

Tuan Yang di-Pertua: Baru sebentar saya tidak nampak Tuan Yim, saya ingat sudah tidak datang lagi.

Tuan Yim Chee Chong: Ada datang hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sampai pukul 3.20 tadi tidak ada, saya ingat sudah tidak ada. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, sila sambungkan perbahasan. Sila.

3.39 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih , Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada menceritakan tentang study saya, jadi belum habis lagi, saya tidak mengetahui sama ada Tuan Yang di-Pertua hendak dengar lanjutan atau tidak. Kalau hendak dengar saya teruskan, tidak mahu dengar saya balik kepada Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Yim Chee Chong: Teruskan? Teruskan apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ikut sequence of thought, ikut fikiran

Tuan Yim.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, terima kasih. Semalam saya menceritakan sampai saya pulang dari England. *[Ketawa]* Sesudah lima tahun belajar di situ, balik dengan Ijazah Undang-undang dan Ijazah Politik. Jadi, semalam saya katakan saya belum diterima jadi seorang peguam kerana sistem pelajaran England dan Malaysia berlainan. Di UK saya sudah mendapat Law Degree hendak ambil Bar final, di MU kita terus sahaja LLB, terus jadi lawyer. Jadi, oleh sebab saya pulang dari England, Law Degree sahaja tidak guna, bukan semua tidak guna, sedikit sahaja tidak guna, belum sempurna! Tetapi terpaksa saya ambil CLP Course, Sijil Amalan Guaman di MU. Semalam saya mengatakan sungguhpun saya baca bersungguh-sungguh tetapi peperiksaan pertama tidak lulus, gagal.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Lulus dua sahaja!

Tuan Yim Chee Chong: Oh, yakah? Ya, ya. Lima mata pelajaran cuma lulus dua sahaja. *[Ketawa]* Saya pun lost of confidence, ini ramai orang tidak cerita sebab malu sendiri, sebab ramai murid-murid penuntut ada di sini. *[Ketawa]* Kita beri galakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun merasa sedih kenapa tidak lulus. Saya ingat profesor sudah salah, sudah beri mark yang salah, dia tak faham.

[Ketawa] Tetapi saya try lagi, second attempt. Empat mata pelajaran lulus dan satu sahaja yang failed. Kali ini ada kepujian - 2 kepujian iaitu Civil, kepujian dan General Paper dapat kredit. Wah, saya gembira, kali ini dapat kredit. Tetapi Criminal Procedure Court (CPC) failed dengan satu markah sahaja! Saya tak sampai begitu, sebab satu markah sahaja saya hendak tunggu satu tahun untuk refer.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa markahnya itu? Satu markah berapa?

Tuan Yim Chee Chong: Satu markah yang lulus 40 marks. Saya punya, saya ingat 39 marks sahaja. *[Ketawa]* Kenapa examiner professor tidak beri saya satu mark? *[Ketawa]* Kalau saya muda, 23 years old, tidak apa, semasa itu saya 40 plus. Kalau saya examiner, saya tengok orang ini sudah tua sedikit tak apa, beri dia pass! *[Ketawa]*

Jadi di UK macam itu. Ada yang masuk universiti sebagai seorang major student. Kahwin atau tidak kahwin, lain hal. Major sahaja.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dato' Haji Mohd. Zuki minta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Oh ya, boleh. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya tak faham, dalam peperiksaan final, LLB atau Bar At Law, saya tak faham bagaimana Yang Berhormat ini tahu markahnya?

[Ketawa] Biasanya, kita tidak tahu markah, dia tahu 39, 40, orang ini dapat 45. Macam mana cara mendapatkan markah daripada profesor? Biasanya memang kita tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun tak tahu semasa periksa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tak tahu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya pun tak tahu. Barangkali dapat honours kalau saya tahu!

Tuan Yim Chee Chong: Macam mana saya tahu markahnya, sebab keputusannya A, B, C, D, E, F, begitu. Saya punya, "E" sahaja. "E" bermakna satu atau dua markah sahaja. Itu sahaja dugaan saya, satu markah! *[Ketawa]* Betul kan? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan itu tidak berapa terang. Ada juga "E" yang pass dan ada juga "E"

yang tak pass. Jadi, you ini yang tak pass jauhkah atau yang tak pass dekat?

Macam mana you tahu? *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Berkenaan dengan “E” itu, biasanya tak pass. Tetapi kalau fail, kalau “F” itu adalah yang fail sangat teruk. “E” itu sedikit sahaja. Saya ingat you belum masuk universiti di UK. *[Ketawa]* Dahulu ketika saya menuntut di Elyn College of Higher Education di London, saya dapat 2 “C” dan 2 “E”. Kalau ada satu “E”, okay, tetapi 2 “E”, habis! Jadi, saya jangan ambil Law lagi. *[Ketawa]* Itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab satu markah, saya berjumpa profesor. “Kenapa ramai orang failed kali ini?” saya tanya dia. Dia kata, “Oh, we want to maintain the standard!” Saya ingat, kalau maintain the standard, saya susahlah, satu markah sahaja. Tetapi satu subject saya tunggu selama satu tahun. Jadi, saya pun belajar bersungguh-sungguh siang malam, akhirnya lulus. *[Ketawa][Tepuk]* Selama 17 tahun pelajaran saya. 17 tahun - orang jadi lawyer 3 tahun sahaja. Di University of Buckingham 2 tahun intensive course dan satu tahun bar final. 3 tahun sahaja jadi lawyer, tetapi saya, 17 tahun!

[Ketawa][Disampuk] I was called to the bar at the age of 48. Orang 23 years old sudah called to the bar, saya lewat 20 tahun! Jadi, saya ingat Tuhan pun akan melanjutkan umur saya lagi 20 tahun! *[Ketawa]* sebab beri saya 20 tahun tambahan menjadi lawyer.

Tuan Yang di-Pertua, itulah.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang umur Yang Berhormat berapa?

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Umur....age?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua tengok saya, berapa?

[Ketawa] Lebih kurang agaknya? Teka sahaja! Berapa, lebih kurang?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat, 10 hari lagi 21! *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Wah, 21! Harap 21lah, saya doakan, tetapi tak jadi! Nampaknya 30 lebih kan? Wah, nampaknya muka young lagilah! Tetapi saya dilahirkan pada tahun 1938. Berapa, kalau tahun 1938 - 58 tahun umur saya. Nampaknya muda lagi, 30 lebih, 38 orang berkata kepada saya!

Tuan Yang di-Pertua, dalam sekolah menengah, qualifying test saya ambil 2 kali baru lulus. MCE waktu itu dua kali. STPM 7 kali! *[Ketawa]* 7 kali baru dapat masuk universiti. Jadi, orang ambil 3 tahun untuk menjadi peguam, saya mengambil masa yang panjang sangat iaitu 17 tahun yang saya katakan tadi.

Jadi, ramai lawyer sekarang make use of the client's money, account with the client's money. Kelakuannya tidak baik dan membusukkan peguam. Tetapi saya senantiasa ingat, saya menjadi peguam bukan senang, 17 tahun siang malam belajar.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat, adakah beliau sedar bahawa sepatutnya 17 tahun beliau mengambil masa untuk menyudahkan pengajian undang-undang itu bukan satu perkara yang memalukan kerana ada seorang lagi, Tunku Abdul Rahman Putra, Bapa Malaysia kita, dia 25 tahun baru lulus periksa dan dia boleh jadi Perdana Menteri. Bermakna Ahli Yang Berhormat pun ada chance menjadi Perdana Menteri! *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Jadi, saya hendak masuk UMNOlah untuk jadi Perdana Menteri! *[Ketawa]* Sesudah Dato' Seri Anwar Ibrahim, harap saya jadilah!

Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya tidak begitu setuju dengan ucapan Yang Berhormat tadi yang mengatakan lawyer banyak makan duit daripada client's account. Saya pun seorang peguam yang terlatih juga. Jadi, kalau katalah ada sedikit sebanyak, saya mengertilah. Tetapi kalau kata peguam makan duit clients semuanya, saya tidak bersetuju. Jadi, itu memburukkan lagi imej peguam. Imej peguam sekarang ini sedang naik dan sedang baik. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Saya tidak mengetahui Yang Berhormat seorang peguam. *[Ketawa]* Tidak terlewat saya sekarang mengetahuinya. Saya

mengatakan, saya sebagai seorang peguam, saya sendiri pun peguam juga dan saya tidak akan memburukkan imej peguam. Tetapi, pada hakikatnya ada juga ramai atau tidak ramai, kita boleh baca, ramai orang kompelin ke Bar Council, lawyer ini melarikan wang anak guamannya. Ini betul juga bukan? Kita tidak boleh mengatakan kita menafikannya. Ini adalah hal yang sebenar dan kita harus mengakuinya! Setuju? *[Disampuk]* Dengar ya, dia kata setuju! *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Setuju.

Tuan Yim Chee Chong: Dengar ya dia kata 'setuju'. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan ada keluar dalam surat khabar, tetapi yang saya hendak perkatakan perkataan itu menampakkan 'semua peguam' ini tidak baik, itu yang saya tidak setuju. Kalau kata seorang dua yang disiarkan dalam surat khabar saya bersetuju, saya pun baca surat khabar juga, saya pun tahu sedikit-sebanyak, tetapi janganlah menyeluruh, jangan buat kata orang tua 'ambil raut yang jarang-jarang sangat' biarlah rapat sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Saya tidak mengatakan semua peguam. Kalau semua termasuk saya dan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Kawan saya beritahu 'siapa makan cili dia tahulah pedasnya'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, niat saya adalah menggalakkan penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah, nasib baik saudara berada di Dewan Negara

pada hari ini, kalau ambil peperiksaan kadang-kadang satu kali lulus insya-Allah. *[Ketawa]* Ada juga orang mengambil dua-tiga kali, fail juga, ada orang membunuh diri tidak berani balik ke rumah, ada orang kata ‘tidak mahu sekolah lagi’.

Adik-adik yang dikasihi *[kepada pemerhati]* pada hari ini saya menggalakkan saudara dan saudari belajar bersungguh-sungguh supaya lulus peperiksaan, kalau gagal tidak apa, try lagi - mesti jadi. ‘Nothing is possible’ Orang Putih kata. *[Ketawa]* Belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi seorang warganegara yang berguna kepada Malaysia, setuju atau tidak adik-adik di situ?

Tuan Yang di-Pertua,

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Maaf, saya hendak bertanya Yang Berhormat ini dia bersyarah kepada murid-muridkah atau dia....

[Ketawa]

Tuan Yim Chee Chong: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya bersyarah kepada semua, sebab ucapan saya sekarang ini adalah berkenaan dengan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, pelajaran.

Tuan Yim Chee Chong: Jadi ada murid-murid dan penuntut-penuntut di sini, oleh itu saya hendak memberi nasihat kepada mereka itu sahaja - ini adalah hati yang baik (from the bottom of heart). *[Ketawa]* Saya anggap

mereka sebagai anak kita, adik-beradik kita - itulah tujuan saya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, sepatutnya Yang Berhormat kena berhujah memandangkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan bukan kepada murid-murid, sambil murid-murid mendengar itu tidak apalah. Jadi, kepada Tuan Yang di-Pertua, kami ini mendengar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, sila.

Tuan Yim Chee Chong: Sebab itulah saya tengok apa reactionnya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya menyentuh mengenai RMK-7, buku yang setebal 1,540 pages. Jadi, saya ingin mengatakan bahawa RMK-7 adalah baik dalam Bahasa Malaysia mahupun dalam bahasa Inggeris. Buku itu adalah begitu menyeluruh, lengkap dan detail. Rancangan Malaysia Ketujuh adalah rancangan untuk membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan itu adalah bercita-cita untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, yang adil, progresif, aman, damai, maju, makmur dan berbahagia menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara yang mulia ini supaya memberi sokongan penuh kepada Usul

kita ini, selain daripada itu saya menyeru kepada rakyat semua bangsa dalam negara kita ini memberi sokongan penuh dan kerjasama kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk menjayakan RMK-7 demi nusa dan bangsa.

Selama 30 tahun kita melaksanakan Rancangan Malaysia, kerajaan kita telah mencapai kejayaan dalam tempoh 30 tahun yang lalu. Sekarang ini kita melancarkan RMK-7, lagi 5 tahun kita memperjuangkan untuk negara kita. Saya harap di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, negara kita ini akan terus maju, berjaya termasuk era baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa beberapa tahun yang lalu kita sentiasa membaca paper dan selalu mendengar khabar angin yang PM dan TPM tidak kerjasama, salah faham (mis understanding) antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berwaspada pada musuh dalam selimut, juga kita harus berwaspada pada musuh 'yang luar selimut' -ini perkataan baru.

[Ketawa] Musuh kita sentiasa merosakkan perpaduan kita, PM dan TPM adalah sangat penting hubungan mereka itu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan ‘musuh’ yang mana yang merbahaya? Yang ‘dalam selimut’ atau ‘luar daripada selimut’ *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Musuh yang merbahaya sekali ialah ‘dalam selimut’ - yang tidak nampak. *[Ketawa]* ‘Yang luar’ macam PAS, DAP senang sahaja mengalahkannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berwaspada pada musuh kita yang selalu mengeluarkan khabar-khabar angin (rumours) yang mengatakan PM dan TPM tidak kerjasama dan baru-baru ini ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pulang dari luar negeri, di airport reporter tanya yang mengatakan “TPM sudah resign”. PM denied, dia kata “tidak”.

Tuan Yang di-Pertua, orang Cina pada masa dahulu ada 36 ikhtiar 36 jalan untuk memenangi perang ataupun memenangi musuh. Di dalam satu ikhtiar ada yang memecah-belah seseorang atau hubungan seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim pernah mengatakan dia menyifatkan dirinya sebagai seorang anak kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, oleh kerana dia menjadi anak kepadanya dan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim berkali-kali berikrar taat setia kepada PM kita. Jadi, orang sengaja hendak memecahbelahkan kedua-dua pemimpin kita, kita jangan yakin

orang Cina mengatakan “rumour itu adalah tort pada orang yang berakal”. Kita semua berakal, kita jangan dengar orang cerita apa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Selama 38 tahun saya dalam politik, hari itu saya mengatakan saya mula-mulanya adalah seorang sosialis, saya adalah pengerusi Parti Buruh bahagian Negeri Sembilan (Labour Party of Malaya). Kemudian bila Labour Party of Malaya diregisterkan sekali lagi, saya masuk Parti Sosialis Rakyat Malaya berjuang bersama-sama dengan saudara Ahmad Kassim....

Tuan Yang di-Pertua: Kassim Ahmad!

Tuan Yim Chee Chong: Ha! Kassim Ahmad - terbalik sebab lama tidak sebut namanya. *[Ketawa]*

Sepuluh tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, sesudah saya pulang dari England, sesudah saya mengkaji politik di luar negeri, saya berpendapat negara kita ini diperintah oleh Barisan Nasional, negara kita ini diketuai oleh Dr. Mahathir adalah sebuah negara yang berjuang untuk rakyat. Saya sokong penuh perjuangan Dr. Mahathir, sebab itu sesudah 28 tahun saya di opposition, saya masuk MCA.

Tuan Yang di-Pertua: Bila?

Tuan Yim Chee Chong: Tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh tahun dahulu.

Tuan Yim Chee Chong: Sepuluh tahun dahulu. Saya masuk MCA dan terus masuk calon, saya gagal. *[Ketawa]* Saya dikalahkan oleh Dr. Chen Man Hin. Dr. Chen Man Hin kuat di Seremban. Ahli-ahli Yang Berhormat belum pernah pergi ke situ masa itu. Selama 25 tahun dia kuat di situ. Tak ada orang yang boleh kalahkannya, kecuali Dato' Lee San Choon sekali. Kawasan Seremban adalah kawasan orang Cina. Orang Cina biasanya sokong opposition, dulu sokong Labour Party, kemudian sokong DAP. Susah hendak mengalahkannya. Jadi, tahun 1990, saya jadi calon MCA di situ, oleh kerana saya sudah lama berkhidmat di situ 30 tahun, ramai orang kenal, Yim sudah tolong dia, jadi kalau Yim tak keluar, tak jadi calon kita mahu undi DAP, kalau Yim jadi calon kita mahu undi Barisan Nasional, jadi sebab itu saya menang dengan 77 undi majoriti sahaja. *[Ketawa]* Saya jadi 'giant killer'.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim, 77 itu kalau main lotto, dia kata dua kali cangkul.

Tuan Yim Chee Chong: Dua kali cangkul dan 2 pistol. *[Ketawa]* Jadi, sejak tahun 1986 siang-malam saya berkhidmat untuk rakyat, untuk parti, kerana Dr. Mahathir. Saya sokong perjuangan beliau. Saya masuk MCA kerana Dr. Mahathir. Sekarang saya ingin hendak pencen, Tuan Yang di-Pertua. Umur saya 58 tahun - orang 55 sudah pencen. Saya ingat hendak pencen sudah lama 38 tahun. Oleh kerana saya teringat Dato' Seri Anwar Ibrahim, saya sokong beliau. Saya harap satu hari kelak akan jadi Perdana

Menteri Malaysia. Oleh kerana saya sokong beliau, saya terus berkhidmat, terus berjuang di dalam parti.

Oleh yang demikian, saya berharap Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri akan terus bekerjasama untuk negara kita ini. Kita jangan dikelirukan oleh musuh kita, bukan sahaja di dalam selimut, bahkan juga di luar selimut. *[Ketawa]* Orang Melayu kata, ‘berat sama dijunjung.....

Tuan Yang di-Pertua: ‘Dipikul’.

Tuan Yim Chee Chong: Belum lagi, guru bahasa saya entah mana pergi, saya mahu tanya dia. *[Ketawa]* Kawan kata, ‘berat sama dipikul’ pun boleh, ‘dijunjung’ pun boleh, ‘ringan sama dijinjing’. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita adalah macam ini. *[Sambil menunjukkan tangan]* Kita senantiasia kata, ‘bersatu kita teguh, bercerai kita roboh’ ataupun ‘runtuh’. Jadi, untuk kepentingan negara kita, kedua-dua pemimpin kita akan terus bekerjasama, akan terus berjuang untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin kritik tentang *Utusan Malaysia*. Adakah pemberita *Utusan Malaysia*, minta maaf ya, saya hendak kritik. Pada 1hb. Jun, ada ruangan dalam negeri *[Sambil menunjukkan surat khabar]* yang bertajuk “Senator tidak guna kesempatan membahaskan RMK-7”. Semalam sahabat saya kata dia tak puas hati. Dia kata tidak ada hak ini, minta saya cakap di Dewan yang mulia ini. Sekarang saya ingin mengatakan ini tidak betul. “Senator tidak guna kesempatan membahaskan RMK-7”, ini

adalah tidak betul. Dalam kandungannya mengatakan., “Persidangan Dewan Negara minggu ini tidak sehebat persidangan Dewan Rakyat. Kesempatan untuk membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh tidak digunakan sepenuhnya oleh para Senator seolah-olah mereka tidak cukup persediaan.” Saya menafikan kenyataan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengatakan tidak sehebat macam Dewan Rakyat, saya mengaku kerana Ahli-ahli Dewan Rakyat ramai daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Di Dewan Rakyat ada opposition, Lim Kit Siang, Karpal Singh, DAP semua ada di situ. Jadi, kadang-kadang di situ bising sangat macam market sahaja, riuh-rendah, gaduh-gaduh. Saya ada 5 tahun di situ, saya pun merasainya. Saya pun selalu bergaduh dengan DAP, dengan PAS. PAS saya pun selalu kritik sahaja. Ya, betul, yang situ hebat, yang kita sini tak hebat. Semua orang cakap, orang Hokkien cakap ‘ka-ki-nang’ bermakna kita sendiri punya orang dari Barisan Nasional. Sungguhpun kita dari Barisan Nasional, tetapi kita menyuarakan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian dia kata, “seolah-olah mereka tidak cukup persediaan.” “Seolah-olah sahaja”, bukan ‘sebenarnya’. Sebenarnya kita semua Ahli-ahli Dewan Negara selalu prepare, siap sedia ucapan kita sampai siang. Semalam Dr. Ng Yen Yen beritahu saya dia pun sudah prepare satu jam ucapan. Dia minta saya minta kebenaran kepada Tuan Yang di-Pertua, bagi dia satu chance untuk bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam *Utusan Malaysia*, sidang Dewan Rakyat ini salah. Sebenarnya ini bukan sidang, logo boleh. Ini logo Parlimen, Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh gunakan, ini betul. Tetapi sini gunakan ‘Sidang Dewan Rakyat’. ‘Senator tidak gunakan kesempatan membahaskan RMK-7’, ini salah, minta membetulkannya. Hari ini *Utusan Malaysia* telah membetulkannya, ‘Sidang Dewan Negara’. Saya minta pemberita tolong membetulkan, yang ini tidak betul. Sebenarnya, Ahli-ahli Dewan Negara yang di bawah pimpinan Dato’ Adam Kadir sebagai Speaker kita, kita semua rajin. Tengok kawan kita ramai di sini, Tuan Ding Seling, Tuan Hanipah, Tuan Haji Abu Bakar, Dato’ Haji Mohd. Zuki, Tuan Mustaffa, mana kawan saya. Ini semua orang berani cakap. Lagi kawan saya, Tuan Rahim Baba, Tuan Ng See Tiong, M.G. Pandithan tak ada di sini, Profesor T. Marimuthu, Tuan N. Marimuthu, semua mereka pandai bercakap. Tak payah sedia, dia kata sedia tak cukup, ini tidak benar.

Berkenaan dengan media, saya ingin kritik pada hari ini akhbar tempatan. Banyak akhbar tempatan langsung tak ada laporan Dewan Negara, langsung tak ada laporan sidang Dewan Negara. Dewan Negara adalah begitu penting dalam negara kita ini. Tetapi mereka minat siar keputusan lumba kuda, minat siar share market, hari-hari ada dan lagi kes rogol. Macam mana dia rogol, macam mana dia jadi perogol, apa gunanya?

Dewan Negara kita ini begitu penting, tetapi banyak newspaper pada hari ini langsung tidak ada laporan sidang Dewan Negara. Oleh itu saya menasihatkan mereka tolonglah mengutamakan kepentingan negara kita, siarkan laporan sidang Dewan Negara. Ada juga yang laporkan sidang Dewan Negara, tetapi tidak detail, tolong detailkan, beritahu semua rakyat apa yang berlaku di Dewan Negara, macam mana Ahli-ahli Yang Berhormat memperjuangkan untuk nasib rakyat di negara kita ini. Kita bukannya tidur di sini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Akta Pengambilan Tanah, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah memerintahkan kerajaan negeri memberhentikan pengambilan tanah perseorangan untuk pembangunan sehingga pindaan Akta Pengambilan Tanah diluluskan oleh Parlimen. Saya sokong penuh tentang cadangan ini, oleh kerana ada kerajaan negeri, dia ambil tanah dari pemilik (land owner) dan memberi ganti rugi yang begitu rendah dan menjual tanah kepada pihak pemaju, pihak pemaju jual kepada pembeli dengan harga yang tinggi, jadi, ini adalah tidak adil kepada pemilik-pemilik. Oleh kerana itu ramai pemilik-pemilik mengadakan bantahan terhadap sikap kerajaan negeri. Sekarang kerajaan pusat mengadakan perintah ini, dan saya ada menerima aduan dari pemilik-pemilik kecil, oleh itu kita harus memberi sokongan penuh supaya

pindaan yang akan datang ini akan dapat menjaga kepentingan tiap-tiap seorang owner.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pendidikan, saya menyokong kerajaan supaya membenarkan universiti di luar negeri mengadakan cawangannya di Malaysia ini. Kita harus menggalakkan pendidikan, satu hari nanti kita harap Malaysia akan menjadi satu pusat pengajian tinggi di Asia Tenggara kita ini. Mengenai dengan Universiti Malaya, baru-baru ini ramai mahasiswa dan mahasiwi menunjuk perasaan membantah mengenai yuran pengajian mereka yang akan naik. Saya harap kerajaan akan dapat menjaga mahasiswa-mahasiswa yang miskin supaya yuran pengajian tidak naik, dan jika ia naik pun jangan begitu tinggi supaya mereka dapat menamatkan pelajaran mereka itu di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengatakan bahawa bahasa Inggeris is vital for development. Betul juga - bahasa Inggeris adalah begitu penting, bukan sahaja dalam negeri kita bahkan juga di luar negeri. Di mana-mana universiti di luar negeri semua knowledge adalah dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu mengikut Perlembagaan kita adalah bahasa rasmi yang tunggal, akan tetapi bahasa-bahasa yang lain kita bebas menggunakannya. Oleh kerana bahasa Inggeris adalah begitu penting, kita harus menggalakkan semua rakyat mempelajari bahasa Inggeris. Selain daripada bahasa Inggeris, bahasa Cina sekarang pun sangat

penting. Bahasa Cina adalah one of the official language in United Nations. Lagi pun sekarang ramai orang Cina berdagang di Malaysia dan ramai orang Malaysia berdagang di negeri Cina. Oleh itu bahasa Cina pun penting jugalah, ramai anak-anak bukan bangsa Cina iaitu anak-anak Melayu dan anak-anak India masuk ke sekolah Cina - saya ingat lebih kurang seramai 40,000, kalau tidak salah. Jadi, kita harus menggalakkan rakyat kita mempelajari semua bahasa selain daripada bahasa Kebangsaan kita.

Bahasa itu adalah penting. Kita masih ingat Premier Chao En-lai dari negeri China. Beliau mengetahui 6 jenis 'language'. Jadi, beliau adalah seorang Prime Minister yang terkenal di dunia ini. Kita tahu semua language adalah untuk kebaikan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Chao En-lai - bahasa apa yang dia tahu? Ada 6 bahasa, bahasa apa itu?

Tuan Yim Chee Chong: Bahasa China, bahasa Jepun, bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa French dan bahasa

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia?

Tuan Yim Chee Chong: Bahasa Malaysia, saya ingat "Terima Kasih" sahaja yang dia tahu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, tentang hospital dan kesihatan negara kita, kerajaan Barisan Nasional selama ini telah bekerja kuat untuk menjaga kesihatan rakyat dalam negara kita ini, akan tetapi saya mengharapkan kerajaan supaya mengawal hospital swasta tentang bayaran

rawatan perubatan. Ramai orang kompelin mengenai private hospital, bayarannya sangat tinggi. Berapa puluh ribu untuk pembedahan atau rawatan perubatan. Saya harap Kementerian Kesihatan akan mengawal semua hospital swasta untuk kepentingan pesakit - rakyat kita, terutama pesakit yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yim, boleh habiskan dalam masa 5 minit lagi?

Tuan Yim Chee Chong: 5 minit lagi? Jadi, saya hendak pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab menteri hendak menjawab selepas ini.

Tuan Yim Chee Chong: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang negara kita ini tidak ada pemberontakan komunis. Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri akan membenarkan bekas ahli-ahli komunis, kalau mereka hendak pulang ke kampung halaman, biarkan mereka pulang dan juga saya harap bekas anasir bawah tanah dari Singapura, kalau hendak pulang, biarkan mereka pulang. Baru-baru ini saya ada satu kes, seorang yang dikatakan dahulu adalah bekas anasir bawah tanah di Singapura, tetapi beliau ada isteri, anak dan ibu di Seremban dan beliau minta pulang. Orang ini dilarang masuk ke Malaysia. Oleh kerana

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang minta laluan, silakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada kawan saya Yang Berhormat, adakah orang-orang ini ada hubungan dengan Yang Berhormat semasa Yang Berhormat menjadi Ketua Parti Buruh dahulu?

Tuan Yim Chee Chong: Tidak, sebenarnya isterinya datang jumpa saya, dia kata dia ada jumpa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi yang lain tidak berani menulis surat bagi pihaknya. Dia tanya saya, saya kata, tidak apa, saya akan hantar surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri. Menteri Dalam Negeri ada jawapan, dia kata minta tunggu dan kes ini masih dalam pertimbangan sejak tahun 1991, tetapi sampai hari ini tidak ada jawapan. Kemudian orang itu pergi ke Ibu Pejabat MCA, jumpa dengan Michael Chong. Michael Chong pun ada hantar sepucuk surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri minta supaya orang ini dibenarkan masuk ke Malaysia untuk bertemu dengan ibu, isteri dan anak-anaknya. Saya pun sudah menghantar surat tetapi tidak ada jawapan. Saya harap Kementerian Dalam Negeri akan timbang permohonannya.

Orang itu adalah bernama Encik Leong Shek San, nombor kad pengenalan Singapura - S1488495E dan nombor rujukan Kementerian Dalam Negeri adalah KDN(S)100/857/4-389(19). Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan membenarkan beliau masuk ke Malaysia.

Baru-baru ini ada satu Memorial Assembly of Lim Chin Siang. Lim Chin Siang semua orang kenal dia, orang tua semua kenal, orang muda tak kenal. Dahulu adalah pejuang bersama-sama dengan Lee Kuan Yew di Singapura. Lee Kuan Yew dan PAP berkuasa adalah kerana Lim Chin Siang.

Lim Chin Siang dapat sokongan penuh dari kaum pekerja. Bila PAP di Singapura memenangi pilihanraya, PAP mengatakan minta kerajaan bebaskan Lim Chin Siang, kalau tidak PAP tidak akan tubuh kerajaan.

Kemudian, kerajaan yang berkuasa sudah membebaskan Lim Chin Siang. Oleh kerana Lim Chin Siang tidak dapat bekerjasama dengan Lee Kuan Yew, maka Lim Chin Siang pun menubuhkan satu barisan sosialis Singapura lawan dengan PAP. Kemudian Lim Chin Siang ditangkap pula oleh Lee Kuan Yew. Lim Chin Siang sudah meninggal dunia dua, tiga bulan yang lalu. Ada seorang lawyer T.T. Rajah, ini lawyer puak kiri yang terkenal di dalam perjuangan puak kiri. Dia pun dilarang untuk masuk ke Malaysia, oleh kerana untuk memorial assembly of Lim Chin Siang, Dato' Seri Dr. Mahathir membenarkan T.T. Rajah masuk ke Malaysia untuk menghadiri diri dalam assembly, dalam satu perjumpaan memperingatkan Lim Chin Siang. Tetapi malangnya sebelum assembly itu diadakan, T.T. Rajah sudah meninggal dunia, tak sempat beliau menghadiri diri di dalam assembly itu.

Akan tetapi ketika majlis mengumumkan Dr. Mahathir membenarkan T.T. Rajah masuk Malaysia, ramai orang puak kiri di situ semua tepuk tangan, kata: "Ini Prime Minister bagus". Ini adalah kali pertama di arena politik negara kita ini puak kiri memuji Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, saya harap orang yang saya sebutkan tadi, pihak Kementerian Dalam Negeri akan membenarkan beliau masuk ke Malaysia. Itu saya ingat tak panjang lagilah. *[Ketawa]*

Tentang bayaran tol. Bayaran tol adalah sangat tinggi. Dahlu semasa saya di Dewan Rakyat, saya pernah memohon supaya syarikat tol akan mengurangkan bayarannya, tetapi hari ini bukan sahaja tidak dikurangkan bayaran itu tetapi juga naik. Ramai orang bantah, balik kampung mahal sangat, kawan-kawan saya di dalam Parlimen ini berkali-kali minta saya mengemukakan hal ini dalam Parlimen.

Saya harap supaya syarikat tol itu jangan dengan sewenang-wenangnya menaikkan bayaran tol itu. Mengikut laporan bayaran tol ramai orang yang menggunakan highway. Jadi, incomenya berapa juta setiap tahun? Tetapi hendak memperbaiki jalan, mereka minta pengguna jalan membayar tol, itu tidak adil kepada pengguna-pengguna jalan.

Saya harap kerajaan kita jangan begitu lemah terhadap syarikat ataupun tuntutan yang tidak adil daripada syarikat tol itu demi kepentingan rakyat. Syarikat tol harus dinasihatkan berdiri di atas kaki sendiri. Gunakan income untuk membaiki jalan, janganlah minta rakyat membayarnya,.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang. Sekarang seramai 5,000 orang siang malam kerja di Sepang untuk mendirikan lapangan terbang antarabangsa itu. Saya ingat, kalau di tahun hadapan akan

disiapkan airport ini. Kalau airport ini disiapkan, kita berasa bangga, airport ini adalah salah satu airport yang terbesar di dunia ini boleh compare dengan airport di London. Kalau airport ini siap bila semua orang luar masuk ke Malaysia, oh, nampak airport ini siap mereka mengatakan negara ini mesti maju dan makmur.

Jadi, kita harus mengucapkan terima kasih kepada PM, TPM dan Menteri Pengangkutan kita, Dato' Seri Ling Liong Sik kerana usaha mereka untuk menjayakan projek mendirikan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim boleh gulung sekarang? Sudah lama.

Tuan Yim Chee Chong: Gulung?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sokong sahajalah!

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta lima minit lagi bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya telah beri lima minit.

Tuan Yim Chee Chong: Oh ya, dua minit sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tentang hukuman terhadap ibu bapa. Baru-baru ini menteri kita kata, kerajaan akan mengamalkan satu sistem, kalau anaknya salah, ibu bapanya akan dihukum.

Tuan Yang di-Pertua: Di Singapura?

Tuan Yim Chee Chong: Ada diamalkan di Amerika katanya tetapi mereka ingin mengamalkan sistem ini di Malaysia. Pada hemat saya ini tidak

betul kerana siapa yang salah, siapa yang bertanggungjawab dari segi undang-undang. Ibu bapa sentiasa menasihatkan anak menjadi baik tetapi anak nakal dan jahat tidak mendengar kata-kata ibu bapa. Bila dia melakukan kesalahan, kita mendenda ataupun menghukum ibu bapa mereka adalah tidak adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, macam Jepun, dahulu semasa negara kita ini diperintah oleh Jepun, siapa satu orang sahaja yang melakukan kesalahan, sekampung semua orang kena hukum. Ini tidak adil pada hemat saya. Jadi, kalau sistem ini diamalkan saya ingat tidak adil dan saksama, patutlah bekukan cadangan ini mengikut pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak membasmi kemiskinan, kita harus membasmi kemiskinan di Kelantan kerana rakyat Kelantan amatlah miskin dan susah kerana diperintah oleh PAS. Saya harap Kerajaan Persekutuan tolong memajukan negeri Kelantan supaya rakyat Kelantan tahu Barisan Nasional sahaja yang boleh mengkayakan mereka itu. Kalau negeri itu di perintah oleh PAS pada hari ini tak apa, kalau majoriti sahaja bila-bila boleh jatuh Kerajaan PAS ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat itu sahaja ya Tuan Yim. Sudah tiga minit tadi.

Tuan Yim Chee Chong: Sampai tiga minit ya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ayat yang akhir.

Tuan Yim Chee Chong: Oleh kerana Usul RMK-7 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 28hb. yang lalu adalah untuk membangunkan negara kita, maka saya menyokong penuh usul tersebut. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang dengan hormatnya saya menjemput pihak Menteri Kewangan menjawab. Silakan.

3.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan serta cadangan mengenai beberapa isu yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan semasa membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap ya. Penukaran Pengerusi Mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Silakan

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah membangkitkan tentang perlunya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memainkan peranan penting dalam

melaksanakan dasar-dasar perumahan dan membina rumah-rumah kos rendah di semua negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat selaras dengan arahan kerajaan supaya KWSP turut terlibat melaksanakan projek-projek rumah kos rendah dan sederhana pada masa ini KWSP sedang giat berusaha untuk membina projek-projek berkenaan. Sebagai contoh, di negeri Selangor KWSP akan berusaha sama dengan syarikat MKN Holdings Sdn. Bhd. untuk membina 10,200 unit rumah kos rendah di kawasan seluas kira-kira 500 ekar di Sungai Buloh. KWSP juga sedang berunding dengan pihak berkuasa di negeri-negeri yang lain untuk mendapatkan peluang-peluang untuk membangunkan tanah serta mendirikan projek rumah-rumah kos rendah.

Yang Berhormat Tan Swee Hueng telah menyentuh tentang pembinaan rumah-rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Sukacita saya memaklumkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan meneruskan usaha lagi menyediakan perumahan yang mencukupi terutama bagi golongan berpendapatan rendah. Dengan demikian peruntukan sebanyak RM742 juta telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi meneruskan program perumahan kos rendah.

Yang Berhormat Tan Swee Hueng juga mencadangkan supaya golongan berpendapatan rendah dikenakan faedah tidak melebihi 9% oleh institusi kewangan apabila membuat pinjaman perumahan. Berdasarkan amalan pada

masa kini, pihak bank dan institusi kewangan telah pun memberi subsidi secara subsidi bersilang dari segi mengenakan faedah yang lebih rendah daripada kadar faedah pasaran iaitu 9% setahun atau 1.75 mata peratusan atas kadar pemberian pinjaman asas atau base lending rate (BLR). Berdasarkan kaedah ini kadar faedah yang lebih rendah akan diperolehi oleh seorang peminjam sekiranya pinjaman itu untuk membeli atau membina rumah bernilai RM100,000 ke bawah. Oleh yang demikian golongan berpendapatan rendah boleh menikmati faedah daripada dasar pinjaman yang diamalkan sekarang.

Berhubung penyelewengan dalam pengurusan kewangan dan kekurangan akuntabiliti di sektor-sektor awam sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan sentiasa memandang berat terhadap kedua-dua perkara ini kerana tanpa pengurusan kewangan yang cekap, bersih dan telus, prestasi dan pencapaian negara yang membanggakan tidak akan dapat dipertahankan. Antara langkah-langkah yang kerajaan ambil ialah menubuhkan audit dalam di semua kementerian, jabatan dan badan-badan berkanun. Salah satu tugas Unit Audit Dalam ialah menjalankan kajian tersebut dan melaporkan hasilnya kepada ketua jabatan untuk diambil tindakan. Dengan adanya audit dalam, secara tidak langsung pegawai-pegawai awam akan sentiasa diingatkan supaya tidak melakukan sebarang penyelewengan dan sentiasa bertanggungjawab serta akauntabel terhadap tindakan dan keputusan yang dibuat.

Selain daripada itu, Jabatan Audit Negara dan Badan Pencegah Rasuah juga memainkan peranan yang penting dalam membanteras penyelewengan dan meningkatkan akauntabiliti di sektor awam. Langkah-langkah ini diperkuatkan lagi dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pengurusan kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa mana-mana pegawai atau kakitangan kerajaan yang didapati melakukan penyelewengan tidak akan terlepas daripada tindakan yang setimpal dengan kesalahannya dan mereka tidak dilindungi.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba menyentuh tentang entiti yang diswastakan seperti IWK yang mengabaikan tanggungjawab sosial dan seterusnya membebankan rakyat. Sesungguhnya dalam usaha menswastakan sesuatu projek, elemen tanggungjawab sosial diberi tumpuan seiring dengan prinsip-prinsip komersil. Kerajaan memberi pertimbangan yang teliti terhadap kedua-dua kriteria ini untuk memastikan supaya masyarakat tidak dibebankan dan pada masa yang sama projek berkenaan tidak menemui kegagalan. Dalam penswastan projek pembentungan, IWK telah diminta supaya bayaran yang dikenakan ke atas pengguna hanya setelah perkhidmatan diberi.

Mengenai peruntukan RM100,00 untuk Yang Berhormat senator yang dipohon oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, suka saya menjelaskan di sini bahawa peruntukan sebanyak RM100,000 telah diluluskan bagi setiap Yang

Berhormat senator. [*Tepuk*] Peruntukan itu adalah buat satu penggal, memandangkan Yang Berhormat senator-senator tidak mewakili mana-mana kawasan pilihan raya, maka adalah tidak teratur sekiranya peruntukan itu disalurkan melalui pejabat-pejabat permohonan negeri. Sehubungan dengan itu, untuk menggunakan peruntukan itu, bagi Yang Berhormat senator-senator akan diselaraskan terus oleh unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri bersama Kementerian Kewangan di peringkat Persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali telah melahirkan kekecewaan disebabkan kerugian yang dialami oleh Perwaja. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan sedang diberi perhatian serius oleh kerajaan khususnya berkaitan langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan Walaupun laporan awal menunjukkan adanya unsur-unsur penyelewengan, kerajaan belum dapat mengambil sebarang tindakan sebelum bukti kukuh dapat diperolehi. Kerajaan telah melantik Syarikat Price Waterhouse untuk membuat kajian serta pengauditan terhadap Kumpulan Perwaja. Syarikat Price Waterhouse ialah juruaudit yang ditugaskan untuk mengkaji aspek pengurusan organisasi Kumpulan Perwaja secara keseluruhannya termasuk masalah kewangan. Kerja pengauditan mengambil masa yang lama kerana Syarikat Price Waterhouse perlu meneliti semua dokumen Syarikat Perwaja secara teliti termasuk yang disediakan oleh sebelumnya oleh Cuppus dan laporan pihak pengurusan. Di samping mengemukakan hasil penyiasatannya Syarikat Price

Waterhouse juga akan memberi cadangan-cadangan bagi membolehkan Syarikat Perwaja supaya operasi kelak tidak akan tergendala.

Berhubung masalah tarif IWK, untuk makluman Yang Berhormat, beberapa perkara mengenai penswastaan projek perkhidmatan pembentungan IWK sedang dikaji semula termasuk semakan semula tarif. Langkah ini adalah untuk memastikan supaya IWK memberi perkhidmatan kepada masyarakat selaras dengan tujuan dan hasrat kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh tentang peruntukan yang tidak sama rata antara negeri-negeri di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Sukacita saya memaklumkan bahawa peruntukan bagi negeri-negeri di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah disediakan mengikut perkiraan tertentu yang telah ditetapkan termasuk keupayaan berbelanja dan ini mengakibatkan agihan peruntukan tidak sama rata. Walau bagaimanapun, pembangunan dan taraf kemajuan sosio-ekonomi penduduk-penduduk termasuk di kawasan-kawasan kurang maju di koridor Timur Semenanjung Malaysia sentiasa diberi perhatian. Rancangan Malaysia Ketujuh telah memperuntukkan sebanyak RM1,850 juta bagi negeri Kelantan dan RM2,563 juta bagi negeri Terengganu dan ini tidak termasuk peruntukan bertindih pelbagai negeri yang berjumlah RM24,829 juta yang bertujuan memanfaatkan seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput mencadangkan tempoh penginapan 72 jam disingkatkan kepada 24 jam bagi melayakkan seseorang mendapat pelepasan cukai dengan tujuan untuk menarik ramai pengunjung datang ke Wilayah Persekutuan Labuan. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah mengkaji cadangan ini serta implikasinya secara keseluruhan termasuk meneliti langkah-langkah kawalan yang perlu diambil supaya keistimewaan ini tidak disalahgunakan apabila peraturan ini dilaksanakan kelak.

Yang Berhormat Mastika Junaidah binti Husin meminta kerajaan mengecualikan cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat yang telah membayar zakat perniagaan. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini zakat yang dibayar oleh syarikat-syarikat Islam tidak diambil kira sebagai potongan cukai pendapatan. Potongan dibenarkan kepada individu Muslim yang membayar zakat sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sedang mengkaji dari pelbagai aspek tentang kemungkinan potongan zakat daripada syarikat-syarikat Islam diambil kira bagi maksud cukai pendapatan syarikat.

Yang Berhormat Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusof menyentuh tentang kekurangan pemegangan ekuiti daripada kalangan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 30hb. Mei 1996, sebanyak 8,954 buah syarikat bumiputera telah diperuntukkan saham oleh Kementerian Kewangan di bawah kategori pelabur-pelabur bumiputera yang diluluskan untuk saham-

saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Keutamaan pengagihan saham-saham berkenaan diberi kepada institusi-institusi pelaburan bumiputera seperti PNB, Lembaga Tabung Haji, amanah-amanah saham negeri dan yayasan-yayasan negeri. Keutamaan ini akan memanfaatkan lebih ramai masyarakat bumiputera di samping kemampuan institusi-institusi berkenaan memegang ekuiti syarikat untuk tempoh masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran. Terima kasih .

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Pengangkutan.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh telah mengemukakan cadangan dan teguran yang membina serta juga membangkitkan persoalan-persoalan yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan memantapkan sistem ataupun sektor pengangkutan negara kita. Keprihatinan dan minat yang telah ditunjukkan telah menyemarakkan lagi usaha dan ketekunan kementerian ini dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya bagi menjayakan Rancangan

Malaysia Ketujuh. Izinkan saya memberi penjelasan secara umum mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamuluddin telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama mengenai kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Beliau menggesa supaya diperbanyakkan lagi rondaan dan juga polis trafik bagi menghalang pemandu-pemandu kenderaan memandu melebihi had laju yang ditetapkan.

Suka saya memaklumkan bahawa pihak polis trafik sememangnya kerap mengadakan operasi untuk memerangkap pemandu-pemandu kenderaan yang memandu melebihi sesuatu had yang ditentukan. Sebagai contoh, sepanjang tahun 1995, sebanyak 430,946 saman telah dikeluarkan kepada pemandu berkenaan. Sebenarnya bukanlah melalui penguatkuasaan tetapi disiplin pemandu yang tinggi dan pemanduan cermat dapat mencegah kemalangan jalan raya dengan berkesan. Oleh itu kementerian berharap pemandu-pemandu lebih mematuhi peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan bagi menjaga keselamatan orang ramai termasuk diri pemandu sendiri.

Walau bagaimanapun, pegawai penguatkuasaan yang masih tidak mencukupi, kementerian sedang mengambil tindakan ke atas perkara ini termasuk juga pihak polis trafik yang telah pun mengemukakan permohonan mereka kepada pihak yang berwajib.

Kedua, Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai masalah bas mini dan juga masalah ketidakcekapan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya bas di bandar raya Kuala Lumpur. Berhubung dengan isu bas mini sepertimana kita semua sedia maklum, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan telah merangka dasar-dasar dan strategi bagi menghentikan secara berperingkat-peringkat ataupun dengan izin phase out perkhidmatan bas mini ini di bandar raya Kuala Lumpur. Perkhidmatannya kelak akan diambil oleh perkhidmatan bas yang lebih moden dan teratur pada masa hadapan.

Berkaitan dengan perkhidmatan bas berhenti-henti ataupun dengan izin, stage buses pula, kerajaan telah pun melaksanakan langkah penggabungan 8 buah syarikat bas berhenti-henti dengan menjadikannya dua buah konsortium yang diketuai oleh Syarikat Diversity Resources Berhad dan Park May.

Perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin ialah mengenai lori-lori yang berhenti di tepi-tepi jalan bagi mengelakkan sekatan.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Dato' Haji Mohd. Zuki minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab

soalan yang saya kemukakan semasa berucap hari itu. Saya hendak minta penjelasan sedikit, berkenaan dengan schedule tadi, saya minta dalam ucapan saya itu bahawa di perhentian-perhentian bas itu diadakan papan tanda mengatakan bas sekian pergi ke sini dengan nombor bas tertentu dan pukul berapa ia sampai. Jadi, penumpang-penumpang yang menunggu sendiri tahu, pada pukul 7.00, bas nombor 55 melalui jalan tersebut hendak pergi ke Bangsar, misalannya. Jadi, yang itu, Yang Berhormat tidak menjawab.

Saya fikir hendaklah, kalau boleh benda itu diadakan supaya penumpang-penumpang senang dan tidak menunggu berjam-jam. Kadang-kadang bas pun tidak sampai. Jadi, kalau di tempat-tempat atau negara yang maju - negara kita ini pun negara maju, tetapi tidak macam di negeri yang lebih maju lagi, di mana mereka tahu bas itu datang pada pukul berapa dan bila dua atau tiga minit, satu bas sampai. Jadi, maknanya tidak ada masalah dari segi komunikasi dan menumpang bas. Tetapi di sini, kadang-kadang dekat sejam saya tengok. Kesian kadang-kadang pada penumpang-penumpang.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Kerajaan akan melihat supaya papan tanda tempat menunggu bas ini diletakkan, juga masa dan nombor-nombor bas yang lalu. Saya lalu, saya tengok, ada nombor bas, tetapi mungkin timenya tidak dicatitkan. Kita akan lihat perkara ini dan kalau belum dibuat, ia akan dilakukan.

Perkara ketiga yang telah dibangkitkan ialah mengenai lori-lori yang berhenti di tepi-tepi jalan bagi mengelakkan sekatan jalan raya yang dilakukan oleh pihak JPJ. Untuk makluman Ahli Yang Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, adalah menjadi satu kesalahan bagi pemandu sesebuah lori yang memberhentikan kenderaan mereka di tepi-tepi jalan raya.

Perkara ini dengan jelas dinyatakan dalam seksyen 48, Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menyebut:

“Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan, termasuk di bahu jalan, dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna-pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, dia adalah melakukan suatu kesalahan. Mereka yang melakukan kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan bagi sabitan kali yang pertama, dan bagi sabitan kali yang kedua dan berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM2000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.”

Rondaan telah pun diperhebatkan dan akan diteruskan bagi memastikan supaya kenderaan-kenderaan ini tidak diletakkan di tepi jalan raya yang menyebabkan kemalangan.

Walau bagaimanapun, perangkaan mengenai kes-kes kesalahan tersebut tidak diberikan oleh JPJ memandangkan ianya tidak dipecahkan kepada jenis kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan memberhentikan lori di tepi-tepi jalan. Pada masa hadapan, kita juga telah meminta supaya JPJ akan dapat memecahkan berapakah kes kesalahan kerana meletakkan kenderaan di tepi jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin ada membangkitkan mengenai kemudahan dua tiket percuma atau pas percuma yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk senator untuk menaiki kereta api. Suka saya menyatakan di sini bahawa kemudahan tersebut adalah juga dipanjangkan bagi meliputi suami atau isteri Ahli Yang Berhormat. Ertinya, boleh datang double. Jadi, kalau KTM tidak beri, bolehlah melaporkan kepada kementerian dan kita akan memastikan supaya KTM memberikan kemudahan yang telah pun dipersetujukan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput telah mengemukakan cadangan agar dapat dibina satu pelabuhan baru di Labuan

memandangkan ketidaksesuaian lokasi pelabuhan yang sedia ada iaitu terlalu dekat dengan bandar dan ini mengakibatkan kesesakan jalan raya.

Suka saya memaklumkan bahawa sebuah syarikat swasta dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Labuan sedang di dalam proses menyiapkan kajian kemungkinan untuk membina sebuah pelabuhan baru di Labuan. Projek ini adalah bertujuan supaya Labuan mempunyai sebuah pelabuhan yang moden dan berupaya memenuhi kehendak dan keperluan pembangunan, termasuklah kemudahan terminal penumpang.

Saya berharap saya telah dapat menjawab segala teguran dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Saya memberi jaminan bahawa jika ada perkara yang tidak disebutkan dalam jawapan saya tadi, ianya telah pun dicatitkan oleh pegawai-pegawai dan akan diambil perhatian sewajarnya oleh kementerian dan jika perlu tindakan sudah tentu akan diambil seperti apa yang telah pun dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Pertahanan.

4.46 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali kerana telah mengambil bahagian di dalam

perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh yang melibatkan Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan pesawat F15 TUDM yang dikatakan terpaksa dijual kerana harga membaikinya sangat tinggi, suka saya menjelaskan bahawa TUDM tidak mempunyai pesawat jenis F15. Mungkin pesawat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah pesawat F5.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan pesawat F5 TUDM telah digunakan melebihi 20 tahun dan telah sampai ke penghujung hayat penggunaannya. Pesawat ini perlu kerap diperbaiki sekiranya ingin digunakan oleh TUDM. Dengan sebab itulah maka kos penyelenggaraannya sangat tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selain daripada kos pembaikan yang tinggi, penggunaan pesawat ini adalah juga tidak ekonomik dan dan tidak cost effective disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-

- (i) pengeluaran pesawat jenis ini telah ditamatkan;
- (ii) komponen pesawat dan alat ganti tidak lagi dikeluarkan oleh pengeluar asal;
- (iii) komponen dan alat ganti sukar diperolehi;
- (iv) harga komponen dan alat ganti adalah mahal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai proses pembelian pesawat-pesawat berkenaan, Kementerian Pertahanan sebenarnya telah pun mengikut prosedur

yang telah ditetapkan pada waktu itu. Adalah menjadi lazim, selepas digunakan hampir 20 tahun, pesawat ini terpaksa dilupuskan setelah didapati ianya tidak lagi ekonomik, tidak sesuai digunakan serta perlu digantikan dengan pesawat jenis terbaru. Oleh hal yang demikian, maka Kementerian Pertahanan telah membuat perancangan untuk menjual pesawat F5.

Berhubungan dengan kedudukan pesawat Skyhawk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa kerajaan telah pun membeli sebanyak 88 buah pesawat Skyhawk pada tahun 1980. Daripada jumlah ini, 52 buah pesawat telah diubahsuai dan dibaikpulih untuk digunakan oleh TUDM, manakala baki 35 buah lagi disimpan di Arizona, Amerika Syarikat untuk digunakan sebagai alat ganti bagi membaikpulih pesawat-pesawat Skyhawk dan keputusan juga telah dibuat supaya pesawat berkenaan dijual kepada pihak ketiga manakala sebuah pesawat lagi telah diberi kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. untuk tujuan kajian.

Saya harap saya telah dapat menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali dan kalau ada apa-apa yang saya tertinggal akan dicatit dan diambil tindakan sewajarnya.

Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Perusahaan Utama untuk menjawab.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan serta memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbincangan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi mengenai pengurusan hutan secara berkekalan, sukalah saya memaklumkan memang benar hutan yang telah diusahahasilkan perlu dipulihkan untuk menjamin bekalan kayu-kayuan di masa hadapan. Dalam hubungan ini, seluas 2.85 juta hektar tanah hutan balak telah dijalankan rawatan silvi kultur pada akhir tahun 1994 iaitu 1.26 juta hektar di Semenanjung Malaysia, 0.5 juta hektar di Sabah dan 0.29 juta hektar di Sarawak. Walau bagaimanapun, masih terdapat seluas 2.3 juta hektar kawasan hutan simpan kekal yang telah diusahahasilkan dan mungkin memerlukan rawatan silvikultur iaitu 0.56 juta hektar di Semenanjung Malaysia dan 1.77 juta hektar di Sabah. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri di mesyuarat Majlis Perhutanan Negeri tahun ini telah bersetuju meningkatkan pelaksanaan pemulihan hutan yang telah dibalok melalui rawatan silvikultur supaya tumbesaran pokok yang tinggal dalam hutan yang diusahahasil dapat

dipastikan. Di samping itu, kerajaan telah menanam sebanyak 0.17 juta hektar ladang hutang di kawasan hutan yang telah dibalak dahulu termasuk 0.1 juta hektar di negeri Sabah. Ladang hutan ini merupakan sumber alternatif untuk industri kayu-kayan kita yang boleh mengurangkan tekanan atas hutan asli negara.

Pada masa ini kementerian saya juga sedang mengkaji semula sistem galakan cukai yang sedia ada untuk menggalakkan pihak swasta melabur secara besar-besaran dalam sektor ladang hutan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa hutan negara merupakan sumber alam yang paling baik dan di situlah tempatnya pemuliharaan alam sekitar. Kita harus diberi tekanan yang lebih serius. Berhubungan dengan ini, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk memastikan bahawa hutan kita diuruskan secara berkekalan. Oleh itu Dasar Perhutanan Negara telah disemak pada tahun 1992 untuk mengekalkan aspek-aspek tentang pemeliharaan kepelbagaian hayat dan perlindungan alam sekitar. Di samping itu Akta Perhutanan Negara atau APS 1984 telah dipinda untuk mengetatkan peruntukan dalam menangani isu-isu pencerobohan hutan, pembalakan haram serta pembalakan yang tidak terkawal.

Bagi membanteras aktiviti-aktiviti ini Akta Perhutanan Negara 1984 telah dipinda dan denda telah ditingkatkan manakala penjara mandatori juga dikenakan untuk kesalahan tersebut. Di samping itu bayaran kompaun dan

gantirugi yang tinggi juga dikenakan. Dalam kawalan pembalakan haram, bantuan Polis Diraja serta Angkatan Tentera Malaysia digunakan untuk rondaan oleh Jabatan Perhutanan, manakala kawalan melalui udara dilaksanakan dengan pesawat helikopter sebagai menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

Kerajaan juga menghadkan pembukaan kawasan hutan untuk pembalakan melalui catuan tebang tahunan yang telah dikurangkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, tambahan pula kawalan pengeluaran melalui isi padu juga akan diperluaskan. Sementara itu sistem penandaan kayu balak (timber tagging), dengan izin, dilaksanakan bagi memperkemaskan lagi kawalan ke atas pemindahan dan pergerakan kayu balak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah juga mewujudkan satu rangkaian hutan perlindungan seperti taman-taman negara, suaka hidupan liar dan taman merin bagi tujuan pemeliharaan pelbagaian hayat. Setakat ini negara kita mempunyai sebanyak 2.13 juta hektar kawasan hutan perlindungan. Tambahan pula kerajaan juga telah mewujudkan sebanyak 120 kawasan hutan dara simpan yang meliputi seluas 111,700 hektar sebagai suaka hidupan liar. Sebagai ahli International Tropical Timber Organisation (ITTO) negara kita juga telah membuat komitmen dalam forum-forum antarabangsa bahawa Malaysia akan mengambil tindakan yang tegas bagi mencapai pengurusan hutan secara berkekalan atau PHSB menjelang tahun 2000. Dalam pada itu satu

jawatankuasa nasional PHSB telah diwujudkan di kementerian saya bagi melaksanakan kriteria dan petunjuk ITTO untuk PHSB.

Setakat ini sebanyak 88 aktiviti yang berdasarkan kepada 5 kriteria dan 20 petunjuk telah pun dikenal pasti untuk dilaksanakan pada peringkat nasional, manakala sebanyak 48 aktiviti berdasarkan kepada 6 kriteria dan 23 petunjuk dikenal pasti untuk pelaksanaan di peringkat unit pengurusan hutan bagi mencapai PHSB.

Di samping itu, kerajaan juga telah mengurangkan catuan tebang tahunan dari 52,250 hektar untuk Semenanjung Malaysia bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam kepada 46,040 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Pengurangan catuan tebang tahunan ini akan mengurangkan tekanan atas hutan kita dan dengan itu akan membantu negara mencapai matlamat PHSB menjelang tahun 2000. Selain daripada itu, kerajaan telah meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 di mana mulai dari tahun 1987 Environmental Impact Assessment (EIA), dengan izin, diperlukan untuk aktiviti-aktiviti seperti pembalakan dan skim-skim pembangunan yang melebihi kawasan hutan seluas daripada 500 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan tadi diharap telah menjawab ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Rancangan Malaysia Ketujuh. Mana-mana cadangan dan pandangan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, sukacita saya maklumkan pihak kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menjawab.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah perubahan sudah dibuat sebab tadi giliran saya nombor 3.

Tuan Ding Seling: Kementerian Kerja Raya?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Ya.

Tuan Ding Seling: Mengikut apa yang ada di sini ada perubahan sedikit. Kementerian Kerja Raya dipindahkan ke nombor 15.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Saya tidak diberitahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Mengikut catatan di sini.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Sepatutnya ada senarai baru, ini senarai lama ini. Kerja Raya!

Tuan Ding Seling: Okay, kita balik ke Kementerian Kerja Raya. Silakan.

4.58 ptg.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh tentang pembangunan infrastruktur di Pantai Timur khususnya tentang perlunya dibina jalan-jalan yang lebih baik bagi menarik lebih ramai pelabur ke Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengenal pasti beberapa batang jalan raya bagi menghubungkan Pantai Barat dengan negeri-negeri di Pantai Timur. Antaranya ialah pembinaan Lebuhraya Pantai Timur secara penswastaaan. Lebuhraya ini akan bermula daripada Karak hingga ke Kuala Terengganu dengan jarak lebih kurang sejauh 340 kilometer. Walau bagaimanapun, jajaran-jajaran serta rekabentuknya secara terperinci belum lagi ditentukan. Anggaran kos bagi projek ini dianggarkan sebanyak RM2.7 bilion. Lebuhraya ini diharap akan dapat menghubungkan bandar-bandar dan kawasan industri di sepanjang

koridornya seperti Temerloh, Maran, Kuantan, Pelabuhan Kemaman, Paka dan Kuala Terengganu.

Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang sedia ada pula sedang dilebarkan dan dinaikkan tarafnya. Lebuhraya ini akan disambungkan ke Lebuhraya Pantai Timur yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kerja-kerja pembinaan bagi Lebuhraya Timur - Barat yang kedua sedang juga dilaksanakan. Lebuhraya ini bermula daripada Simpang Pulai di negeri Perak dan akan menuju ke Lojing, Gua Musang dan Kuala Berang di Terengganu. Pembinaan lebuhraya selorongsu dua hala ini adalah sepanjang lebih kurang 290.5 kilometer dan dibahagikan kepada 8 pakej semuanya. Pakej 1 telah bermula dari Simpang Pulai ke Pos Slim sejauh 21 kilometer, telah disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pakej 7 baharu sahaja dimulakan. Pakej 2 pula akan dilaksanakan dalam tahun ini.

Pakej yang lain pula dijangka akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Keseluruhannya pembinaan lebuhraya ini dijangka dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Lebuhraya ini juga akan menjadi laluan alternatif kepada Lebuhraya Timur-Barat yang sedia ada, dan ini dijangka akan dapat menggalakkan pembangunan ekonomi di kawasan pedalaman di negeri-negeri Terengganu, Kelantan dan negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah menyentuh tentang kerosakan jalan-jalan raya di kawasan kampung dan daerah di negeri Pahang yang tidak dibaiki. Beliau juga

menyarankan agar diwujudkan unit JKR di kampung-kampung untuk kerja-kerja pembaikan jalan yang dimaksudkan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya hanya bertanggungjawab ke atas jalan-jalan Persekutuan sahaja. Bagi jalan-jalan kampung di kawasan luar bandar pihak yang bertanggungjawab bagi menyediakan peruntukan ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kerajaan negeri sendiri. Jabatan Kerja Raya akan hanya membaik pulih jalan-jalan raya di kawasan luar bandar sekiranya disediakan peruntukan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Pejabat JKR ada di setiap daerah. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan jalan, aduan boleh dibuat di Pejabat JKR berkenaan. Oleh yang demikian, buat masa ini pejabat mini JKR belum perlu lagi diwujudkan di kampung-kampung .

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini hanya sekian sebanyak-sedikit penjelasan daripada saya, dan diharap sebarang perkara yang ditimbulkan dan tidak menerima jawapan akan diambil perhatian mengenainya. Sekian. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Dato', tunggu sekejap.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat duduk dahulu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta sedikit lagi penjelasan. Disebabkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi

bahawa kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar bersetuju untuk memberi duit untuk membela jalan-jalan di kampung, pihak JKR tiada halangan. Tetapi tadi Timbalan Menteri menjawab JKR mini tak perlu diwujudkan. Maksudnya serupa sahaja. Maknanya hendak mengadakan duit, kalau adakan duit, adakah boleh kita wujudkan mini JKR di kampung-kampung kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar bersetuju untuk memberi duit itu kepada pihak JKR? Itu soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Bolehkah Timbalan Menteri memberi jawapan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal Kementerian Pembangunan Luar Bandar beri duit pada JKR untuk membaiki jalan, itu satu perkara lain. Tetapi hendak menubuhkan mini JKR di kampung-kampung satu perkara yang lain lagi. Kalau pun dia beri duit, JKR daerah boleh melaksanakan kerja ini, tak diwujudkan mini JKR di kampung-kampung. Jadi, itulah jawapannya, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Saya tidak hendak berbahas, sebab masa saya sudah habis. Jadi, banyak lagi masa untuk Timbalan Menteri hendak menjawab. Kalau tidak, saya boleh bahas lagi.

Tuan Ding Seling: Baiklah, terima kasih. Sekarang kita jemput Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, silakan.

5.04 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong

Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membahaskan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh di mesyuarat Dewan Negara yang mulia ini. Seseengah daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diberi penjelasan oleh kementerian saya semasa sesi Soal-Jawab di Dewan yang mulia ini. Meskipun demikian, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas Malaysia telah pun menjalankan kajian mengenai kesan medan electromagnet ataupun EMF daripada pemasangan elektrik kepada kesihatan pendidikan sekitarnya. Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas atas laporan-laporan kajian yang dijalankan oleh institusi dan agensi antarabangsa yang terkemuka seperti International Radiation Protection Association, National Radiological Protection Board of United Kingdom dan Institution of Electrical Engineer United Kingdom tidak terdapat bukti kukuh yang menunjukkan dengan pasti bahawa medan EMF akan menjejaskan kesihatan. Juga amalan di negara ini dengan menghadkan medan elektrik dan

medan magnet pada tahap 12 kv untuk satu meter dan 1,000 milligal di dalam kawasan izin lalu, ataupun 'right of way' dengan izin, adalah di dalam lingkungan had maksimum pendedahan yang diterima oleh negara-negara maju seperti had yang selamat.

Mengikut sukatan yang dijalankan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas di tapak pemasangan elektrik yang sedia ada, paras medan EMF di pinggir kawasan izin lalu dan di pinggir kawasan pencawang hanya sebahagian kecil daripada tahap yang tersebut di atas. Ia kurang daripada 1 kv meter dan kurang daripada 1,000 milligal. Tahap ini adalah selamat dan tidak menjejaskan kesihatan rakyat. Pihak Tenaga Nasional Bhd. juga dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh kerajaan apabila memasang tiang-tiang elektrik voltan tinggi dan pemasangan elektrik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa dan tarif baru yang telah diluluskan oleh pihak Jemaah Menteri adalah merupakan kadar siling, di mana pengusaha tidak boleh mengenakan bayaran yang lebih dari kadar yang ditetapkan. Sebaliknya, pengusaha boleh mengenakan bayaran yang kurang dari bayaran yang ditetapkan dengan syarat mereka perlu memberitahu pihak Ketua Pengarah Jabatan Telekom Malaysia terlebih dahulu.

Mulai 1hb. Jun tahun ini, kadar sewa talian terus telefon biasa dikenakan seperti berikut. Untuk perniagaan, di mana muatan talian ibu sawat melebihi 500 bagi Semenanjung Malaysia ialah RM35.00 satu bulan untuk Sabah dan

Sarawak RM30.00 sebulan sahaja, dan di mana muatan talian ibu sawat ialah 500 dan ke bawah untuk Semenanjung Malaysia RM20.00, untuk Sabah dan Sarawak juga RM20.00. Untuk kediaman di mana muatan talian ibu sawat melebihi 500 ialah RM20.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak. Untuk muatan talian ibu sawat di Sabah 500 ialah RM13.00 sahaja bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Kadar ini adalah serata dan tidak mengambil kira jauh pelanggan dengan ibu sawat seperti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kadar RM60.00 sebulan yang dibangkitkan adalah bayaran laluan yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan telefon selular. Walau bagaimanapun, pihak pengusaha boleh mengenakan bayaran yang kurang dari jumlah ini sekiranya mereka ingin memberi galakan atau promosi kepada orang ramai untuk melanggan perkhidmatan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

5.58 ptg.

Setiausaha Parlimen [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu ekuiti saham bumiputera dalam sektor korporat yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dan Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop. Adalah dimaklumkan bahawa usaha untuk meningkatkan penyertaan bumiputera yang dilaksanakan oleh MITI, antara lainnya ialah melalui pengenaan syarat ekuiti ke atas syarikat-syarikat yang diluluskan lesen pengilangan di bawah Akta Pengawasan Perindustrian 1975. Syarikat-syarikat sendirian berhad yang dilesenkan di bawah ISA adalah bebas untuk memilih rakan kongsi bumiputera yang sesuai untuk memegang sekurang-kurangnya 30% daripada ekuiti syarikat seperti yang disyaratkan dalam lesen pengilangan. Pada lazimnya MITI akan meluluskan permohonan bumiputera yang ingin membeli saham dalam syarikat pengilangan sekiranya bumiputera berkenaan memang tulen dan layak.

Bagi syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Saham, Kuala Lumpur (BSKL) pula, MITI dipertanggungjawabkan untuk membuat pengagihan saham-saham khas yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat perkilangan dan bukan perkilangan, tetapi tidak termasuk syarikat-syarikat insurans, perbankan dan syarikat-syarikat kerajaan yang diswastakan. Dalam pembahagian saham yang dilaksanakan oleh kementerian ini berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan mengikut keputusan kerajaan.

Berdasarkan garis panduan ini, sebahagian besar saham-saham khas bumiputera telah diperuntukan kepada institusi amanah yang diberi keutamaan iaitu PNB, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis dan lain-lain institusi amanah di peringkat negeri,

pemegang-pemegang saham dan ahli-ahli lembaga pengarah bumiputera yang sedia ada dalam syarikat yang menawarkan saham-saham. Pembahagian juga dibuat kepada pihak-pihak lain iaitu syarikat-syarikat bumiputera yang berdaftar dengan MITI termasuk syarikat-syarikat tajaan Dewan Perniagaan Melayu. Pembahagian ini dilaksanakan sekiranya terdapat baki daripada peruntukan setelah dibuat pengagihan kepada institusi amanah serta pemegang-pemegang saham bumiputera yang sedia ada dan ahli-ahli lembaga pengarah bumiputera mengikut garis panduan seperti yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan pengurangan jumlah saham yang diberikan iaitu daripada 10 lot kepada 5 lot sahaja, kementerian ingin memaklumkan bahawa terdapat peningkatan yang besar dalam jumlah syarikat-syarikat yang berdaftar dengan MITI sejak tahun 1993. Mulai 1994, syarikat yang berdaftar dengan MITI telah meningkat 137.4%. Sehingga kini, terdapat sebanyak 14,278 syarikat yang telah berdaftar dengan MITI. Oleh itu, bagi memastikan lebih banyak syarikat-syarikat berpeluang mendapat peruntukan saham, maka jumlah saham yang diagihkan dikurangkan kepada 5 lot sahaja.

Walau bagaimanapun, pembahagian ini juga bergantung kepada baki jumlah saham yang ada untuk dibahagikan setelah pembahagian dibuat pada mereka yang layak mengikut garis panduan yang saya sebutkan tadi. Adalah tidak benar dakwaan bahawa saham-saham yang diberikan adalah saham-saham dari syarikat yang tidak berdaya maju dan harga sahamnya semakin merosot.

Untuk makluman Yang Berhormat, saham-saham syarikat yang disenaraikan di BSKL adalah bebas diurusniagakan dan harganya adalah ditentukan oleh keadaan pasaran di mana harganya sentiasa dinamik dan berubah-ubah secara berterusan. Oleh itu, harga saham yang merosot adalah di luar kawalan kementerian dan pemberian dividen pula adalah bergantung kepada keuntungan syarikat tersebut. Dengan demikian, kementerian tidak pernah bermaksud untuk menganiaya syarikat-syarikat kecil milik bumiputera. Walau bagaimanapun, memandangkan saham-saham syarikat yang disenaraikan di BSKL adalah bebas diurusniagakan dan sentiasa bertukar tangan pada setiap masa, maka tidak kesemua saham-saham khas yang diperuntukkan itu terus kekal di tangan pihak-pihak yang diberi peruntukan saham-saham itu.

Saham-saham yang dimiliki oleh bumiputera tidak semestinya diperolehi melalui peruntukan saham-saham khas sahaja. Kedudukan pegangan bumiputera boleh juga bertambah melalui pembelian di pasaran terbuka oleh pelabur-pelabur bumiputera. Pihak institusi amanah bumiputera sentiasa di ingatkan supaya mengambil langkah-langkah untuk membeli semula saham-saham syarikat berhad di pasaran terbuka untuk memastikan kedudukan ekuiti bumiputera berada di tahap yang memuaskan pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang agar industri kecil dibangunkan di luar bandar, adalah dimaklumkan bahawa MITI sentiasa berusaha untuk mengimbangi

pembangunan perindustrian negara dengan mendirikan kawasan-kawasan perindustrian industri kecil dan sederhana di bandar dan juga di luar bandar. Pembangunan yang dilaksanakan senantiasa mengambil kira faktor potensi pembangunan perindustrian di kawasan-kawasan yang dimajukan dan juga kepentingan socio-ekonomi di kawasan-kawasan tersebut.

Mengenai saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin supaya usahawan kecil diberi peluang dan dilindungi agar terus dapat bersaing. Kerajaan memang sedar akan pentingnya perhatian diberikan kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana, khususnya dalam sektor perindustrian. Di atas kesedaran inilah, maka kerajaan telah mewujudkan perbadanan pembangunan industri kecil dan sederhana (PPIKS) yang diharapkan dapat menyelaraskan program-program IKS secara komprehensif. Seajar dengan dasar-dasar yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga IMT baru, kerajaan berharap dapat meningkatkan nilai ditambah, meningkatkan kemahiran pengusaha, meningkatkan keupayaan aktiviti-aktiviti penyerapan teknologi dan penggunaan teknologi baru di dalam sektor IKS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Haji Isli bin Siput mencadangkan supaya import kenderaan tanpa AP di Labuan perlu dikaji semula kesannya terhadap golongan bumiputera dari segi ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan buat pada masa ini tidak bercadang

untuk membatalkan kawalan pelesenan import ke atas pengimportan kereta ke Labuan. Walau bagaimanapun, berlandaskan komitmen negara kepada pertumbuhan perdagangan dunia, WTO, dengan izin, dan juga Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) kerajaan akan meliberalisasikan secara berperingkat kawalan sekatan import termasuk pengimportan kenderaan. Dengan pelancaran kelonggaran secara berperingkat ini, adalah diharapkan usahawan industri tempatan tidak hanya bertumpu kepada aktiviti pengimportan kenderaan sahaja tetapi mengambil kesempatan ini untuk mempelbagaikan aktiviti mereka, dengan izin, diversify, seperti dalam pembuatan komponen dan alat gantian kenderaan dan juga industri yang tidak secara langsung terlibat dalam industri automotif.

Mereka harus menerima hakikat bahawa kawalan lesen import tidak akan berkekalan selama-lamanya. Para usahawan pada suatu masa nanti harus bersaing secara terbuka. Sehaluan dengan itu, para usahawan harus bersedia menghadapi persaingan dengan berusaha mengukuhkan kedudukan dari sekarang untuk terus maju dan berjaya dalam dunia ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gesaan Yang Berhormat Tuan Haji Isli bin Siput supaya MITI memainkan peranan dalam membantu usaha kerajaan negeri Sabah dalam bidang perindustrian, sukacita dimaklumkan bahawa MITI memang sentiasa negeri-negeri bagi memperkembangkan lagi sektor perindustrian mereka. MITI telah menubuhkan jawatankuasa bersama

penyelarasan perindustrian peringkat negeri di antara MITI dengan kerajaan negeri Sabah yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Tujuan utama jawatankuasa ini ialah untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek perindustrian di negeri Sabah.

Di samping itu, kerajaan juga telah memperkenalkan satu pakej insentif bagi koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan pakej insentif ini meliputi senarai keluaran dan aktiviti yang tidak lagi digalakkan di luar kawasan koridor pantai Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada masa yang sama kadar pelepasan cukai bagi projek-projek koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi jika dibandingkan untuk projek-projek di luar kawasan tersebut.

Selain daripada itu, MITI telah dan akan terus menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan menempatkan pelaburan mereka di negeri Sabah. Pada bulan April, 1996 yang lepas, seperti yang saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Industri Negeri Sabah sendiri telah menyertai misi perdagangan dan pelaburan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke San Jose dan Los Angeles, Amerika Syarikat. Melalui misi tersebut Yang Berhormat Menteri Pembangunan Industri negeri Sabah telah berpeluang bertemu dengan pelabur-pelabur di sana.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah menyentuh tentang masalah pemindahan teknologi daripada negara asing kepada negara ini. Sukalah saya memaklumkan bahwa secara umumnya, terdapat 3 klasifikasi atau tahap teknologi mengikut standard antarabangsa iaitu teknologi terkini atau, dengan izin, state of the art technology, teknologi sederhana dan teknologi yang matang (mature) dengan izin. Lazimnya adalah sukar untuk negara atau syarikat Malaysia untuk mendapatkan teknologi terkini di dunia kerana syarikat-syarikat yang mencipta teknologi terkini tersebut akan mengguna pakai teknologi tersebut untuk kegunaan syarikat masing-masing. Hanya selepas beberapa ketika, iaitu apabila teknologi tersebut menjadi teknologi sederhana atau matang, barulah teknologi tersebut dijual kepada syarikat lain.

Di negara ini pemindahan teknologi dari syarikat-syarikat asing kepada syarikat-syarikat tempatan di lakukan melalui perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi seperti perjanjian usahasama, bantuan teknikal (know-how) lesen dan paten. Melalui kajian yang dibuat oleh SIRIM terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang telah menandatangani perjanjian pemindahan teknologi dengan syarikat-syarikat asing adalah didapati bahawa pemindahan teknologi adalah berlaku bagi kes-kes sedemikian. Kerajaan memang sedar bahawa terdapat kelemahan dari segi pemindahan teknologi dan kepakaran kepada rakyat tempatan oleh syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di negara ini. Daripada

maklumat yang dikumpulkan oleh MITI adalah di dapati di antara sebab-sebab perkara yang terjadi puncanya masalah ini ialah masalah bahasa (komunikasi) dan cara perniagaan syarikat-syarikat tersebut. Sebab-sebab lain ialah kekurangan tenaga mahir di kalangan warganegara Malaysia.

Menyedari kelemahan ini, kerajaan sedang dan telah pun memberi penekanan ke arah pendidikan teknikal dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini. Maka jelas kejayaan pemindahan teknologi juga bergantung bukan sahaja kepada kesungguhan pihak pemindah teknologi, tetapi juga kepada kemampuan pihak warganegara Malaysia menyerap teknologi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan bagi pihak kementerian kami, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi akan diambil perhatian dan tindakan susulan akan diambil dengan sewajarnya. Sekian.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Pertanian untuk menjawab.

5.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah membangkitkan beberapa perkara mengenai peranan MARDI dalam penyelidikan (R&D) seperti mempelbagaikan hasil keluaran petani, termasuk pemrosesan untuk pasaran tempatan dan eksport, juga penyelidikan mengenai penggunaan sayur-sayuran tradisional seperti ubi keladi, asing-asing (cekur manis) dan kesan sampingannya serta cara memajukan buah sukun di Pahang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan bahawa kajian mempelbagaikan kegunaan hasil pertanian memang telah diberi penumpuan dalam R&D di MARDI sejak dalam RMK-5 lagi serta ditingkatkan dalam RMK-6 dan akan diberi keutamaan pula dalam RMK-7.

Memang aktiviti R&D di MARDI bertujuan mempelbagaikan penggunaan hasil keluaran dan potensi pemasaran barangan pertanian. Hasil daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh MARDI amat banyak dan sebahagian besar telah pun digunakan oleh petani dan pengusaha-pengusaha serta pengeksport-pengeksport. Antara yang telah/akan dapat dimanfaatkan ialah:

- (a) Pengeluaran santan powder.
- (b) Pengeluaran makanan segera tentera.
- (c) Pengeluaran makanan berahim.

- (d) Teknologi memproses buah-buahan, beras, ikan, koko, tepung roti dan sayur-sayuran.
- (e) Teknologi pembungkusan dan pengeksporan buah-buahan dan sayur-sayuran seperti betik, belimbing, jambu batu, ciku, pisang dan sebagainya.
- (f) Teknologi mengeluarkan minuman (buah-buahan dan kordial).

Bagi memastikan teknologi-teknologi tersebut dimanfaatkan oleh orang ramai, pelbagai kursus/latihan telah diberi oleh MARDI. Pelbagai bimbingan kilang perusahaan diberikan, terutama sekali untuk Small Manufacturing Industry (SMI), khusus bagi meningkatkan kualiti, kebersihan dan memenuhi standard untuk pasaran dalam dan luar negara (eksport).

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan dan pembangunan ke atas tanaman tradisional juga tidak dilupa. MARDI telah menjalankan penyelidikan pengeluaran dan pemprosesan seperti ke atas tanaman asing-asing (cekur manis), daun kesum, pandan, limau purut, pucuk paku dan keladi. Cekur manis atau sabah green memang enak kalau dimasak lemak dan berkhasiat untuk menguruskan badan tetapi tidak digalakkan makan berlebihan kerana mengandungi bahan alkaloid yang boleh mendatangkan mudarat.

Keladi pula ada pelbagai jenis dan tidak semua sesuai dimakan kerana mengandungi bahan kristal. Bahan kristal ini boleh menyebabkan gatal, namun

demikian ada jenis keladi seperti keladi minyak yang mengandungi bahan kristal yang kurang dan ia sesuai dimakan. Namun begitu, elok direbus terlebih dahulu dengan asam gelugor dan buang airnya untuk mengurangkan gatalnya sebelum dimasak.

Pelbagai produk dari pandan untuk pewarna, limau purut serta daun kesum untuk perasa telah juga dihasilkan oleh MARDI. Sementara itu pucuk paku juga boleh ditanam untuk menjamin bekalan. MARDI dan FRIM juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan SEDC

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bangun, hendak minta laluan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Biarlah saya habiskan jawapan ini dahulu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini fasal, kalau perhabiskan nanti, takut Yang Berhormat lupa. Ini pucuk paku tadi, saya tak pernah dengar lagi orang tanam pucuk paku, kalau di Kedah ada ditanam saya tak tahu. Pucuk paku ini biasanya ia hidup liar sahaja di tepi-tepi sungai, di tepi-tepi paya. Kalau ada orang hendak menanam rasa saya datanglah ke Pahang, tak payah bertanam, dia tumbuh begitu sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Ding Seling: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang betul sahaja seperti kata Yang Berhormat itu.

Sementara itu, pucuk paku juga boleh ditanam untuk menjaminkan bekalan sebagai eksperimen yang dijalankan oleh MARDI. Jadi, MARDI dan FRIM juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan SEDC Perak dalam pengeluaran secara komersil tanaman ulam-ulaman dan rempah-ratus, di samping MARDI dengan Syarikat Nasuha dalam pengeluaran rempah-ratus dan Nona Roguy dalam pengeluaran perubatan tradisional.

Mengenai tanaman sukun, ia mudah tumbuh di kawasan yang subur dan mempunyai cukup bekalan air. Ia ditanam menggunakan anak daripada keratan akar dan mula berbuah dalam tempoh tiga tahun. Negeri Pahang boleh ditanam dengan sukun kecuali di Cameron Highlands dan kawasan berpasir tepi pantai. Buah sukun boleh digoreng seperti keledak atau chip dan dijadikan tepung bila cukup masak. MARDI dan Jabatan Pertanian sedia memberi nasihat dalam penanaman sukun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat supaya Bank Pertanian Malaysia menyediakan peruntukan pinjaman dengan kaedah bayaran balik yang mudah serta faedah yang minimum kepada pemilik-pemilik jentera, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Bank Pertanian Malaysia (BPM) ada menyediakan skim khas kepada penanam-penanam padi dan tanaman lain melalui pinjaman di bawah program Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) dengan syarat-syarat yang mudah seperti pinjaman tiada had minimum, faedah hanya dikenakan pada kadar 6% setahun,

cagaran hanya melalui jaminan, peminjam adalah ahli Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan tempoh bayaran adalah selama lima tahun.

Berikutnya di bawah skim baru RMK-7 Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) akan diganti dengan Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Automasi bagi menggalakkan petani-petani menggunakan jentera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat pembiayaan di bawah skim baru ini juga adalah sama seperti SPKP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang telah menyeru kerajaan memberi perhatian serius ke atas keperluan makanan menjelang abad ke-21, serta mengesyorkan supaya penanaman padi ditumpukan di negeri Sarawak.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana prihatin mengenai pembangunan sektor kecil makanan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian telah diberi peruntukan sebanyak RM4.37 bilion dalam RMK-7. Jumlah ini merupakan 58% daripada jumlah peruntukan untuk pembangunan sektor pertanian di bawah RMK-7. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk membangunkan sektor pertanian khususnya sektor makanan yang meliputi tanaman makanan, ternakan dan perikanan.

Sumbangan sektor makanan ini kepada nilai ditambah sektor pertanian akan meningkat daripada 18.4% dalam tahun 1990 kepada 21.7% pada tahun 2000. Kementerian Pertanian akan menggunakan peruntukan RMK-7 secara optimum dan memastikan agar negara dapat mengeluarkan sumber makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat agar kerajaan juga memberi tumpuan untuk penanaman padi di negeri Sarawak ke arah menambahkan makanan negara pada tahun-tahun yang akan datang, saya akui bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat ini adalah baik. Pada masa ini kerajaan menetapkan dasar pengeluaran padi berdasarkan tahap saradiri sebanyak 65% dengan memberi tumpuan kepada 8 kawasan jelapang padi yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha binti Hussin pula meminta penjelasan apakah tindakan kerajaan selain daripada merombak ataupun menggubal Dasar Pertanian Negara bagi menggerakkan sektor pertanian lebih maju.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah digariskan beberapa langkah yang boleh dan perlu diambil bagi memajukan sektor pertanian iaitu dengan:

- (i) mewujudkan taman teknologi pertanian di setiap negeri supaya sektor swasta dapat melabur khususnya dalam pengeluaran makanan;
- (iii) pengezonan kawasan-kawasan yang sesuai untuk aktiviti akuakultur, tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan;
- (iii) mempergiatkan usahasama di antara usahawan tempatan dengan pelabur-pelabur asing di bidang perikanan laut dalam, hortikultur, florikultur dan juga di bidang penternakan;
- (iv) mempergiatkan mekanisasi melalui penubuhan mini-estet dan pertanian berkelompok khususnya di kawasan Projek Pertanian Bersepadu;
- (v) menumpukan usaha kepada menanam tanaman bernilai tinggi seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan akuakultur;
- (vi) menggalakkan aktiviti latihan pengembangan supaya petani-petani dan pekebun-pekebun kecil dapat terus menceburi dalam aktiviti pertanian dengan menggunakan kaedah-kaedah moden;
- (vii) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di semua peringkat dari pengeluaran hingga pemasaran;
- (viii) usaha-usaha juga akan diambil untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil keluaran pertanian pekebun-pekebun kecil; dan

- (ix) menggalakkan penternakan lembu dan kambing di ladang-ladang getah dan kelapa sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian juga telah mengadakan dialog dengan sektor swasta baru-baru ini untuk menerangkan dasar-dasar di atas serta mengetahui masalah-masalah yang dihadapi. Sambutan yang diterima daripada sektor swasta adalah amat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah Baheran supaya tindakan membaik pulih ke atas masalah tanah sawah terbiar di luar bandar yang tidak dikerja dan yang dijadikan sebagai tempat pembiakan binatang-binatang liar seperti khinzir, maka adalah dimaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk memajukan tanah sawah terbiar di luar bandar. Ini adalah untuk mengatasi masalah kekurangan tanah yang dihadapi oleh pemaju terutamanya pihak swasta dan bagi membangunkan sektor pertanian secara komersil sebagaimana yang disarankan oleh kerajaan.

Bagi tempoh lima tahun akan datang, pemulihan tanah sawah terbiar akan terus dipergiatkan dan syarikat-syarikat bumiputera serta persatuan-persatuan peladang adalah digalakkan untuk mewujudkan usahasama dengan pihak swasta bagi memajukan kawasan-kawasan berkenaan untuk tanamantanaman keluaran bernilai tinggi menerusi konsep "landlord-in-trust".

Di samping itu, usaha penyatuan dan pemulihan tanah sawah akan dipercepatkan bagi meningkatkan produktiviti kawasan tersebut. Kerajaan negeri adalah juga digalakkan untuk menguatkuasakan peruntukan yang sedia ada berkaitan dengan tanah sawah terbiar.

Selain dari itu, dasar kegunaan tanah akan dikaji semula bagi membolehkan kegunaan sumber tanah secara fleksible dan sepenuhnya terutamanya melalui liberilisasi syarat dan peraturan yang diperlukan untuk pertukaran penggunaan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah Baheran yang meminta kerajaan mengkaji keadaan Syarikat Kerjasama Asas Tani (SKATA) pada masa-masa kini, terutama dari segi keahlian dan asetnya yang dinyatakan mengalami kemerosotan, saya suka menjelaskan bahawa pada keseluruhannya, walaupun bilangan Syarikat Kerjasama Asas Tani (SKATA) dan jumlah keahliannya merosot tetapi jumlah syer anggota dan asetnya adalah terus meningkat. Ini adalah berikutan dari bantuan dan bimbingan daripada SKATA-SKATA yang aktif, berdaya maju serta yang memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh ahli-ahli dan pembatalan pendaftaran SKATA-SKATA yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah Husin pula telah menyuarakan kebimbangan beliau terhadap kawasan tadahan

air seperti Empangan Muda dan Empangan Pedu dibangunkan sebagai kawasan pelancongan menyebabkan kualiti air di kawasan sekitarnya akan terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan industri pelancongan, tempat-tempat semula jadi termasuk kawasan tadahan air seperti Empangan Muda dan Pedu telah juga dimajukan sebagai kawasan rekreasi dan pelancong. Namun demikian, kerajaan peka dengan keperluan agar pembangunan sedemikian dapat mengekalkan keindahan semula jadi dan kebersihan kawasan-kawasan berkenaan supaya tidak menjejaskan keadaan dan kualiti air di kawasan-kawasan sekitarnya.

Dalam hubungan ini, selain dari program pengesanan kualiti air yang sedia ada, MADA telah menubuhkan satu unit khas yang dianggotai juga oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar dan Universiti Sains Malaysia untuk mengawasi dan memastikan kualiti air di Empangan Pedu dan Muda adalah selamat untuk kegunaan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah mencadangkan supaya MADA boleh menguruskan kawasan padi bagi negeri Perak di samping pengurusan padi di Kedah sekiranya terdapat rombakan pengurusan kawasan jelapang padi.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pengeluaran padi akan hanya ditumpukan di lapan kawasan

jelapang padi utama di seluruh negara. Bagi mengatasi kekurangan-kekurangan sedia ada yang dihadapi oleh industri padi pada masa ini serta untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kawasan-kawasan jelapang padi, kerajaan memang bercadang untuk menjalankan kajian mengkorporatisasikan pengurusan jelapang padi.

Syor Yang Berhormat mengenai kemungkinan MADA mengambil alih pengurusan kawasan jelapang padi bagi negeri Perak dan Kedah telah diambil kira oleh Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, sama ada cadangan ini boleh dilaksanakan atau tidak adalah tertakluk kepada temuan dan perakuan kajian yang akan dikendalikan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin juga telah mencadangkan supaya Kementerian Pertanian menjalankan “post-mortem” kepada semua Pertubuhan Peladang dan Persatuan Nelayan yang dianggap masih belum mampu berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian juga tidak bercadang untuk menjalankan ‘post-mortem’ ke atas semua Pertubuhan Peladang yang masih belum mampu berdikari, sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mastika Junaidah, namun demikian, sejak tahun 1994, Kementerian Pertanian menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang telah membantu Persatuan Peladang bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang

berdaya maju untuk dipergiatkan sebagai perniagaan asas Persatuan Peladang dengan matlamat menjadikan mereka berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan sejauh manakah keberkesanan sistem kuarantin negara untuk mengawal kemasukan makanan/bahan pertanian di sempadan terutama dari negara jiran Thailand yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Hajah Mastika Junaidah Husin, suka saya menyatakan bahawa pelaksanaan langkah-langkah kuarantin tumbuhan (termasuk undang-undang, prosedur pentadbiran dan teknikal) adalah bukan bertujuan mengawal kemasukan makanan/bahan pertanian. Malah, jika ianya digunakan untuk tujuan tersebut iaya bercanggah dengan perjanjian perdagangan antarabangsa WTO.

Sistem kuarantin tumbuhan dilaksanakan untuk tujuan:

- (i) mencegah penyebaran dan kemasukan perosak tanaman asing di sempadan negara yang boleh berlaku melalui pergerakan tumbuhan hidup, hasil tumbuhan, pelbagai jenis pengangkut (darat, laut dan udara) dan manusia;
- (ii) memudahkan perdagangan barangan pertanian, pergerakan pengangkutan dan manusia (pelancongan) di peringkat antarabangsa;

- (iii) menyediakan kemudahan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan dalam bidang pertanian dan perhutanan serta perkara-perkara yang berkaitan.

Bagi tujuan tersebut di atas, prasarana kuarantin yang sedia ada di pintu-pintu masuk adalah mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan dan mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem kuarantin tumbuhan negara. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Pertanian diperuntukkan RM15 juta bagi projek-projek berikut:

- (i) RM6 juta untuk mempertingkatkan dan menambah kemudahan rawatan kuarantin, terutamanya untuk rawatan hasil pertanian untuk dieksport seperti bunga dan buah-buahan segar yang mempunyai potensi pasaran di negara luar; dan
- (ii) RM9 juta untuk menyediakan kemudahan perumahan bagi pegawai yang bertugas di pintu-pintu masuk di Pelabuhan Klang, KLIA Sepang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator yang sama jug telah menimbulkan beberapa perkara berkaitan dengan soalan beras, antaranya beliau menggesa kerajaan supaya tidak mengapungkan harga beras dan beliau menyatakan wujudnya pengilang-pengilang luar membuat tempahan lebih

dahulu kepada petani dengan harga yang lebih tinggi dan menyebabkan Syarikat Kerjasama Asas Tani (SKATA) dan pengilang-pengilang lain menutup operasi kerana tidak mampu bersaing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan hanya mengapungkan beras gred super, pulut, beras rebus dan hancur manakala beras gred premium dan standard adalah dikawal harganya dan saya suka menyatakan bahawa penjelasan berhubung dengan pengapungan beras super telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam jawapan menggulung Titah DiRaja yang lalu pada 22hb. Mei 1996 di Dewan yang mulia ini.

Mengikut sistem penjualan padi yang diamalkan oleh petani-petani semenjak Lembaga Padi dan Beras Negara dahulu lagi, petani-petani adalah bebas untuk menjual padi kepada mana-mana pihak atau kilang pilihan mereka yang mana lebih mendatangkan keuntungan. Galakan-galakan dan insentif yang diberikan oleh kilang-kilang sedikit sebanyak dapat menambahkan pulangan yang lumayan kepada petani-petani.

Mengenai wujudnya tempahan dari pengilang-pengilang luar kepada petani-petani dengan harga yang lebih tinggi, pihak kementerian sedang meneliti perkara ini sama ada ia benar-benar berlaku.

Walau bagaimanapun, jika persetujuan di antara pengilang-pengilang dengan petani merupakan perkara yang boleh menambahkan pendapatan petani, ianya merupakan satu saingan yang sihat. Sebagaimana Yang Berhormat sedia

maklum, Harga Minimum Terjamin Padi (HMP) bagi 100 kilogram yang ditetapkan oleh kerajaan ialah RM49.61 bagi padi panjang dan RM46.30 bagi padi sederhana. Oleh itu, jika terdapat kilang-kilang padi yang menawarkan harga lebih tinggi daripada harga minimum kerajaan, ianya tidak menjadi apa-apa kesalahan dari segi undang-undang dan perlu digalakkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa mengawal selia semua persatuan nelayan dan mengikuti pembangunan sama ada aktiviti ekonomi atau pun sosial dan kebajikan.

LKIM juga sentiasa menjalankan aktiviti bagi meningkatkan taraf hidup dan kedudukan ekonomi nelayan melalui Khidmat Sokongan Pemasaran, Program Pembangunan Masyarakat Nelayan, Pembangunan Perikanan Laut dan Pembangunan Akuakultur.

Bagi memastikan Persatuan Nelayan Kawasan ini berdaya maju dan berdaya saing, LKIM telah menjalankan berbagai aktiviti seperti berikut:-

- (i) menggalakkan PNK menjual hasil tangkapan ahli melalui kemudahan yang disediakan oleh LKIM;
- (ii) menggalakkan PNK.....

Puan Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, boleh beri laluan tak? Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah minta laluan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah pun menjawab berkenaan dengan padi dan beras tadi.

Cuma saya hendak mengambil peluang dalam soal jawab ini, saya ingin hendak bertanya dan memberi pendapat kepada Yang Berhormat kerana apabila soal padi dan beras ini dibangkitkan, saya dapati akhir-akhir ini timbul pertelingkahan ataupun pandangan yang agak berbeza di antara pihak kementerian dan pihak Bernas. Saya membangkitkan soal padi dan beras ini kerana kita dapati penanam-penanam padi atau petani-petani miskin ini tidak terbela, tetapi akhirnya kita nampak gajah yang kita tembak, pelanduk yang mati; bila tengok, babi hutan yang kena. Jadi, isu ini telah ke lain jadinya.

Jadi, sekarang ini kita dapati bahawa ada pihak yang cuba menunjukkan kelemahan Bernas. Saya rasa Bernas terlalu awal untuk dinilai dan juga Bernas sekarang ini berubah daripada LPN di bawah kerajaan dan sekarang ini diswastakan.

Tetapi yang kita nampak sekarang, yang mengaut keuntungan dan mengambil peluang ini adalah pengilang-pengilang dan yang akan mati terkubur ini adalah pengilang-pengilang bumiputera. Yang tidak terbela adalah petani-petani. Jadi saya harap biarlah unjuran atau masalah ini dapat dilihat kepada fokus yang betul. Kalau tidak nanti, akhirnya kementerian ataupun ada Timbalan Menteri bertelagah dengan Bernas dan saya kira Bernas ini juga, yang

saya difahamkan Pengerusi Bernas baru-baru ini ada berjumpa dengan Pertubuhan Peladang yang memperlihatkan bahawa mereka mengambil berat kepada Pertubuhan Peladang. Jadi, saya rasa terlalu awal kalau pihak kementerian dan Bernas bertelagah, pada hal masalah yang sebenarnya sekarang ini telah pun disampingkan.

Tuan Ding Seling: Penjelasakah atau ucapan baru?

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Ini saya hendak beri pandangan dan saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi penjelasan pada masa yang lepas dan pihak kementerian memang sedar apa yang berlaku. Insya-Allah, kita akan cuba untuk menyelesaikan masalah ini disebabkan yang sedang dibela oleh pihak kementerian ialah para peladang dan pengguna juga dan yang telah mendapat manfaat daripada ini, nyatalah para peladang telah membawa perubahan disebabkan yang kita hendak di sini ialah persaingan yang sihat dan dengan lain perkataan, peladang dan pihak pengguna dapat menikmati hasil daripada program kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, kita mengadakan usaha-usaha pendidikan dan sebagainya serta mengadakan perkembangan. Berkaitan dengan apa yang telah dikeluarkan oleh MARDI akan ditanam oleh peladang. Di dalam MARDI, kita mengeluarkan buah padi yang baik mutunya dan

kadang-kadang kita mengeluarkan padi jenis MR 84 dan mutu padi yang bermutu yang lain dan semuanya adalah berdasarkan kepada keperluan jangka panjang. Jadi, terdapat sedikit kekurangan beras yang dikatakan beras pendek ini kurang sedikit di pasaran dan seboleh-bolehnya kita cuba menyelesaikan masalah ini.

Boleh saya sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Ding Seling: Silakan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jadi, bagi memastikan Persatuan Nelayan Kawasan ini berdaya maju dan berdaya saing, LKIM telah menjalankan berbagai aktiviti seperti berikut:-

- (i) menggalakkan PNK menjual hasil tangkapan ahli melalui kemudahan yang disediakan oleh LKIM;
- (ii) menggalakkan PNK mencebur di dalam Industri Akuakultur seperti menternak ikan, udang dalam kolam dan tiram; dan
- (iii) menggalakkan PNK menjalankan aktiviti agrotourism.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah meminta penjelasan mengenai kenapa peruntukan Kementerian Pertanian telah dikurangkan dan projek pertanian selalu mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak

RM4.37 ribu juta adalah rendah sedikit berbanding dengan peruntukan Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM4.44 ribu juta kerana ia tidak mengambil kira peruntukan untuk subsidi baja padi dan perolehan komputer yang kini telah diletak di bawah Belanja Mengurus.

Manakala peruntukan bagi program PPRT dan IRPA pula masing-masing telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, dengan lain perkataan, tidak kurang. Sekiranya peruntukan bagi program-program tersebut diambil kira, peruntukan sebenar RMK-7 untuk program-program di bawah Kementerian Pertanian adalah melebihi Rancangan Malaysia Keenam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMK-7, Kementerian Pertanian telah diberi peruntukan lebih kurang hampir 58% daripada jumlah peruntukan pembangunan pertanian, berbanding dengan 51% daripada jumlah peruntukan pembangunan di bawah RMK-6.

Berhubung dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai projek pertanian selalu mengalami kerugian, adalah tidak dinafikan bahawa projek pertanian mempunyai risiko yang tinggi kerana pulangan ke atas pelaburan mengambil masa yang lama. Dalam pada itu, projek-projek pertanian juga terdedah kepada penyakit, iklim yang tidak menentu dan bergantung pula kepada harga pasaran yang tidak stabil, berbanding dengan pasaran keluaran sektor pembuatan.

Untuk mengurangkan kerugian, Kementerian Pertanian sedang mempergiatkan usaha-usaha untuk menggalakkan petani-petani menggunakan kaedah moden dalam pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan kaedah kalis serangga, rumah perlindungan hujan, penggunaan biji/benih yang bebas dari serangan serangga, pembaikan varieti dan hasil, peningkatan kekerapan tanaman, penyusunan semula sistem pengeluaran ladang termasuk peningkatan mekanisasi, pembaikan amalan ladang khasnya aspek aliran wang tunai dan pengurangan kerugian selepas tuai. Di samping itu tumpuan akan juga diberi untuk meningkatkan produktiviti melalui penggunaan sepenuhnya sumber pertanian secara lebih cekap berasaskan strategi-strategi yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh soalan berhubung dengan bahayanya makanan yang dicemar oleh warna dan kimia kepada keselamatan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai Program Kawalan Mutu Makan yang terancang dan terperinci dengan objektif utamanya untuk memastikan makanan adalah selamat daripada bahan pencemaran, bersih serta bermutu.

Di antara parameter-parameter analisis yang dijalankan, 70% ditumpukan kepada pencemaran bahan kimia dan bakinya 30% untuk mikrobiologi. Dalam tahun 1995, Kementerian Kesihatan telah mengambil

sebanyak 61,152 sampel. Daripada jumlah tersebut, 7,886 sampel iaitu 12.9% telah tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985. Daripada 12.9% pelanggan, 3.3% didapati mengandungi bahan pewarna tercemar, 4.1% mengandungi residu racun makluk perosak dan 5% mengandungi logam berat.

Kementerian Kesihatan mengambil tindakan yang tegas ke atas setiap pelanggaran yang berlaku bagi memastikan kejadian-kejadian seumpama itu tidak berulang. Tahun lepas (1995), sebanyak 698 kes telah dihadapkan ke mahkamah membabitkan denda lebih kurang RM0.5 juta dan 3 kes lagi telah dijatuh hukuman penjara. Di samping itu sebanyak 13,924 jenis makanan telah dirampas.

Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi pengawasan dan penguatkuasaan ke atas makanan-makanan yang didapati dicemari oleh bahan-bahan kimia yang penggunaannya tidak mematuhi Akta Makanan 1983. Seiring dengan itu, Bahagian Kawalan Mutu Makanan telah memperlengkapkan 8 buah Makmal Kawalan Mutu Makanan yang sedia ada peralatan-peralatan analisis dan di samping itu juga sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah lagi makmal di Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi

perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian.

Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, saya akan menentukan supaya perkara-perkara tersebut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjawab.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai telah membangkitkan isu kenaikan harga barangan berikutan kenaikan gaji kakitangan awam. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput dari Wilayah Persekutuan, Labuan telah membangkitkan masalah pengguna berbelanja

berlebihan pada Hari Inflasi Sifar, disebabkan kesalahfahaman mengenai matlamat Hari Inflasi Sifar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan meneruskan usaha untuk memerangi inflasi termasuk melalui dasar kewangan dan dasar fiskal yang bersesuaian serta langkah-langkah pentadbiran dan penambahan bekalan.

Kementerian ini khususnya akan terus mengawal atau mengawasi harga barang perlu dan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain serta pihak-pihak pengeluar berusaha untuk menentukan bekalan mencukupi agar harga stabil pada paras yang berpatutan.

Seterusnya bagi menggalakkan sebarang penyelewengan oleh peniaga termasuk pada Hari-hari Inflasi Sifar, kementerian akan mempertingkatkan langkah-langkah pengawasan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian untuk memastikan peniaga yang menyertai Hari Inflasi Sifar mengikut garis panduan yang ditetapkan dan menentukan logo 'Inflasi Sifar' tidak disalahgunakan untuk menggalakkan pengguna berbelanja berlebihan.

Berhubung dengan isu kesedaran consumerisme pada masa ini yang masih belum memuaskan, kementerian ini telah mengambil berbagai-bagai langkah....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita hendak mengawal pengguna daripada belanja berlebihan, bagaimana cara hendak mengawal penjual daripada mendapat keuntungan yang berlebihan?

Tuan Ding Seling: Minta penjelasan!

Dato' S. Subramaniam: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjelaskan dan dalam jawapan saya akan terus memberi, tetapi sebagai ringkasnya, kita juga meminta pihak peniaga untuk mengikut kod etika di mana mereka boleh mendapat keuntungan, tetapi tidak keterlaluan dalam usaha mencari keuntungan. Selain daripada kod etika, nasihat dan juga seminar-seminar yang diadakan bagi mereka dari masa ke semasa, kita juga mengadakan penguatkuasaan terhadap mereka yang tidak mematuhi harga-harga tertentu bagi barang-barang kawalan dan juga mengenai lain-lain tingkah-laku mereka yang tidak sesuai atau melanggar peraturan dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka meneruskan dengan penjelasan bagi

Puan Kamilia binti Ibrahim: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Oh! Ada lagi.

Puan Kamilia binti Ibrahi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Saya hanya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan salah satu cara untuk mengawal penjual mendapat keuntungan berlebihan ialah dengan memberi seminar-seminar. Soalan saya berapa ramai agaknya penjual-penjual yang datang berseminar?

Tuan Ding Seling: Soal jawab pula ini. Silakan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, semua kegiatan-kegiatan yang diadakan oleh kementerian adalah bagi semua golongan. Kita adakan seminar dan juga beberapa perjumpaan-perjumpaan bagi pengguna supaya meningkatkan kesedaran mereka tentang consumerisme dan hak-hak mereka.

Begitu juga di semua negeri kita telah mengadakan seminar bagi peniaga-peniaga, dan setiap seminar dihadiri dengan peserta yang memuaskan apabila kita mengadakan seminar, ramai yang hadir. Ini adalah untuk menerangkan apakah mereka perlu bekerjasama dengan kerajaan supaya kita memerangi inflasi. Inflasi ini akan dalam jangka masa panjang kalau tidak dikawal, akan membawa kesan yang buruk terhadap peniaga juga. Oleh kerana peniaga sendiri akan juga merupakan consumerisme apabila mereka beli barang dan perkhidmatan daripada pihak-pihak yang lain.

Jadi, pada keseluruhannya peniaga bekerjasama.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Minta penjelasan. Ada berkaitan dengan perkara.....

Dato' S. Subramaniam: Belum habis, penjelasan Ahli Yang Berhormat. Jadi, pada keseluruhannya peniaga memberi kerjasama yang diperlukan oleh kementerian dalam usaha ini, tetapi ada juga peniaga-peniaga yang masih enggan dan masih menyalahkan peraturan ataupun undang-undang dan kita telah mengambil tindakan-tindakan terhadap mereka dan saya akan

memberi butiran terhadap kes-kes peniaga yang telah melakukan kesalahan dalam jawapan saya selanjutnya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melahirkan rasa kecewa beliau terhadap peniaga-peniaga di Langkawi, kawasan bebas cukai. Dan saya rasa ini kena pada kementerian yang berkenaan. Setakat ini apa pandangan kementerian, apa langkah-langkah yang berkesan untuk menghadapi masalah ini. Sebab kita dapati peniaga-peniaga di Langkawi mengambil kesempatan yang begitu sewenang-wenang untuk mengaut keuntungan, macam juga orang pergi ke Mekah musim haji. Jadi, waktu itu sahaja. Ini adalah tidak patut. Apakah langkah kementerian?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dibangkitkan semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh oleh salah seseorang Ahli Yang Berhormat, dan saya akan juga memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah lebih awal membangkitkan isu ini, dan itu juga akan merupakan jawapan kepada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Ding Seling: Baiklah.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan sebarang penyelewengan oleh peniaga termasuk pada hari-hari inflasi sifar, kementerian akan mempertingkatkan langkah-langkah pengawasan oleh

pegawai-pegawai penguatkuasaan kementerian untuk memastikan peniaga yang menyertai hari inflasi sifar mengikut garis panduan yang ditetapkan dan menentukan logo inflasi sifar tidak disalahgunakan untuk menggalakkan pengguna berbelanja berlebihan.

Berhubung dengan isu kesedaran consumerisme pada masa ini yang masih belum memuaskan. Kementerian telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menggalakkan pergerakan dan kesedaran consumerisme termasuk dengan mewujudkan Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dan juga Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah, di samping Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang sedia ada. Di samping itu, program-program pendidikan kepada pengguna serta peniaga, termasuk mengenai hak dan tanggungjawab masing-masing sebagai pengguna dan peniaga dan juga tanggungjawab dalam menangani masalah inflasi akan terus dipergiatkan. Kementerian juga menganjurkan seminar-seminar pendidikan pengguna dan seminar-seminar etika perniagaan, menyebarkan brochure dan risalah berkaitan consumerisme, termasuk warta cermat dan membiayai serta menggalak usaha-usaha pendidikan pengguna dan peniaga oleh persatuan-persatuan pengguna dan juga oleh mana-mana badan atau persatuan lain, termasuk persatuan-persatuan pengguna di sekolah-sekolah. Kuiz-kuiz pengguna yang dianjurkan setiap tahun di kalangan murid-murid sekolah akan juga diteruskan kerana

didapati telah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepenggunaan di kalangan murid-murid.

Dalam program pendidikan kepada pengguna adalah juga dimasukkan ingatan agar pengguna sentiasa membuat perancangan sebelum membeli dan berjimat atau berhemat apabila berbelanja. Bagi yang berpendapatan rendah terutamanya, mereka hendaklah membiasakan diri dengan membeli barang-barang yang perlu sahaja mengikut kemampuan dan mengelakkan pembelian berlebihan, termasuk pada hari-hari inflasi sifar.

Berhubung dengan kempen inflasi sifar, kempen ini merupakan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai bagi 75 barangan dan perkhidmatan asas yang biasanya digunakan oleh golongan berpendapatan RM1,500 sebulan ke bawah. Kerajaan kini sedang berusaha mengadakan indeks harga pengguna atau dengan izin, 'consumer price index' berasingan bagi barangan dan perkhidmatan ini dan pengawasan yang lebih rapi akan dibuat ke atas perubahan harga 75 barangan dan perkhidmatan tersebut supaya langkah-langkah yang sesuai dapat diambil jika perlu. Kempen inflasi sifar bertujuan menentukan kuasa beli golongan berpendapatan rendah tidak terjejas. Dan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat serta meningkatkan taraf hidup rakyat keseluruhannya.

Berkaitan dengan ini juga, kementerian sedang menganjurkan satu pertandingan ‘Keluarga Hidup Selesa’ yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 4hb. Jun 1996, sempena ‘Hari Pengguna Sedunia’.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap. Satu usul akan dikemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipersetujukan.”

Tuan Ding Seling: Penyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato’ Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipersetujukan.”

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertandingan ini bertujuan memilih keluarga-keluarga berpendapatan berjumlah RM 1,500 atau kurang yang boleh hidup dengan selesa supaya cara atau bagaimana mereka mengurus perbelanjaan keluarga dapat dicontohi oleh keluarga-keluarga lain dalam golongan berpendapatan yang sama. Kementerian berharap pertandingan ini dapat membuktikan bahawa dengan tabiat berbelanja secara berhemat dan dengan usaha-usaha kerajaan untuk menstabilkan harga barang-barang perlu, golongan keluarga berpendapatan kira-kira RM1,500 sebulan boleh hidup dengan selesa.

Seterusnya kementerian ini akan mempertingkatkan lagi program dan aktiviti lain yang dijalankan di bawah kempen anti-inflasi. Ini termasuklah program pengiktirafan kedai-kedai harga patut. Penyebaran maklumat, pusat maklumat harga bagi meningkatkan pengetahuan pengguna dan membolehkan pengguna membuat perbandingan harga, mengoperasikan sistem amaran awal harga supaya tindakan awal untuk mengatasi masalah bekalan boleh diambil dan lain-lain lagi.

Di samping itu, penguatkuasaan undang-undang di bawah pentadbiran kementerian ini akan diteruskan dengan membuat pemeriksaan di bawah operasi tertentu ke atas premis-premis perniagaan, termasuk untuk mencegah segala bentuk penyelewengan di kalangan mereka. Di sepanjang tahun 1995 kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas 479,333 premis

perniagaan, dan bagi tahun 1996 sasaran pemeriksaan ialah 500,000 premis perniagaan. Sehingga 31hb Mei, 1996 kementerian telah membuat pemeriksaan ke atas 221,274 premis perniagaan, dan mengambil tindakan undang-undang ke atas 3,170 peniaga atau lebih kurang 1.43% daripada jumlah yang diperiksa, melibatkan barangan rampasan bernilai RM2.369 juta, kompaun sebanyak RM463,195 dan denda sebanyak RM293,445.

Seterusnya isu harga barang naik di Langkawi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Haji Ismail dari Pulau Pinang dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dari Perlis telah mencadangkan supaya satu Majlis Penguatkuasa Bebas Cukai ditubuhkan di Langkawi. Adalah dimaklumkan bahawa masalah kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di Langkawi sering menjadi isu yang ditimbulkan oleh pelancong-pelancong yang mengunjungi pulau tersebut.

Berikutan daripada isu yang berbangkit ini, kementerian telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penstabilan Harga Barangan dan Caj Perkhidmatan di Langkawi yang bertujuan untuk menyelaras segala tindakan yang dilaksanakan bagi menstabilkan harga dan caj perkhidmatan di Langkawi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kajian yang dijalankan oleh kementerian mendapati masalah yang sering ditimbulkan adalah berhubung dengan kenaikan harga barang makanan sedia masak, caj pengangkutan dan kadar sewa rumah penginapan.

Di dapati biasanya isu ini berbangkit pada musim-musim perayaan dan musim percutian kerana kehadiran pelancong termasuk pelancong tempatan yang ramai ke pulau tersebut manakala bekalan barangan keperluan adalah terhad. Begitu juga jika permintaan pengangkutan serta penginapan bertambah, maka tidak mampu dipenuhi oleh pengusaha penginapan dan pengusaha pengangkutan. Kementerian dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta sedang mengambil langkah-langkah perlu melalui Jawatankuasa Penstabilan Harga Barangan dan Caj Perkhidmatan di Langkawi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit. Di antara cadangan yang akan dilaksanakan ialah membina sebuah pasar borong di Langkawi bagi menentukan barang-barang keperluan, terutamanya barang-barang pasar sentiasa mencukupi bagi menampung permintaan semasa.

Melalui tindakan yang dicadangkan ini dan kerjasama semua pihak yang terlibat dijangka akan dapat menangani masalah kenaikan harga barangan dan caj perkhidmatan yang berbangkit ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedar akan keperluan mengawasi kualiti serta keselamatan barang-barang yang ditawarkan kepada pengguna terutamanya barang-barang makanan. Walaupun isu pengawasan ke atas tahap bahan kimia di dalam barang makanan dan pengawasan tarikh luput barangan jatuh ke dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan, kementerian ini bersedia membantu dalam tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diperlukan sekiranya

kerjasama di minta. Malah dalam usaha-usaha kementerian ke arah meningkatkan kesedaran kepenggunaan dan melindungi kepentingan pengguna, kerjasama dengan kementerian-kementerian yang relevan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebagainya memang sedia wujud dan sering berlakunya, terutamanya apabila timbul keperluan untuk menangani bersama masalah-masalah kepenggunaan. Kerjasama dan pengemblengan dengan kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain akan terus diamalkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Pendidikan untuk menjawab.

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, suka saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan memberi pelbagai pandangan, teguran serta saranan.

Saya akan cuba memberikan pandangan-pandangan ataupun penjelasan-penjelasan secara am dan juga secara spesifik. Beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi tumpuan terhadap isu kekurangan kemudahan-kemudahan pendidikan, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman dan seterusnya menyebabkan prestasi yang dikatakan rendah dalam pencapaian akademik. Antaranya ialah Yang Berhormat Senator Jangu anak Banyang yang mengutarakan masalah kekurangan sekolah di pedalaman Sarawak, Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan yang menimbulkan masalah kelemahan murid di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah serta Yang Berhormat Senator Abdul Rashid Haji Ismail yang meminta agar Kementerian Pendidikan lebih menumpukan perhatian terhadap sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah membeza-bezakan dalam menyediakan kemudahan pendidikan mengikut lokasi atau jenis sekolah. Perlu dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh penambahan kemudahan fizikal akan dilaksanakan di semua peringkat untuk menampung pertumbuhan enrolment dan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa. Projek pembinaan sekolah-sekolah baru, gantian dan juga tambahan bilik darjah menjadi agenda utama dalam merancang pembangunan fizikal. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah dirancang pembinaan sebanyak 473

projek sekolah baru, 224 projek gantian dan 629 projek tambahan untuk dilaksanakan.

Bagi pendidikan rendah, bilik darjah tambahan akan dibina bagi menampung enrolment murid yang bertambah dari 2.8 juta orang pada tahun 1995 kepada 2.9 juta orang pada tahun 2000 dengan pertambahan sebanyak 9,140 bilik darjah. Untuk pendidikan menengah pula sejumlah 9,770 buah bilik darjah baru akan dibina bagi menampung peningkatan enrolment dan mengurangkan kesesakan serta menggantikan bilik darjah yang telah usang. Dengan yang demikian, masalah tidak cukup bilik darjah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Wan Intan binti Haji Ahmad Tajuddin di harap akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat.

Berhubung dengan masalah kekurangan guru di SRJK(T) yang menyebabkan kelemahan pencapaian akademi di sekolah-sekolah tersebut, sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, sukacita dinyatakan bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pendidikan akan menyerapkan ataupun sedang menyerapkan guru-guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang diperlukan kepada program kursus dalam cuti khas yang telah dimulakan pada bulan Februari, 1996 ini. Ia merupakan satu program khas bertujuan menampung kekurangan guru-guru terlatih dalam beberapa mata pelajaran termasuk bahasa Tamil. Seramai 2,110

orang telah diambil untuk kursus edisi khas ambilan 1996 dan langkah ini akan dapat mempertingkatkan kualiti pendidikan di sekolah rendah di samping mengurangkan bilangan guru GSTT.

Yang Berhormat Senator Rahim Baba dan Yang Berhormat Senator Janggu anak Banyang juga telah menimbulkan masalah masih banyak sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Kementerian Pendidikan memang menyedari masalah ini kerana ia akan menghalang sekolah-sekolah tersebut melaksanakan program literasi komputer. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan telah memohon kerjasama pihak Tenaga Nasional membekalkan tenaga elektrik kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Dalam masa yang sama senarai sekolah-sekolah tersebut telah dipanjangkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di samping itu Kementerian Pendidikan juga telah membuat kajian kemungkinan membekalkan janakuasa elektrik kepada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Janggu, semua sekolah pedalaman di negeri Sarawak yang tidak mendapat bekalan elektrik daripada SESCO dibekalkan dengan generator oleh Jabatan Pendidikan Sarawak yang mempunyai kuasa yang memadai untuk keperluan komputer.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah menyentuh

pentingnya melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kementerian Pendidikan menyedari bahawa usaha membangunkan sumber manusia secukupnya untuk keperluan ekonomi negara memerlukan perubahan sistem dalam institusi pendidikan. Kerajaan telah meluluskan pelan tindakan peningkatan pengeluaran tenaga manusia teknikal Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan keluaran juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020.

Pendidikan teknik dan vokasional sedang distruktur semula di mana 69 buah sekolah vokasional akan ditukar menjadi sekolah menengah teknik. Menjelang tahun 2020 enrolment pelajar yang mengikuti mata pelajaran teknikal di SMT berjumlah 97,920 orang berbanding 10,200 orang pada tahun 1996.

Enrolment di 14 buah politeknik pula dijangka meningkat dari 13,769 orang tahun 1996 kepada 42,086 pada tahun 2020.

Di peringkat pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan mempunyai sasaran agar setiap universiti menambah enrolment sebanyak 20,000 pelajar pada tahun 2000 dan ini akan menambah bilangan pelajar dalam bidang profesional. Langkah lain ialah dengan mengadakan lebih banyak kemasukan pelajar dalam program matrikulasi di IPT dan kemasukan melalui saluran kedua iaitu mengambil kira pengalaman kerja calon berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Haji Kasim bin Mh. Yusop, sehingga tahun 2000 kerajaan tidak bercadang menubuhkan universiti baru. Apa yang perlu ialah meningkatkan kapasiti ataupun kemampuan sebagaimana yang disebutkan di samping menambah kelengkapan sesuai dengan perubahan masa.

Tuan Yang di-Pertua, isu pengkorporatan dan penswastaan pendidikan telah beberapa kali ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini. Perlu ditegaskan sekali lagi, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan pendidikan tinggi, tetapi sebaliknya mengkorporatkan atau pengstruktur semula pengurusan IPT awam agar lebih lues ataupun flexible, responsive dengan perubahan semasa dan berdaya saing.

Di samping itu, kerajaan membenarkan penubuhan IPT swasta sebagai sokongan dan pelengkap ke arah meningkatkan lebih banyak peluang pendidikan tinggi dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu serantau dan dunia.

Apabila IPT awam dikorporatkan, kerajaan akan tetap memenuhi tanggungjawab sosialnya dan sama sekali tidak akan membenarkan motif keuntungan menjadi agenda utama institusi yang dikorporatkan di samping membantu pelajar-pelajar dari luar bandar yang kurang berkemampuan seperti ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Untuk makluman Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Senator Tuan Isli, selain memberi penekanan kepada kursus-kursus sains dan teknologi, kursus-kursus sastera dan kemanusiaan akan tetap ditawarkan kerana ia tetap memberi sumbangan terhadap pembangunan negara.

Lembaga Akreditasi Negara (LAT) yang akan ditubuhkan akan memastikan kursus-kursus yang ditawarkan sama ada di IPT awam ataupun IPT swasta memenuhi keperluan negara dan mengawal kualiti pendidikan di IPT sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Haji Ismail dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop.

Selain itu, Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) yang telah diluluskan penubuhannya akan memastikan keseimbangan kaum memasuki IPT khususnya IPT swasta sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Beliau juga telah mencadangkan agar Institut Teknologi MARA (ITM) dinaikkan taraf menjadi universiti sebagaimana yang telah ditimbulkan beberapa kali sebelum ini.

Kerajaan belum bercadang berbuat demikian kerana tujuan penubuhan ITM adalah dengan misi yang agak khusus untuk meningkatkan bilangan tenaga profesional dan separa profesional bumiputera. Buat masa ini, Kementerian Pendidikan berpendapat adalah tidak wajar ianya dinaikkan taraf kepada universiti kerana ia mungkin menjejaskan misi tersebut.

Walau bagaimanapun, ITM menawarkan kursus-kursus yang setaraf dengan ijazah selain daripada Diploma Lanjutan dan Diploma.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Tuan Isli untuk menubuhkan universiti yang berasaskan vokasional, kerajaan tidak berhasrat untuk berbuat demikian. Pada masa ini kebanyakan universiti tempatan telah menawarkan program dalam bidang sains dan teknologi yang diperlukan oleh negara seperti teknologi pembuatan, bahan termaju, biotechnology, micro-elektronik dan teknologi maklumat.

Beliau juga mencadangkan agar didirikan IPT swasta dan universiti berkembar oleh universiti luar negara di Labuan. Kementerian Pendidikan sedia menimbangkan sekiranya ada permohonan dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman agar pegawai-pegawai pendidikan di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara menjadi ejen memasarkan IPT dalam negeri untuk menarik pelajar dari luar datang ke Malaysia. Kementerian Pendidikan mengalu-alukan cadangan yang baik itu. Pada masa ini pun usaha-usaha mempromosikan peluang-peluang pendidikan di Malaysia telah dilakukan dengan mengadakan Ekspo Pendidikan di luar negara seperti di Barcelona, Sepanyol dan Jakarta, Indonesia pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sentor Tuan Charern Intachat, telah menggesa agar Kementerian Pendidikan memberi peluang pendidikan yang sama kepada pelajar-pelajar keturunan minoriti Thai sebagaimana peribumi Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memberi peluang yang sama kepada semua rakyat untuk mendapat pendidikan percuma di peringkat rendah dan menengah. Dengan perluasan pendidikan universal daripada sembilan tahun kepada sebelas tahun iaitu semua pelajar diberi peluang mendapat pendidikan dari Tahun Satu sekolah rendah hingga Tingkatan V sekolah menengah akan dapat mengurangkan kadar keciciran dan seterusnya membekalkan pasaran tenaga kerja yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi. Peluang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi juga terbuka kepada semua kaum yang berkecukupan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Mengenai isu jumlah pelajar Melayu yang sedikit berjaya mendapat 9A1 dalam SPM dan 5A dalam STPM yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba, perlu dijelaskan bahawa peperiksaan tersebut dikendalikan secara adil dan saksama bagi semua calon berdasarkan prinsip dan kaedah pengukuran dan penilaian pendidikan yang mampan dan terkini.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu telah membangkitkan isu kelas peralihan di mana pengajaran lebih ditumpukan kepada mata pelajaran bahasa dan mengabaikan mata pelajaran yang lain. Perlu ditegaskan, tujuan kelas peralihan adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar mempunyai asas yang

kukuh dalam bahasa. Tanpa penguasaan bahasa yang baik mana mungkin pelajar berkenaan dapat mengikuti mata pelajaran lain apabila naik ke Tingkatan 1.

Mengenai sekolah satu sesi yang ditimbulkan oleh beliau, perkara tersebut masih dalam penelitian Kementerian Pendidikan. Kerajaan sentiasa mengambil kira pandangan orang ramai dan sensitiviti masyarakat dalam menangani isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Haji Kasim, kurikulum yang digubal di sekolah rendah iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) memang telah disesuaikan dengan tahap umur dan kecerdasan murid-murid. Untuk mengatasi masalah murid-murid merasa bosan, guru dari semasa ke semasa diberi kursus dalam perkhidmatan akan dapat mempelbagaikan teknik pengajaran.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah telah mencadangkan agar sekolah agama rakyat diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan.

Sesungguhnya kerajaan tidak pernah meminggirkan sekolah-sekolah agama walaupun sebahagian besarnya bukan milik Kerajaan Persekutuan. Kerajaan amat berbesar hati jika pemilik sekolah-sekolah tersebut bersedia menyerahkan kepada Kerajaan Persekutuan agar dapat berkembang dalam arus perdana pendidikan negara. Pada masa ini kerajaan memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah tersebut melalui peruntukan bantuan modal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Kasim dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu telah membangkitkan isu persekolahan di kawasan luar bandar dan ladang-ladang. Kementerian

Pendidikan menyedari terdapatnya prasekolah yang dikendalikan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kemas dan Jabatan Perpaduan Negara serta pihak swasta. Ini menimbulkan fenomena yang kurang sihat kerana tiada penyelarasan antara agensi-agensi tersebut. Menyedari kelemahan ini satu jawatankuasa antara agensi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Induk Penyelarasan Program Pendidikan Prasekolah yang dianggotai oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan telah diwujudkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan melaksanakan kurikulum, latihan dan kemudahan kelas prasekolah. Kementerian Pendidikan diberi tanggungjawab sebagai penyelarasan utama dari segi perancangan dan pelaksanaan pendidikan prasekolah.

Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah telah memilih isu pelaksanaan kurikulum di sekolah dalam ucapannya dengan menggesa diselaraskan agar lebih berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya dua aktiviti ko-kurikulum di sekolah sama ada daripada persatuan, kelab, sukan dan unit beruniform. Setiap sekolah mempunyai guru kanan ko-kurikulum yang menyelaraskan aktiviti ko-kurikulum dan memastikan pelajar terlibat dalam aktiviti yang dijalankan.

Mengenai saranan beliau agar sekolah dijadikan tempat melatih bakat sukan sebagai persiapan Sukan Komanwel, pada masa ini terdapat sekolah-

sekolah sukan seperti Sekolah Sukan di Bukit Jalil yang menempatkan pelajar-pelajar yang mempunyai potensi untuk menjadi wira negara dalam bidang sukan. Usaha untuk menghidupkan sukan sepak takraw seperti yang dicadangkan memang dijalankan oleh kerajaan kerana kita sedar ia merupakan permainan warisan negara kita.

Mengenai fungsi dan peranan kegiatan ko-kurikulum yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Mastika, tidak dapat dinafikan ia dapat membentuk sahsiah pelajar yang berketrampilan.

Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Puan Kamilia Ibrahim atas cadangan beliau agar Kementerian Pendidikan mengadakan kempen kecemerlangan pelajar dan seterusnya menjalin hubungan baik antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat. Usaha-usaha seperti ini telah pun dilakukan seperti yang dibuat melalui penubuhan brigade community. Mengenai cadangan beliau agar ditubuhkan Majlis Kebangsaan Ibu bapa/Guru, ini akan diberikan perhatian.

Berhubung dengan isu hukuman merotan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Kasim, Kementerian Pendidikan tidak mahu tergesa-gesa sebelum mengambil sesuatu ketetapan dan akan mendapatkan pandangan semua pihak termasuk ibu bapa.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Kasim menimbulkan kebimbangan kesan negatif terhadap pelajar apabila Internet diperkenalkan di sekolah. Kementerian Pendidikan memang menyedari hal ini dan akan mengambil langkah sewajarnya bagi membendung masalah tersebut.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Minta penjelasan. Tentang masalah disiplin dan masalah dirotan tadi, soalan yang saya timbulkan tentang buku panduan disiplin itu telah dikeluarkan berasaskan kajian-kajian yang begitu terperinci oleh pakar-pakar, wakil ibu bapa pun ada, wakil persatuan ibu bapa pun ada, kenapa pula Kementerian Pendidikan masih mahu lagi membuat pandangan-pandangan dan kajian terperinci, pada hal benda itu telah diperbincangkan dan telah diputuskan dan telah dilaksanakan dengan persetujuan Kabinet. Kenapa mahu ditimbulkan lagi? Hanya setakat pelaksanaan sahaja yang perlu, penguatkuasaan sahaja yang perlu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, buku panduan ini telah digunakan sejak berpuluh tahun yang lalu dan kita berpendapat ada perkembangan-perkembangan terbaru yang perlu diberikan penelitian. Kita tidak pernah kata apa yang terkandung dalam buku panduan guru itu tidak sesuai, cuma kita cuba hendak menerapkan unsur-unsur dan nilai-nilai serta cara-cara yang kita fikirkan munasabah bagi menampung keperluan-keperluan dan perkembangan-perkembangan sekarang dan yang akan datang. Itu sahaja.

Saya sedar tentang adanya panduan yang kita berikan kepada semua guru besar di sekolah-sekolah, tentang disiplin, kaedah-kaedah dan cara-cara dikuatkuasakan garis-garis panduan yang diadakan di dalam buku tersebut, cuma pada peringkat ini kita menilai keseluruhan suasana sekarang dan akan datang. Itu sahaja. Seperti yang saya katakan tadi, selepas penilaian itu dibuat dan kita harap dapat dibuat melalui seminar yang akan kita adakan sedikit masa lagi, kita bukan tumpukan kepada satu-satu isu seperti hendak merotan sahaja, tetapi kita memandang secara menyeluruh akan cara mana agaknya dapat kita uruskan soal ini dengan sebaik mungkin. Itu sahaja hasrat yang ada di kementerian sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat kerana keprihatinan mereka terhadap kebajikan warga guru. Kerajaan memang sedar dan prihatin terhadap sumbangan dan tugas guru yang semakin berat dan mencabar sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Mastika dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail. Menyedari fenomena tersebut, kerajaan telah pun menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji secara menyeluruh perkhidmatan dan pendidikan Malaysia. Antara yang dikaji ialah isu masalah yang dialami oleh anggota perkhidmatan pendidikan, skim perkhidmatan, bidang tugas serta beban kerja guru dan juga program kerjaya serta skim penggantian staf yang lebih sesuai dan menarik untuk guru dan bakal guru. Laporan tersebut mungkin dapat kita muktamadkan dalam tempoh sebulan ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang dibangkitkan ialah oleh Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong, soal kenaikan yuran di IPT dan juga usaha-usaha untuk menggalakkan murid-murid supaya mempelbagaikan bahasa masing-masing ataupun menguasai lebih banyak bahasa. Suka saya jelaskan sekali lagi bahawa kita menegaskan apabila universiti dikorporatkan

untuk tahun pertama, yuran tidak akan dinaikkan. Kalau pun yuran hendak dinaikkan, maka persetujuan kerajaan mesti diperolehi terlebih dahulu. Suka saya menegaskan sekali lagi bahawa kadar kenaikan yuran kalau pun hendak dilakukan akan dibuat secara beransur-ansur dan sampai ke satu tahap di mana kita fikirkan tidak boleh dinaikkan lagi yuran tersebut. Tujuannya semata-mata untuk memastikan pelajar-pelajar terutama sekali daripada golongan yang miskin khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dapat menimba ilmu dan pengetahuan sampai ke peringkat yang sehabis tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan, yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar mungkin ada beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya jelaskan di sini dan perkara-perkara itu diberi perhatian dan penelitian serta diambil tindakan sewajarnya.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberi sokongan, teguran membina dan pandangan kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha menjadikan pendidikan di negara ini bertaraf dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap pihak menteri dapat menjawab dengan agak 'precise' sedikitlah. Kita ketepikan bunga-bunga itu, isinya sahaja. Jadi, dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan menjawab.

6.42 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Tidak banyak perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan tersebut. Yang Berhormat Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop bimbang filem-filem yang ditapis oleh Lembaga Penapis Filem Kementerian Dalam Negeri dan yang ditayangkan dalam televisyen yang dikelaskan sebagai 18sx mengandungi adegan-adegan seks keterlaluan yang boleh menyumbang ke arah keruntuhan moral dan pemesongan akidah. Dengan itu Ahli Yang Berhormat berharap supaya RTM sebagai media kerajaan lebih berhati-hati dalam melepaskan filem-filem untuk tayangan ini.

Kementerian Penerangan sentiasa memastikan supaya stesen televisyen mematuhi peraturan dan garis panduan siaran. Bagi maksud ini semua filem siaran televisyen RTM sama ada dari dalam atau luar negeri hendaklah melalui dua peringkat penapisan sebelum disiarkan. Peringkat pertama ditapis oleh Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri dengan berasaskan kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Peringkat kedua ditapis sekali lagi oleh RTM sebelum disiarkan bagi memastikan ianya

menepati peraturan dan garis panduan siaran yang ditetapkan. Amalan penapisan filem seperti ini adalah juga dilakukan oleh stesen-stesen penyiaran yang lain.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat filem-filem yang dikelaskan sebagai 18sx hanya sesuai ditonton oleh kumpulan penonton tertentu iaitu yang berusia 18 tahun ke atas. Pengkelasan ini adalah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan tujuan untuk memberitahu penonton khususnya ketua-ketua keluarga tentang mana-mana filem yang boleh dan tidak boleh ditonton oleh golongan tertentu. Walau bagaimanapun, kementerian akan meminta semua stesen siaran televisyen mematuhi sepenuhnya garis panduan siaran yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul daripada tayangan-tayangan filem di televisyen.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Sumber Manusia - tidak ada.

Dijemput pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar - tidak ada.

Dijemput Kementerian Pertahanan - sudah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - sudah atau belum?

Seorang Ahli: Belum.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Yang di-Pertua: Pihak Menteri Sumber Manusia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. *[Ketawa]*

6.44 ptg.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh sejak ianya dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pada 28hb. Mei 1996.

Kementerian Sumber Manusia menerima baik pandangan, cadangan dan teguran membina yang telah diutarakan dan Kementerian Sumber Manusia akan bertindak proaktif, meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Sumber Manusia sedang menyediakan asas sumber manusia yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang dalam menghadapi persaingan global.

Memandangkan ekonomi negara akan beralih kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti, penekanan akan diberi kepada usaha meningkatkan kecekapan penggunaan buruh serta penggunaan modal dan teknologi dalam pengeluaran secara insentif. Justeru itu penyediaan asas sumber manusia akan terus menjadi teras utama usaha membangunkan sumber manusia dalam tempoh RMK-7.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tenaga kerja yang mahir dan terlatih untuk memenuhi keperluan negara semasa dan akan datang hendaklah dipikul bersama oleh kerajaan dan sektor swasta. Bagi pihak kerajaan tanggungjawab ini dipikul bersama oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Dalam tempoh RMK-7 ini, Kementerian Sumber Manusia bercadang membina 6 buah institut latihan perindustrian dan 3 buah institut latihan lanjutan dan kemahiran tinggi dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute.

Penubuhan institut latihan perindustrian di negeri-negeri adalah selaras dengan strategi kerajaan untuk menyediakan kemudahan latihan perindustrian bagi membangunkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dan terlatih di seluruh negara.

Tenaga kerja dijangka akan mendapat upah yang lebih lumayan dan taraf hidup mereka akan meningkat. Mereka juga boleh merebut peluang-peluang

pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang akan tercetus dengan banyaknya. Di samping itu Kementerian Sumber Manusia juga akan memperkenalkan kursus-kursus yang menjurus kepada keperluan perindustrian berteknologi tinggi di masa akan datang. Di antara kursus-kursus baru yang dicadangkan ialah:

- (i) Automated manufacturing;
- (ii) Communication technology;
- (iii) Computer added design;
- (iv) Computer added manufacturing;
- (v) Computer numerical control;
- (vi) Micro electronic; dan
- (vii) Technology management.

Untuk mempertingkatkan bilangan pengeluaran tenaga mahir, kerajaan telah memperkenalkan latihan dua syif secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1995. Tindakan ini jika dilaksanakan sepenuhnya dijangka akan meningkatkan kapasiti pengambilan di semua 9 buah institut latihan perindustrian yang sedia ada sebanyak 45% kepada 9,000 pelatih. Dalam masa yang sama Kementerian Sumber Manusia telah membuat perancangan dan persediaan melatih serta melengkapkan pegawai-pegawainya terutama tenaga pengajar untuk menangani masalah pembangunan sumber manusia yang terlatih. Pekerja-pekerja pula akan dibangunkan seiring dengan arus

perkembangan perindustrian berteknologi tinggi melalui proses latihan, latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran. Pekerja-pekerja tempatan yang terlatih dan mempunyai kemahiran yang lebih tinggi lagi canggih dengan sendirinya dijangka akan dapat upah yang lebih lumayan sesuai dengan peningkatan dalam tahap kemahiran mereka dan produktiviti. Proses-proses pengeluaran menggunakan teknologi automasi dan robotik juga bertujuan meningkatkan produktiviti. Justeru itu sistem upah yang dihubungkan dengan produktiviti yang dicadangkan oleh kerajaan dan disokong oleh pihak majikan harus diterima oleh para pekerja. Sistem tersebut akan menguntungkan semua pihak dan pasti boleh mendatangkan upah yang lebih lumayan kepada pekerja memandangkan produktiviti akan menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi masa akan datang.

Saya percaya dan yakin penjelasan yang saya beri tadi mengenai usaha-usaha kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia menangani masalah pembangunan sumber manusia telah menjawab kemusykilan dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput, Kementerian Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia memperuntukkan geran latihan untuk latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran pada pekerja-pekerja sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Dalam hubungan ini, semua kursus yang dijalankan oleh majikan bagi tujuan melatih semula, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja seperti kursus dalam bidang teknikal, kraf kualiti, produktiviti dan pengurusan layak mendapat bantuan kewangan di bawah kumpulan wang berkenaan. Kursus-kursus motivasi yang diserapkan dengan nilai-nilai murni keagamaan, kecemerlangan bekerja dan sebagainya juga layak dipertimbangkan untuk bantuan kewangan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini mulai 1hb. Julai 1993 hingga 10hb, Mei 1996 kira-kira 5,000 majikan dari sektor perkilangan dan sektor servis telah mendaftar dan mencarum levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Dalam tempoh tersebut juga bilangan pekerja-pekerja yang terlatih, yang telah menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran di bawah 4 skim utama MPSM iaitu Skim Bantuan Latihan, Skim Pelan Latihan Tahunan dan 'Skim Koplus' dan Skim Pelan telah mencapai sehingga 889,053 pelatih dan angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Geran latihan untuk tempoh tersebut adalah sebanyak RM200.59 juta.

Kementerian Sumber Manusia sedang giat berusaha menjana sebanyak

mungkin pekerja-pekerja tempatan yang berkemahiran dan terlatih untuk menampung keperluan negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, dasar kerajaan berhubung penggajian pekerja asing merupakan adalah langkah sementara sahaja. Pekerja-pekerja asing hanya dibenarkan bekerja di sektor dan pekerjaan tertentu yang mana pekerja tempatan sukar atau tidak diperolehi. Misalnya, dalam pekerjaan buruh ladang, buruh binaan, pembantu rumah, pembantu kedai dan restoran, pekerja-pekerja di stesen minyak dan seumpamanya.

Jenis-jenis pekerjaan tersebut tidak diminati oleh penduduk tempatan, kerana beberapa sebab seperti keadaan pekerjaan yang panas dan berhabuk, tidak mempunyai 'carrier development' dan disebabkan peningkatan taraf pendidikan mereka sendiri. Tidak dapat dinafikan kehadiran pekerja asing telah dapat membantu negara mempercepatkan momentum pembangunan negara, terutamanya dalam sektor pembinaan. Namun begitu, kerajaan sentiasa mencari jalan supaya industri-industri di negara ini diubah kepada industri yang berintensifkan modal dan teknologi.

Kementerian Sumber Manusia menyambut baik cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah mengenai mencari jalan supaya latihan kemahiran

boleh diberi kepada belia-belia tercicir. Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program menarik minat lepasan sekolah supaya memasuki pusat-pusat latihan kemahiran melalui pendaftaran latihan percuma selama seminggu di institusi-institusi latihan kemahiran semasa pelajar-pelajar menunggu keputusan peperiksaan masing-masing. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada para lepasan sekolah tentang 'carrier development' dan bidang-bidang latihan yang mempunyai potensi masa depan, dan dengan demikian mereka yang gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi boleh menceburi dalam bidang-bidang latihan yang mereka minati.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia juga mengalu-alukan cadangan dan pandangan Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha Husin menggalakkan pekerja wanita memasuki pasaran buruh. Kerajaan sedar akan potensi tenaga buruh wanita meredakan tekanan kekurangan tenaga kerja, kerana kajian menunjukkan sejumlah besar tenaga kerja di luar tenaga buruh adalah terdiri daripada suri-suri rumah, iaitu 2.45 juta orang. Oleh itu, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menggalak dan menarik lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh, misalnya menyeru sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak, menggalakkan majikan-majikan menyediakan asrama dan menubuhkan bahagian kaunseling khususnya untuk pekerja-pekerja wanita, dan

menggalakkan konsep kerja 'home work', konsep kerja separa masa dan waktu kerja anjal (flexy time).

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia prihatin tentang keadaan penghidupan di ladang-ladang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memajukan dan memperbaiki keadaan hidup rakyat di ladang-ladang adalah seperti berikut:

- (a) melalui Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan kemudahan Pekerja 1990 telah merangka satu rancangan pembangunan lima tahun bagi tempoh 1hb. Januari 1992 sehingga 31hb. Disember 1996 untuk menggalakkan majikan-majikan ladang menjalankan beberapa aktiviti sosio-ekonomi dan pencapaian rancangan itu adalah seperti berikut:
 - (i) dalam tempoh 1hb. Januari, 1992 ke Disember 1995 sebanyak 8,783 unit rumah pekerja telah dibina atau diubah suai di 299 buah ladang;
 - (ii) dalam tempoh yang sama 78 buah ladang telah dibina, mengubahsuai 87 unit pusat asuhan kanak-kanak. Sebanyak 21 buah ladang telah mengubahsuai membina 23 unit dewan komuniti; dan

- (iii) sebanyak 21,287 unit rumah pekerja ladang telah dibekalkan air 24 jam sehari, manakala sebanyak 24,112 unit rumah pekerja di 280 buah ladang telah dibekal tenaga elektrik.
- (b) dalam usaha menggalakkan pekerja mempunyai rumah sendiri, satu skim pemilikan rumah pekerja telah ditubuh, dan setakat ini pencapaian adalah seperti berikut:
 - (i) 44 buah ladang telah membina sebanyak 4,230 unit rumah untuk dijual kepada pekerja dengan harga tidak melebihi RM25,000 seunit;
 - (ii) 15 buah ladang masih dalam proses pembinaan sebanyak 640 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja dengan tidak melebihi RM25,000 seunit;
 - (iii) 16 buah ladang sedang bercadang untuk membina sebanyak 2,364 unit rumah untuk pekerja-pekerja mereka.
- (c) untuk mewujudkan kehidupan yang lebih selesa dan menarik di kalangan penduduk ladang, kemudahan lain telah diperuntukkan seperti berikut:

- (i) sebanyak 540 buah klinik ladang sedang dijalankan perkhidmatan bertujuan memberi rawatan dan perubatan kepada pihak penduduk-penduduk ladang. Di samping itu, 22 buah hospital ladang juga sedia memberi perkhidmatan perubatan yang lebih sempurna;
- (ii) sebanyak 147 ladang juga telah disediakan telefon awam oleh Telekom Malaysia Bhd. untuk menyenangkan komunikasi di kalangan penduduk ladang.

Bagi menjawab kemusykilan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail, sehingga 30hb. April 1996 Perkeso telah mendaftar seramai 283,239 majikan, dan jumlah tersebut hanya 198,218 majikan yang aktif. Perkeso menyedari terdapat sebilangan majikan yang belum membuat caruman kepada Perkeso. Untuk mengatasi masalah ini Perkeso telah mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan yang gagal membuat caruman kepada Perkeso.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jawapan saya telah mencakupi semua perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang menyentuh kementerian ini. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab di sini, kementerian ini telah memberi jaminan ianya telah

diambil maklum dan akan diberi penelitian dan pertimbangan sewajarnya.

Dengan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan yang telah diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.58 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh. Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, Datuk Maidom P. Pansai dan Puan Mastika Junaidah binti Husin telah mencadangkan supaya kerajaan memberi perhatian yang serius terhadap masalah pencemaran, penguatkuasaan, perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai pencemaran yang dilakukan oleh kilang-kilang, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa mengambil tindakan yang tegas terhadap kilang-kilang yang tidak mematuhi kehendak-kehendak Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Tindakan undang-undang diambil berdasarkan kepada pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan ke kilang-kilang yang berkemungkinan mencemarkan alam ini.

Dalam tahun 1995 sahaja sebanyak 149 buah kilang telah didakwa di mahkamah, dan 1,485 kompaun telah dikeluarkan kerana pelbagai kesalahan di bawah undang-undang berkenaan. Dalam tahun yang sama juga, Jabatan Alam Sekitar ada menerima sebanyak 2,758 aduan daripada orang ramai. Daripada jumlah tersebut lebih 90% telah berjaya disiasat dan disusuli dengan tindakan undang-undang yang telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 25hb. April, 1996 yang baru lalu adalah jelas menunjukkan satu lagi komitmen kerajaan ke arah mengatasi isu pencemaran masa kini dan untuk masa depan.

Berhubung dengan pembuangan sisa industri ke beberapa batang sungai di negeri Perak, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 melarang semua sekali pembuangan sisa industri ke mana-mana tempat tanpa kebenaran Ketua Pengarah Alam Sekitar. Dalam tahun 1995 sebanyak 664 kes kompaun telah dikeluarkan bersabit dengan kesalahan peraturan ini. Angka ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 30% berbanding dengan kes dalam tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai mengesyorkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan kebersihan sungai Kedamaian di negeri Sabah terjamin daripada sebarang pencemaran akibat kerja-kerja pembalakan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Sungai Kedamaian adalah di antara 19 batang sungai yang diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar di Sabah, tetapi kualiti airnya dari tahun 1990 sehingga tahun 1995 adalah bersih kecuali pada tahun 1993 sahaja di mana tahap kualiti airnya sedikit merosot dari segi kandungan pepejal terampai.

Walau bagaimanapun, kepekatan purata pepejal terampai telah menurun ke tahap 45 miligram setiap liter pada tahun 1995 berbanding 280 miligram per liter pada tahun 1993. Paras pepejal terampai bagi tahun 1995 ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan paras yang disyorkan bagi kelas tiga iaitu 150 miligram per liter yang selamat bagi kehidupan ikan. Dalam pada itu, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus mengawasi kualiti air sungai ini dan akan menjalankan pemeriksaan atau kajian tentang sama ada kerja-kerja pembakalan di sekitar sungai tersebut mendatangkan pencemaran atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin dan Tuan Tan Swee Heung telah membangkitkan pembangunan sains dan teknologi negara serta mencadangkan supaya kerajaan berusaha memperkembangkan program penyelidikan dan pembangunan R&D, dengan izin, selain daripada menambahkan bilangan pakar-pakar sains di dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan Malaysia untuk terus membangun dan mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Dasar Pembangunan Negara akan bergantung kepada kemahiran dan keupayaan kita dalam menguasai bidang sains dan teknologi, termasuk teknologi maklumat. Bagi mencapai tujuan ini, kerajaan akan menambahkan peruntukan bagi pembangunan sains dan teknologi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Peruntukan sebanyak RM3 bilion bagi pembangunan sains dan teknologi termasuk peruntukan sebanyak RM1.2 bilion bagi pembangunan dan penyelidikan (R&D) telah disediakan.

Jumlah ini adalah hampir dua kali ganda daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen kerajaan agar pembangunan negara akan terus berkembang dan sektor eksportnya dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa. Di samping usaha-usaha sektor awam, kementerian saya juga sedang menggalakkan sektor industri menambahkan usaha penyelidikan dan pembangunan mereka melalui peningkatan usaha R&D, in-house, dengan izin, melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan sektor awam atau universiti atau melalui penyelidikan secara kontrak.

Adalah menjadi harapan kerajaan, institusi penyelidikan kerajaan yang akan dikorporatkan seperti SIRIM akan mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan di sektor industri agar negara kita dapat membangunkan

teknologi sendiri dengan izin, intactness technology (intactnology) serta menguasai penggunaan teknologi yang diimport. Sehubungan dengan itu, kerajaan sentiasa memandang serius dalam usaha-usaha pemindahan teknologi terutamanya daripada syarikat-syarikat gergasi dari luar negeri yang menjalankan berbagai projek-projek mega di negara ini. Berbagai usaha, khususnya melalui off-set program telah dan sedang diambil bagi menentukan pemilihan teknologi berkenaan tetap berlaku dan dapat di manfaat kepada industri-industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah pembangunan sumber tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi. Dalam hubungan ini, satu tabung baru, khusus untuk pembangunan sumber manusia dalam bidang ini akan diwujudkan. Tabung ini akan digunakan untuk meningkatkan lagi bilangan pakar-pakar penyelidikan dan pembangunan kita dalam teknologi-teknologi tertentu. Inisiatif ini adalah merupakan salah satu daripada strategi kerajaan untuk menambahkan bilangan tenaga kerja R&D, dengan izin, kepada nisbah 1,000 bagi setiap 1 juta penduduk menjelang tahun 2000.

Di peringkat industri pula, usaha melatih semula (retraining) akan dipergiatkan supaya industri kita boleh menyusun semula keperluan produktiviti industri masing-masing melalui penggunaan teknologi atau automasi untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja. Program-program

latihan, peningkatan kemahiran di tempat kerja seperti teaching company scheme, dengan izin, akan diperkenalkan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh juga, program penggalakan sains di peringkat sekolah dan orang awam ditingkatkan supaya asas pembangunan sains dan teknologi negara lebih kukuh lagi bagi menjayakan pembangunan negara ke arah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Program-program penggalakan sains dan teknologi ditumpukan terhadap golongan pelajar, guru dan orang-orang awam untuk menangani kekurangan pelajar-pelajar sains dan seterusnya ahli-ahli sains dan teknologi dalam jangka masa panjang. Saya amat berterima kasih kepada persatuan-persatuan saintifik, NGO's dan syarikat-syarikat yang telah bekerjasama dengan kementerian dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, Tuan Tan Swee Hueng, Dato' Haji Ibrahim Ali dan Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop telah menyentuh mengenai perkembangan teknologi maklumat dan menyeru kerajaan supaya mempertingkatkan lagi penggunaan teknologi ini kepada semua lapisan masyarakat, khususnya kepada penuntut-penuntut sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakatnya dalam bidang teknologi maklumat bersesuaian dengan era

maklumat (information age) kini, di samping memajukan ekonomi negara. Dalam proses ini teknologi maklumat akan menjadi satu komponen penting dalam pembangunan negara. Oleh itu kerajaan telah mengenal pasti peranan-peranan utama teknologi maklumat kepada negara seperti berikut:

- (i) sebagai satu alat penting dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh industri Malaysia.
- (ii) sebagai satu sektor yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan menyumbang kepada pendapatan negara; dan
- (iii) sebagai satu alat untuk meningkatkan kebijaksanaan masyarakat Malaysia.

Program-program yang akan dilaksanakan bertumpu kepada 3 aspek ini dan telah digariskan dalam pelan tindakan teknologi maklumat negara yang dikendalikan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara. Pelan tindakan ini juga merangkumi program-program teknologi maklumat dalam industri di semua sektor ekonomi untuk meningkatkan produktiviti, kualiti barangan dan perkhidmatan yang disediakan. Di antara bidang-bidang yang terkandung dalam pelan tindakan ini ialah:

- (i) pembangun tenaga manusia;
- (ii) infrastruktur telekomunikasi;
- (iii) undang-undang multimedia;

- (iv) bangunan dan perolehan teknologi;
- (v) penggunaan teknologi maklumat di sekolah, di sektor industri;
- (vi) pembangunan industri teknologi maklumat tempatan;
- (vii) pengkomputeran dan proses reengineering dalam kerajaan; dan
- (viii) lebuhraya maklumat negara.

Pada peringkat permulaan ini juga, 3 bidang akan diutamakan iaitu pembangunan sumber manusia, infrastruktur telekomunikasi dan juga undang-undang multimedia. Pihak kerajaan telah juga menyediakan beberapa insentif untuk menggalakkan pembangunan industri teknologi maklumat.

Sehubungan dengan itu, pembangunan Multimedia Super Corridor (MSC) merupakan platform untuk menerima uji proses transformasi Malaysia, kad ekonomi digital dan memberi peluang kepada industri Malaysia untuk berkongsi dan mengambil manfaat yang dibawa oleh syarikat asing untuk memajukan teknologi maklumat tempatan.

Berhubung dengan gejala maklumat yang kurang sihat, kerajaan memang sedar gejala ini akan merosakkan akhlak pengguna-pengguna Internet tanah air. Walaupun kerajaan menghadapi kesukaran untuk membasmi segala maklumat yang kurang sihat ini, usaha-usaha tetap diteruskan bagi menentukan agar maklumat-maklumat berkenaan dapat dibendung setakat yang boleh.

Kerajaan juga sentiasa mengambil sikap yang berhati-hati apabila membenarkan sesuatu maklumat itu disalurkan melalui Internet bagi memastikan bahawa perkara-perkara yang berhubung dengan keselamatan negara terjamin dan kesan-kesan negatifnya dapat dihindarkan.

Kerajaan yakin peruntukan sebanyak RM400 juta yang diberikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk Jaring adalah mencukupi untuk memenuhi semua keperluan yang telah dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7.12 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, Tuan Rahim bin Baba, Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Tuan Tan Swee Hueng, Tuan Haji Isli bin Haji Siput, Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin dan Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah

membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu perumahan, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, Yang Berhormat Tan Swee Hueng, Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar telah menyentuh mengenai isu perumahan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sejumlah 31% daripada sasaran perumahan di bawah RMK-7 akan disediakan oleh sektor swasta. Kerajaan yakin sektor swasta akan dapat mencapai sasaran ini. Kerajaan akan memperkemas jentera dan mekanisme yang mengesan pelaksanaan perumahan oleh sektor swasta dan awam dengan mengadakan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat negeri dan Persekutuan bagi tujuan tersebut. Dengan mekanisme ini, kerajaan berharap pelaksanaan program di peringkat negeri akan lebih berkesan dan memudahkan kekesanan.

Bagi memudahkan sektor swasta dalam pelaksanaan rumah-rumah kos rendah di bawah RMK-7, langkah-langkah yang sedia ada akan diteruskan. Ini termasuklah memberi kelonggaran, perancangan dan rekabentuk untuk membina rumah kos rendah, menggalakkan pembangunan bercampur (mixed development) dan memberi kelonggaran untuk pembangunan kepadatan tinggi kepada pemaju.

Bank dan institusi kewangan akan terus dikehendaki untuk memberi pinjaman dengan faedah yang rendah kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah dan sederhana rendah. Di samping pembinaan rumah-rumah di kawasan perumahan untuk disewa oleh golongan berpendapatan rendah.

Mengenai pelepasan rumah-rumah di bawah kuota bumiputera, sukalah saya menjelaskan bahawa tempoh yang ditetapkan untuk penjualan unit-unit ini terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Saya berharap kerajaan-kerajaan negeri mengambil tindakan yang tegas dalam menangani masalah ini agar kepentingan pembeli bumiputera dan pemaju perumahan tidak terjejas. Di bawah RMK-7 juta kerajaan akan lebih memberi penekanan dari segi pengagihan rumah-rumah kepada kumpulan dan golongan yang disasarkan.

Untuk maksud ini, semua negeri telah pun bersetuju untuk menubuhkan sistem mendaftar pembeli-pembeli yang layak untuk rumah-rumah kos rendah. Kerajaan-kerajaan Negeri khasnya Selangor, Johor dan Pulau Pinang digalakkan mewujudkan sistem yang sama bagi rumah-rumah kos rendah dan sederhana iaitu di antara harga RM20,001 hingga RM60,000. Melalui cara ini, masalah penyelewengan dan pengagihan unit-unit kepada bukan golongan sasaran akan dapat diatasi.

Dalam masalah projek perumahan terbengkalai, usaha utama kerajaan adalah menolong mengikhtiarkan bersama pihak-pihak terbabit agar projek dapat dipulihkan semula. Setakat ini, sebanyak 265 projek telah dipulihkan

sehingga 31hb. Disember, 1995 di mana didapati projek terbengkalai disebabkan kecuaiian atau penyelewengan oleh pihak pemaju, kementerian ini menyenaraihitamkan mereka dari dibenarkan berkecimpung dalam bidang ini. Ini adalah selain dari tindakan undang-undang oleh mahkamah dan pihak berkuasa lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kerajaan tempatan. Berhubung dengan isu ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai rancangan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan pelupusan sampah. Perkara berkenaan sedang dirundingkan oleh Unit Perancang Ekonomi dengan syarikat-syarikat yang ditawarkan konsesi. Kerajaan akan berusaha bagi memastikan kadar dan cara pembayaran yang akan dikenakan adalah munasabah dan tidak membebankan rakyat.

Mengenai isu IWK pula, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah menyentuh mengenai isu IWK iaitu perkhidmatan IWK yang kurang memuaskan, sistem saluran pemetungan yang tidak baik dan mengenai caj pemetungan yang dikenakan sebelum perkhidmatan diberi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Unit Perancang Ekonomi, Perbendaharaan dan IWK sedang mengkaji semula secara menyeluruh terhadap struktur tarif pemetungan. Selain daripada itu, segala masalah berhubung dengan

perkhidmatan IWK atau masalah sistem pembedungan orang ramai boleh berhubung terus dengan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan atau pejabat-pejabat IWK yang berdekatan untuk membuat aduan supaya tindakan susulan diambil segera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu perancangan bandar, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail....

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Tuan Peter Chin Fah Kui: ...telah menyentuh mengenai kemudahan asas di taman-taman perumahan termasuklah tempat-tempat riadah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju kawasan perumahan adalah diwajibkan untuk mereservekan minimum 10% dari kawasan pembangunan sebagai tanah lapang atau rekreasi. Kategori tanah lapang yang perlu disediakan mengikut piawaian perancangan adalah seperti berikut:

- (i) lot permainan kanak-kanak yang mempunyai keluasan 0.16 ekar hingga 1 ekar bagi kawasan yang mempunyai penduduk tadahan seramai 500 hingga 2,000 penduduk;
- (ii) padang permainan (play ground) yang mempunyai keluasan 2 ekar hingga 8 ekar bagi kawasan yang mempunyai penduduk tadahan di seramai 2,000 hingga 5,000 penduduk;

- (iii) padang kejiranan (neighbourhood play ground) yang mempunyai keluasan 8 ekar sehingga 30 ekar bagi kawasan yang mempunyai penduduk tadahan seramai 5,000 hingga 20,000 penduduk; dan
- (iv) taman tempatan (community open space) yang mempunyai keluasan 30 ekar hingga 100 ekar bagi kawasan mempunyai penduduk tadahan seramai 20,000 hingga 50,000 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai isu bomba. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada minta laluan daripada Tuan Haji Abu Bakar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Dengan kebenaran untuk membina padang-padang golf, adakah ia berkaitan dengan kelulusan kementerian Yang Berhormat ?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak termasuk permainan golf.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Datuk Haji Hashim hendak minta laluan. Ini timbul daripada jawapan ataupun sambungan daripada yang diperkatakan lebih awal ataupun hendak timbulkan satu perkara baru?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Menyentuh tentang tanah lapang ataupun tempat rekreasi ini saya dapati adalah beberapa taman perumahan yang tanah lapang tidak jadi lapang, naik lalang, ada ular dan sebagainya, taman rekreasi tidak jadi rekreasi. Itu tanggungjawab siapa dan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam syarat-syarat pembangunan sesuatu projek itu yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan pihak pemaju diminta selain daripada mereservekan kawasan ini untuk taman-taman yang saya sebutkan tadi, mereka pun perlu mengemaskan kawasan itu supaya kawasan itu boleh diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk terus diselenggarakan di masa akan datang. Kalau ada lalang-lalang di atas play ground itu, saya rasa memang terpulang kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjaga.

Mengenai isu bomba....

Tuan Yang di-Pertua: Ini Dato' Zuki pula hendak minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Timbalan Menteri tadi ada menyebut berkenaan dengan minimum ataupun sekurang-kurangnya mesti 500 orang sebelum kita adakan kawasan-kawasan untuk rekreasi. Saya hendak tahu 500 orang ini terdiri daripada isi keluarga ataupun termasuk budak-budak, macam mana perkiraannya itu, termasuk ayah emak sahajakah, macam mana?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ini termasuk orang, maksud saya termasuk kanak-kanak dan sebagainya, per head.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada bayi sampai orang yang tua-tua sekali.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, ya. Per head count. Tetapi saya ingin jelaskan untuk Yang Berhormat ini sebagai piawaian perancangan dan piawaian perancangan ini perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan sebab pihak berkuasa tempatan ialah pihak yang ada kuasa tentang perancangan sesuatu projek. Jadi apabila mereka meluluskan projek ini, mereka perlulah memasukkan kehendak ini dalam syarat-syarat kelulusan itu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya, kalau begitu sebelum perancangan itu dibuat, kita tidak tahu berapa orang yang akan pergi ke situ, kalau semua orang bujang pergi, kalau 500 rumah, 500 orang! Jadi kita tidak tahu berapa orang yang akan membeli rumah, berapa orang yang akan pergi ke situ, jadi perancangan ini tidak begitu tepat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yalah, saya pun bersetuju juga kerana ini satu general guide line sahaja. Saya rasa kita tidak dapat menetapkan memang ada 500 orang di kawasan itu atau exact figure, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Mengenai isu bomba, Yang Berhormat Tuan Ng See Tiong mencadangkan supaya memasukkan bomba sukarela ke dalam Program Rakan Muda. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

memang menggalakkan orang ramai menyertai pasukan bomba sukarela termasuk kaum belia yang matang. Bagi kaum belia yang lebih muda, Jabatan Perkhidmatan Bomba sedang mengikhtiarkan latihan kebombaannya boleh diserapkan ke dalam peraturan dan pergerakan belia yang sedia ada.

Mengenai cadangan supaya bomba diperlengkapkan dengan peralatan moden dan meninggikan lagi tahap profesionalisme anggota-anggotanya, saya suka menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat akan perkara ini. Peralatan dan kelengkapan yang lebih moden diberi dari masa ke semasa. Kemudahan latihan untuk anggota bomba juga sentiasa dikemaskini agar anggota bomba mempunyai kemahiran dan peralatan yang mencukupi bagi menangani masalah atau risiko yang wujud pada hari ini.

Itulah jawapan yang saya dapat berikan tentang isu-isu yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih .

Tuan Yang di-Pertua: Untuk peringatan, saya tahu sistem kerja bagi pihak Menteri ialah dengan adanya supporting staff, dengan izin, daripada kementerian ataupun jabatan, jadi kita harap supporting staff ataupun pegawai-pegawai itu mengambil catatan yang terang tentang nama Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa nama Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah satu perkara yang penting, kalau kita tidak tahu kita boleh rujuk kepada pejabat untuk mendapat senarai Ahli-ahli Yang Berhormat. Itu sahaja.

Dijemput sekarang pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar.

7.29 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh. Keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan

komitmen untuk bersama-sama membantu kementerian ini bagi membangunkan kawasan luar bandar adalah dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan rancangan lima tahun pertama dalam usaha membawa transformasi kedua iaitu perubahan besar dan menyeluruh kepada luar bandar. Untuk membawa perubahan menyeluruh ini kerajaan telah menggubal falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar ke arah 2020 yang dijadikan teras kepada perancangan dan pelaksanaan strategi dan program pembangunan luar bandar. Falsafah ini digubal untuk memastikan kawasan dan penduduk luar bandar tidak terpisah daripada arus perubahan pembangunan negara yang menuju ke arah mencapai sebuah negara yang maju berasaskan perindustrian. Ianya juga untuk memenuhi tuntutan kepada perlunya diadakan satu transformasi baru kepada pembangunan luar bandar.

Tranformasi pertama yang dilaksanakan sejak merdeka dulu negara mencapai kemerdekaan telah membawa banyak perubahan kepada luar bandar yang dapat dilihat dari aspek-aspek penyediaan kemudahan asas dan penurunan kadar kemiskinan. Contohnya, pendapatan bulanan purata isi rumah luar bandar telah meningkat daripada RM950 pada tahun 1990 kepada RM1,300 dalam tahun 1995.

Kadar kemiskinan luar bandar berkurangan dari 31.1% kepada 15.3% bagi tempoh yang sama, sementara bilangan isi rumah miskin berkurangan sebanyak 42% daripada 492,000 kepada 285,000. Manakala liputan bekalan air bersih telah meningkat daripada 80% dalam tahun 1990 kepada 98% pada tahun 1995. Liputan elektrik luar bandar pula meningkat daripada 80% pada tahun 1990 kepada 92% tahun 1995. Sungguhpun pembangunan luar bandar telah bertumbuh dengan pesat, tetapi masih terdapat isu-isu yang merupakan

cabaran kepada kementerian ini yang perlu diselesaikan pada masa hadapan. Isu terpenting ialah untuk merapatkan jurang perbezaan pendapatan isi rumah luar bandar dan bandar yang sekarang ini didapati semakin meluas, iaitu contohnya pada tahun 1990 pendapatan isi rumah di bandar ialah RM1,617 berbanding dengan RM951 pendapatan isi rumah di luar bandar. Tetapi pada tahun 1995 pendapatan isi rumah di bandar meningkat kepada RM2,596 manakala pendapatan isi rumah di luar bandar hanya meningkat kepada RM1,300.

Tuan Yang di-Pertua, transformasi kedua ini cuba menggerakkan luar bandar menjadi kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan, dengan matlamat tersebut senario luar bandar pada tahun 2020 mestilah memiliki ciri-ciri wujudnya desa yang berdaya saing dengan kedua-dua sektor pertanian komersil dan industri sebagai aktiviti utama. Perkampungan tradisional disusun dengan lebih teratur, lebih banyak lagi industri besar dan kecil dibawa ke kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama susunan desa yang teratur masih akan dikekalkan. Teras kepada falsafah ini adalah pembangunan manusia supaya penduduk luar bandar menjadi penduduk yang berdaya tahan, berinisiatif...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Douglas Uggah Embas: Boleh saya habiskan sentence ini. Inisiatif.....

Tuan Ding Seling: Banyak lagi?

Tuan Douglas Uggah Embas: memiliki nilai etika serta nilai moral yang murni.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Ding Seling: Sila.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta maaf, saya hendak bertanya. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membaca perancangan kementeriannyakah ataupun dia menjawab soalan-saolan atau perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat? Sebab tidak ada langsung disebut, tempat mana Yang Berhormat sentuh, yang mana, seperti beliau membaca perancangan kementerianannya sahaja.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menggariskan dasar kementerian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Jadi, sebelum saya menjawab pada pelbagai isu yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, kami rasa adalah perlu untuk membentangkan ke arah manakah kementerian akan mengatur rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh

Tuan Ding Seling: Sekarang mukadimahkah?

Tuan Douglas Uggah Embas: Mukadimah.

Tuan Ding Seling: Ya, silakan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya harap Yang Berhormat sabar.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini cara approach lain, itu sahaja, saya baru tahu.

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Selaras dengan falsafah tersebut, teras strategi pembangunan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia, pengukuhan nilai kekeluargaan, pembangunan masyarakat berdikari, menyediakan infrastruktur berkualiti, pembangunan ekonomi luar bandar yang mampan, sistem penyampaian yang berkesan dan pengwujudan institusi yang lebih bertanggungjawab kepada pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, belum dapat 'Dato'??

Tuan Ding Seling: Belum lagi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tidak lama lagi mungkin. Sekarang kita jawab beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu memaklumkan tidak terdapat kemudahan infrastruktur dan jalan-jalan di kawasan Ipoh. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pembinaan jalan-jalan kampung dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah untuk kampung-kampung di kawasan luar bandar dan di kawasan operasi Majlis

Daerah atau Majlis Perbandaran. Dalam hal ini adalah kurang jelas sama ada pendapatan yang dimaksudkan itu terletak dalam kawasan operasi atau di luar kawasan operasi. Dalam pemilihan projek-projek jalan kampung ianya adalah berdasarkan kepada perakuan dari pihak negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan permohonan atau cadangan Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang supaya kerajaan memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk pembangunan di Sarawak. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan memang menyedari tentang kekurangan kemudahan infrastruktur di kawasan pedalaman negeri Sarawak.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kementerian ini telah memperkukuhkan peruntukan yang besar untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan lain-lain projek pembangunan luar bandar bagi negeri Sarawak iaitu lebih kurang RM483 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin menyentuh mengenai keadaan jalan-jalan kampung. Dalam hal ini kerajaan memang menyedari terdapat jalan-jalan kampung yang rosak, ianya disebabkan oleh beberapa faktor seperti asas jalan yang tidak kukuh, pembangunan yang pesat di kawasan-kawasan kampung telah menyebabkan penggunaan kenderaan berat di kawasan-kawasan berkenaan. Dalam hal ini kerajaan sedang mengkaji untuk membina jalan-jalan kampung mengikut

spesifikasi baru supaya jalan-jalan kampung akan menjadi lebih tahan dan berkualiti. Di samping itu pada tahun 1996, kerajaan telah meluluskan peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan kampung untuk dilaksanakan oleh UPP. Bagi jalan-jalan di kampung-kampung tradisional dan peruntukan dari KPLB untuk penyelenggaraan jalan-jalan kawasan Kasban dan di kawasan LKW.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang juga menyentuh mengenai perlunya industri kecil seperti industri kraftangan, industri makanan dan lain-lain dibangunkan di luar bandar dan tidak tertumpu kepada kawasan bandar.

Bagi pengetahuan Yang Berhormat kementerian sebenarnya telah pun menjalankan usaha-usaha membangunkan industri-industri kecil di luar bandar semenjak Rancangan Malaysia Keempat lagi yang pada masa itu dikenali sebagai Program Industri Kampung. Program ini telah diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, Keenam dan terus pada Rancangan Malaysia Ketujuh. Ianya kini dikenali sebagai Program Pembangunan Usahawan Luar Bandar dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh berjumlah RM119 juta. Dalam jangka masa tersebut program ini telah mengalami evolusi iaitu setakat bertujuan untuk menambahkan pendapatan penduduk luar bandar secara sambilan dan untuk mengisi masa lapang kepada satu program yang lebih terancang dan bermatlamat untuk menambahkan usahawan luar bandar

yang berkualiti dalam sektor industri selaras dengan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Untuk memupuk dan membangunkan usahawan luar bandar yang berkualiti dan mengamalkan nilai-nilai usahawan yang tulen, menggerakkan dan membangunkan aktiviti industri yang berdaya maju dan strategik di luar bandar selaras dan dasar perindustrian negara serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dan mewujudkan kawasan luar bandar supaya maju, menarik dan menguntungkan.

Selaras dengan matlamat kementerian ini serta inisiatif pembangunan ekonomi yang mampan di bawah falsafah dan strategi pembangunan luar bandar, maka industri-industri yang sedang dibangunkan oleh kementerian bukanlah setakat industri kraftangan dan makanan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, tetapi juga lain-lain bidang industri seperti kejuruteraan elektrik, elektronik, logam, kimia, petrokimia. Industri berasaskan sumber, industri tekstil dan jahitan, industri perkhidmatan serta industri berasaskan pertanian komersil dan pendidikan. Ini bermakna industri-industri yang dibangunkan di luar bandar adalah industri-industri yang beroperasi sepenuh masa secara komersil yang bukan sahaja akan mengurangkan penghijrahan ke bandar-bandar dengan cara mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, tetapi juga akan menyediakan peluang-peluang untuk penggunaan tenaga kerja di luar

bandar secara optimum dengan cara mengurangkan pengangguran tidak ketara di kalangan petani-petani di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh kementerian dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak saya sentuh pada petang ini, ianya akan diambil kira dan akan diambil tindakan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput pihak Kementerian Luar Negeri untuk menjawab.

7.40 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Luar Negeri semasa membahas Usul Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali supaya delegasi Malaysia ke persidangan-persidangan antarabangsa di luar negeri termasuk 'food security summit' yang akan diadakan di Rome sedikit masa lagi disertai oleh lebih ramai Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Dewan Negara. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri memang sentiasa memasukkan Ahli-ahli Parlimen dalam delegasi kita ke persidangan-persidangan antarabangsa bagi

mbolehkan dan memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berinteraksi dengan delegasi-delegasi dari negara-negara luar dan juga wakil-wakil 'non government organisation' (NGO). Saya mengambil maklum akan cadangan berkenaan dan akan cuba menambahkan bilangan Ahli-ahli Parlimen di mana yang boleh pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mengenai peranan duta besar pesuruhjaya tinggi kita di luar negeri, terutama dalam menangani segala tohmahan dan anggapan negatif Barat mengenai Islam, ekonomi serantau dan Malaysia. Dalam hal ini, sukacita saya menyatakan bahawa kita secara berterusan membekalkan duta-duta besar kita dengan maklumat-maklumat terakhir mengenai perkembangan ekonomi, sosial dan politik negara. Dengan demikian, mereka dapat berbincang secara efektif dan meyakinkan dengan pihak-pihak berkenaan khususnya sektor-sektor awam, swasta, mahu pun media massa dari negara tuan rumahnya. Saya yakin dan percaya dengan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dapatlah mereka memahami keadaan sebenar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Luar Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

7.42 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya merujuk kepada dua isu yang berkaitan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang dibangkitkan sewaktu perbahasan RMK-7. Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran ingin tahu tentang kesulitan sesetengah koperasi untuk meminda undang-undang kecil masing-masing. Masalah yang dihadapi oleh 2,012 koperasi atau 61% yang belum mendaftarkan pindaan undang-undang kecilnya adalah seperti berikut:

- (i) kurangnya inisiatif dari sesetengah anggota lembaga untuk membuat pindaan undang-undang kecil koperasi mereka;
- (ii) kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam menggubal undang-undang kecil;
- (iii) kesulitan untuk mengadakan mesyuarat agung.

Untuk membantu mengatasi masalah tadi, tindakan berikut telah dan sedang diambil:

- (i) melanjutkan tempoh meminda undang-undang kecil sehingga 22hb. Januari, 1998;

- (ii) mengedarkan contoh undang-undang kecil sebagai panduan untuk membuat pindaan;
- (iii) memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada anggota lembaga mengenai cara-cara atau kaedah untuk meminda undang-undang kecil.

Berhubung dengan cadangan menubuhkan bank koperasi nasional dengan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pusat Koperasi, kementerian belum menerima apa-apa permohonan untuk menubuhkannya setakat ini. Sekiranya ada permohonan, kementerian bersedia mengkaji cadangan tersebut.

Mengenai kedudukan anggota wanita di dalam gerakan koperasi, dari jumlah keseluruhan 4 juta ahli, 1.2 juta adalah wanita. Sementara koperasi-koperasi yang mempunyai keahlian 100% wanita adalah 45 buah. Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Koperasi telah mengadakan pelbagai program latihan seperti seminar, bengkel dan kursus yang mana anggota-anggota wanita turut dijemput sama. Tiada program khusus untuk wanita. Walau bagaimanapun, kami akan menimbang cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran untuk merancang program khusus untuk anggota wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba telah menimbulkan isu pampasan ke atas tanah-tanah yang diambil balik

di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Kerajaan sememangnya sedar dan mengambil berat berhubung dengan isu pengambilan tanah, terutamanya pengambilan tanah yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri bagi maksud pembangunan ekonomi, iaitu di bawah seksyen 3B Akta Pengambilan Tanah 1960.

Bantahan-bantahan yang diterima dari tuan-tuan tanah ini kebanyakannya adalah mengenai soal bayaran pampasan yang didakwa sebagai tidak mencukupi. Peruntukan di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak membezakan kaedah penentuan pampasan bagi tanah-tanah yang diambil sama ada untuk maksud awam atau untuk pembangunan ekonomi. Kerajaan juga sedar bahawa kaedah pembayaran pampasan dalam bentuk tunai sahaja tidak akan menguntungkan tuan-tuan tanah dalam jangka masa panjang. Oleh itu, kerajaan bercadang memperkemaskan beberapa peruntukan yang sedia ada bagi membolehkan tuan-tuan tanah selain daripada dibayar pampasan dalam bentuk wang tunai, juga akan ditawarkan bayaran pampasan dalam bentuk lain seperti syer, pegangan ekuiti, usaha sama, rumah banglo, rumah pangsa, rumah kedai, pangsapuri, kondominium dan lain-lain lagi setelah perundingan dijalankan antara tuan-tuan tanah dengan agensi pemohon.

Sebenarnya peruntukan seksyen 15 Akta Pengambilan Tanah 1960 yang sedang berkuatkuasa sekarang membenarkan pentadbir tanah, dengan izin, “enter into arrangement with a person having an interest in such a way as may

be equitable having regard to the party concern.” Kemungkinan peruntukan ini kurang difahami oleh pihak-pihak yang terlibat. Oleh itu, ianya akan diperjelaskan lagi dalam cadangan pindaan akta berkenaan yang sedang diproses sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membuktikan kerajaan benar-benar serius di dalam menangani isu ini, Kerajaan Persekutuan telah meminta semua kerajaan-kerajaan negeri membekukan sementara semua pengambilan tanah yang di bawah seksyen 3B sehingga pindaannya yang dicadangkan diluluskan oleh Parlimen. Adalah menjadi hasrat dan harapan kerajaan agar soal pengambilan tanah terutamanya bagi maksud pembangunan ekonomi akan dapat dijalankan dengan lebih adil dan proses serta prosedur yang berkaitan dengannya akan lebih tepat dan telus setelah pindaan-pindaan yang dicadangkan diluluskan oleh Parlimen.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan sewaktu perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Di jemput Kementerian Belia dan Sukan.

7.50 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam tempoh perbahasan ke atas Usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Kementerian Belia dan Sukan amat bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran bahawa tunas-tunas kecemerlangan sukan negara berada di sekolah-sekolah. Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan program tunas cemerlang untuk 6 jenis sukan termasuk sepak takraw untuk mencungkil bakat sukan tersebut terutama untuk atlit-atlit di tingkatan 1 hingga tingkatan 3. Program ini dilaksanakan di sekolah-sekolah tidak kira dalam atau di luar bandar.

Mengenai soalan mengapa Malaysia kalah dalam perlawanan sepak takraw, antara sebab-sebabnya ialah:

- (i) faktor kelebihan sebagai tuan rumah, dengan izin, home ground advantage, pasukan Thailand;
- (ii) sokongan penonton yang memberi tekanan psikologi kepada pemain kita;
- (iii) faktor kecergasan fizikal, kemantapan mental dan tempoh latihan pusat.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba memberi perhatian terhadap peranan sukan dalam mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat dan kekalahan pasukan Piala Thomas Negara di pertandingan Piala Thomas pada bulan yang lepas di Hong Kong. Setakat ini Kementerian Belia dan Sukan belum pasti bahawa segala punca kelemahan yang menyebabkan kegagalan pasukan Piala Thomas Malaysia dipertandingan badminton Piala Thomas adalah kerana wujudnya pemain-pemain persatuan badminton Malaysia di samping pemain-pemain profesional dari Nusa Mahsuri dan Wira Tangkis. Persatuan Badminton Malaysia telah diminta melakukan post-mortem untuk meneliti segala kelemahan-kelemahan supaya tindakan dapat diambil bagi membaiki prestasi pasukan badminton negara. Dalam post-mortem itu sudah tentu peranan semua pihak menghadapi pertandingan itu sebagai satu pasukan akan diteliti.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memandang berat terhadap kebimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan mengenai kadar jenayah di kalangan belia-belia India yang kian meningkat. Pada hakikatnya kadar 30% yang dinyatakan adalah persamannya dengan kadar di kalangan kaum yang lain dalam kes-kes seperti kes juvana yang melibatkan perlakuan seperti peras ugut, merosakkan harta benda awam, bergaduh dan kegiatan kongsi gelap. Kementerian pernah menjalankan kajian masalah sosial di kalangan belia India dan sedia memainkan peranan

penencegahan melalui peningkatan aktiviti dan pengukuhan pertubuhan-pertubuhan belia termasuklah Majlis Kelab Bell Belia Tamil dan lain-lain persatuan yang dianggotai oleh ramai belia-belia keturunan India.

Yang Berhormat Haji Abdul Majid Baba membangkitkan tentang teguran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai pemimpin persatuan belia yang hanya ingin menjadi pemimpin tetapi tidak aktif. Masalah ini berpunca dari sikap negatif pemimpin belia sendiri yang mahu menggunakan persatuan untuk kepentingan peribadi dan pengaruh. Kesan daripada sikap negatif ini menyebabkan berlakunya kelesuan dalam persatuan dan kecelaruan pelaksanaan program dan aktiviti. Menyedari hakikat ini beberapa langkah telah dan akan diambil oleh kementerian dalam menangani masalah kepimpinan belia. Umpamanya memperkenalkan 5 agenda perdana memperkasa pembangunan belia untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti melahirkan ramai pemimpin pelapis serta memperkukuhkan rangkaian kerjasama.

Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim Ali menyatakan bahawa pelaksanaan program Rakan Muda kurang memuaskan terutama di kawasan luar bandar. Dari segi pelaksanaan pula, Program Rakan Muda dilaksanakan oleh persatuan belia, persatuan atau badan sukan, persatuan-persatuan rekreasi, waja diri, tindak alam dan seni budaya. Dengan demikian, jumlah program dan

kekerapan pelaksanaan aktiviti banyak bergantung kepada bilangan dan keupayaan persatuan-persatuan tersebut.

Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan Haji Kassim Mh Yusop dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail tentang program latihan belia-belie lepasan sekolah, kementerian menyedari bahawa belia-belie ini perlu di beri peluang yang lebih untuk mendapat pengetahuan ilmu dan kemahiran.

Sukacita saya maklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, penekanan Kementerian Belia dan Sukan adalah ke arah menyambut cabaran memberi peluang latihan kemahiran yang lebih meluas termasuk mengadakan kursus-kursus jangka pendek dan dengan izin, fast track dan mengadakan program perantisan belia negara. Kementerian juga sedang berusaha meningkatkan pengambilan institut kemahiran belia negara kepada 5,000 belia setahun. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kementerian bercadang membina 9 institut kemahiran belia yang baru dengan anggaran peruntukan sejumlah RM138 juta. Menaikkan taraf pusat latihan kemahiran yang sedia ada dan menggerakkan program pembangunan sumber manusia. Di samping Kementerian Belia dan Sukan, kementerian-kementerian lain yang menjalankan kursus-kursus kemahiran untuk belia-belie lepasan sekolah adalah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Yang Berhormat Tuan Haji Kasim Mh. Yusop juga berpendapat bahawa program Rakan Muda harus melibatkan murid-murid sekolah menengah rendah. Kementerian tidak melupakan anak-anak muda kita di sekolah. Peruntukan disalurkan kepada NGO's yang bergerak aktif di sekolah-sekolah seperti Pegerakan Puteri Islam, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Pengakap dan lain-lain.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator supaya belia-belia berumur 15 tahun diwajibkan menyertai kursus Bina Insan dan kursus Tatanegara dan sijil kehadiran kursus tersebut dijadikan pra-syarat kemasukan institusi pengajian tinggi atau untuk mendapat kerja, Kementerian Belia dan Sukan mengadakan program Bina Sahsiyah atau kursus-kursus yang bertujuan menanam perasaan cintakan negara dan ketatenegaraan. Seseengah kursus ini diadakan dengan kerjasama agensi lain seperti Jabatan Agama, Pusat Islam dan Biro Tatanegara. Setakat ini kementerian belum bercadang untuk mewajibkan belia-belia menyertai kursus-kursus sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas sokongan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan usul RMK-7 di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

7.53 mlm.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa perbincangan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai wanita. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang sedang mengkaji kedudukan NACIWID agar ia benar-benar dapat memainkan peranan sebagai penasihat, terutama kepada kerajaan mengenai usaha-usaha memajukan wanita di negara ini. Sehubungan dengan ini, kementerian juga akan memastikan NACIWID mempunyai kepelbagaian di dalam keahliannya iaitu ahli-ahlinya dipilih daripada pelbagai sektor dan disiplin. Ini dapat memastikan pengemulangan pemikiran, idea, usaha dan tenaga ke arah peningkatan taraf dan kemajuan wanita keseluruhannya.

Untuk tujuan ini kementerian akan menentukan kriteria-kriteria pemilihan ahli-ahli, antaranya ialah penglibatan aktif dalam kegiatan hal ehwal wanita di peringkat nasional dan antarabangsa, pengetahuan dan kepakaran

yang tinggi dalam bidang-bidang berkaitan, khususnya isu-isu wanita. Kementerian bukan sahaja berusaha untuk mengukuhkan NACIWID, malah sedang di dalam proses memperkukuhkan bahagian hal ehwal wanita (HAWA) agar ia benar-benar dapat memainkan peranan secara berkesan sebagai agensi pertama kerajaan dalam menerajui usaha-usaha memajukan wanita. Dengan pengukuhan ini HAWA akan dinaikkan tarafnya daripada sebuah bahagian kepada sebuah jabatan yang juga akan mempunyai pejabat-pejabat di peringkat negeri. Kementerian juga sedang memikirkan nama yang sesuai untuk jabatan tersebut. Mungkin kita boleh namakan ia Jabatan Kemajuan Wanita, dengan izin, Department For the Advancement of Women.

Selain memperkukuhkan HAWA, kementerian juga berusaha untuk memantapkan lagi peranan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita yang ditubuhkan di negeri-negeri agar jawatankuasa ini turut terlibat dalam pengumpulan data dan maklumat mengenai wanita di peringkat negeri serta dalam perancangan dan pelaksanaan program-program untuk manfaat wanita di peringkat negeri dan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil pertubuhan wanita daripada pelbagai sektor serta individu-individu.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin yang telah

membangkitkan beberapa perkara mengenai kemajuan wanita di negara ini. Memang kita berbangga di atas pencapaian wanita di negara ini dari segi pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya.

Cuma penyertaan wanita dalam perkongsian kuasa dan membuat keputusan belum begitu menyerlah. Namun saya percaya kerajaan akan memberi lebih banyak peluang kepada wanita untuk memegang jawatan-jawatan tinggi dalam kerajaan dan juga dalam parti-parti politik. Baru-baru ini seorang pegawai wanita sektor awam telah dilantik menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan sebelum ini pun wanita pernah memegang jawatan Ketua Setiausaha sebuah kementerian.

Ini membuktikan bahawa kerajaan bersedia untuk menempatkan wanita dalam jawatan-jawatan penting memandangkan bilangan wanita yang berkaliber tinggi kian meningkat.

Menyentuh tentang Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) di kementerian saya, sukalah saya maklumkan bahawa kita sedang berusaha untuk memperkukuhkan HAWA agar ia menjadi sebuah jabatan yang turut mempunyai cawangannya di peringkat negeri. Kerajaan sememangnya prihatin terhadap masalah dan isu-isu wanita dan begitu responsive kepada isu-isu wanita kerana wanita adalah aset penting negara dan usaha menaikkan martabat wanita adalah menjadi tanggungjawab bersama lelaki dan wanita.

Jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Charern Intachat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara menjalankan pelbagai program pada setiap tahun dalam usaha untuk menyatupadukan rakyat. Antara program utama ialah Rukun Tetangga, hubungan kaum, program untuk perpaduan negara, penyelidikan ethno social integrasi negara.

Di bawah Program Rukun Tetangga pada sepanjang tahun 1995 sebanyak 8,090 aktiviti telah dapat dijalankan yang melibatkan penyertaan masyarakat pelbagai kaum khususnya di peringkat masyarakat setempat.

Di samping itu, sehingga kini sebanyak 1,035 kelas Tabika Perpaduan telah dapat diwujudkan di kawasan-kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal yang membangkitkan isu warga tua yang terbiar dan hidup dalam kemiskinan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menggubal satu dasar warga tua yang telah pun diluluskan oleh kerajaan pada bulan Oktober 1995.

Dasarnya ialah mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di

samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara.

Objektif Dasar Warga Tua ialah:-

- (i) untuk meningkatkan kehormatan dan martabat diri warga tua dalam keluarga, masyarakat dan negara;
- (ii) memajukan potensi warga tua agar mereka terus aktif dan produktif dalam pembangunan negara serta mewujudkan peluang untuk membantu mereka terus hidup berdikari;
- (iii) menggalakkan penyediaan kemudahan-kemudahan yang tertentu demi untuk menjamin penjagaan dan perlindungan warga tua ke arah kesejahteraan hidup mereka.

Strategi Dasar Warga Tua Negara menentukan bahawa warga tua akan hidup dengan penuh kehormatan dan martabat diri serta selamat dan bebas daripada penindasan dan penganiayaan.

Oleh yang demikian, kerajaan menentukan warga tua mendapat layanan yang adil, saksama tanpa mengira umur, jantina, keturunan, etnik, agama, kecacatan atau lain-lain keadaan.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun mengambil beberapa tindakan untuk membantu warga tua yang terbiar dan hidup dalam kemiskinan itu. Antara tindakan yang diambil ialah seperti berikut.

Warga tua didefinisikan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Bagi warga tua yang terbiar dan tidak diberi perhatian oleh sanak saudara, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan bantuan bulanan sebanyak RM70 sebulan seorang.

Pada 1996 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah memperuntukkan sebanyak RM9,642,660 untuk membantu 11,020 orang tua dan juga memberi geran kepada 9 buah pertubuhan NGOs untuk menyelenggarakan rumah orang-orang tua sebanyak RM785,400 setahun. Kerajaan juga telah menyediakan sebanyak 8 buah institusi kebajikan untuk orang-orang tua di seluruh negara. Seramai 2,450 orang warga tua mendiami rumah-rumah kebajikan ini dengan peruntukan sebanyak RM6,933,160 setahun.

Warga tua yang terbiar didapati mengemis di bandar atau di kampung-kampung, mereka akan dibuat serbuan dan diambil tindakan untuk membantu warga tua dengan cara memberi perlindungan di tempat-tempat selamat iaitu di rumah-rumah kebajikan orang-orang tua. Kiranya warga tua ini didapati ada mempunyai keluarga, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyerahkan balik kepada keluarga mereka dengan diberi bantuan bulanan sebanyak RM70 sebulan.

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menggalakkan keluarga dan komuniti itu sendiri bertanggungjawab terhadap kebajikan warga tua

dengan cara meningkatkan kesedaran kepada mereka tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan dari segi memberi penjagaan dan perlindungan yang sempurna terhadap warga tua.

Selaras dengan itu, kerajaan juga telah mengisytiharkan 1hb. Oktober setiap tahun sebagai Hari Warga Tua Kebangsaan. Objektifnya adalah untuk menyedarkan masyarakat supaya memberi penghormatan dan kemudahan kepada warga tua.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput pihak Kementerian Kesihatan untuk menjawab.

8.00 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan

semasa berucap membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah menyarankan di dalam melaksanakan polisi mengkorporatkan hospital, kerajaan hendaklah mengambil kira kepentingan rakyat terutama orang kampung yang miskin dari segi pembayaran caj hospital kepada pesakit. Perkhidmatan rawatan merupakan tanggungjawab sosial kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan hospital-hospital kerajaan sebaliknya kajian sedang dibuat untuk mengkorporatkan hospital besar di seluruh negara. Dalam kajian mengkorporatkan hospital, kementerian ini juga turut mengkaji pelbagai option pembiayaan kos rawatan di dalam sektor awam dan sektor swasta dan akan berasaskan kepada prinsip yang mampu harus menanggung sendiri kos rawatan dan yang tidak mampu akan terus diberi kemudahan subsidi. Kerajaan sedar adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat perkhidmatan perubatan yang sempurna dan mampu dibayar. Sehubungan dengan itu, kerajaan tetap akan mengambil kira kemampuan rakyat dalam

menentukan pembayaran caj hospital bagi rawatan perubatan di hospital agar kepentingan awam akan terus dilindungi sewajarnya.

Bagi cadangan Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Haji Ismail supaya mayat terutamanya orang Islam tidak perlu dilakukan autopsy adalah tidak dapat diterima. Jawatankuasa khas di bawah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu garis panduan post-mortem mayat pada tahun 1994 menyatakan bahawa “Demi kebaikan umum dan masyarakat dan negara Malaysia, maka amalan post mortem ke atas mayat tidak dapat dielakkan secara mutlak, oleh itu dalam kes yang tertentu post-mortem mayat perlu dilakukan”. Keputusan post mortem mayat juga diperlukan untuk bahan bukti di mahkamah termasuk tuntutan insurans.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah Husin telah membangkitkan masalah mengenai kehadiran residue-residue racun di dalam makanan yang dimakan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, sumber makanan yang diperolehi daripada hasil alam semula jadi adalah terdedah kepada risiko pencemaran. Pencemaran makanan yang mungkin berlaku boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu pencemaran kimia seperti residue racun makhluk perosak-perosak dan logam berat (heavy metal). Pencemaran fizikal seperti sisa radio nuklear dan ber'dusty' di dalam makanan. Kementerian Kesihatan menyedari kepentingan perkara ini demi melindungi orang ramai dari bahaya-bahaya kesihatan akibat daripada pencemaran makanan tersebut. Di dalam

menangani masalah ini, kementerian ini telah menjalankan aktiviti kawalan mutu makan yang merangkumi pelbagai program khususnya untuk meningkatkan keselamatan makanan yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga mencadangkan Kementerian Kesihatan mengkaji dan memikirkan semula keperluan profesion jururawat lelaki memandangkan negara lain seperti USA dan Jordan ada melaksanakannya. Kementerian Kesihatan tidak berhasrat untuk melatih semula jururawat lelaki yang mana latihan telah diberhentikan pada tahun 1956 dan digantikan dengan latihan pembantu perubatan bagi pelatih-pelatih lelaki. Kurikulum latihan pembantu perubatan yang ada sekarang adalah merupakan pengubahsuaian daripada kurikulum latihan kejururawatan bagi menyelesaikannya dengan keperluan perkhidmatan anggota-anggota para medic lelaki tersebut yang juga meliputi tugas-tugas yang dahulunya dilaksanakan oleh jururawat lelaki.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat agar menambah dan menggalakkan doktor wanita dalam bidang sakit puan, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan pakar di dalam semua bidang dengan menggalakkan pegawai perubatan yang sedia ada meneruskan pengajian di dalam kepakaran yang mereka minati. Peluang saksama telah diberikan kepada semua pegawai perubatan tanpa mengira jantina. Sehingga 31hb Disember 1995 terdapat seramai 308 orang pakar obstetrik dan

ginekologi di Malaysia yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia terdiri daripada 266 lelaki dan 42 perempuan. Sehubungan dengan ini, kerajaan telah dan sentiasa mengalakkan golongan wanita berkecimpung di dalam bidang ini melalui peningkatan latihan dalam negeri di Kementerian Kesihatan dan universiti tempatan dan luar negeri. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa keutamaan adalah memberi perkhidmatan berkualiti kepada rakyat tanpa mengira jantina. Kekurangan pakar sakit puan wanita mungkin disebabkan oleh waktu bekerja di dalam bidang kepakaran ini yang tidak menentu menyebabkan ianya kurang diminati oleh pegawai perubatan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin telah menegur kelewatan Kementerian Kesihatan bertindak dalam membaiki lift rosak di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Kelang. Beliau juga menyarankan agar tempat tinggal penjaga pesakit perlu diadakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa Hospital Tengku Ampuan Rahimah sedang mengambil tindakan mengganti secara berperingkat kesemua enam buah lift di hospital melalui program khas penyelenggaraan bangunan dan kemudahan.

Di dalam Fasa I, sebanyak 3 buah lift ditutup dan kerja-kerja mengganti baru telah dimulakan pada bulan April dan dijangka siap pada bulan Ogos.

Apabila kerja-kerja Fasa I siap kelak, kerja-kerja Fasa II akan dimulakan bagi mengganti tiga buah lift yang sebelahnya dan dijangka akan bermula pada bulan September dan siap sepenuhnya pada bulan Disember. Projek ini adalah di antara projek-projek yang diberi keutamaan oleh pihak kementerian dan pentadbiran hospital tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada peruntukan bagi kerajaan membina tempat tinggal sementara kepada penjaga-penjaga pesakit. Walau bagaimanapun, penjaga-penjaga pesakit boleh tumpang berehat di balai pelawat yang disediakan lengkap dengan segala kemudahan termasuk tempat mandi dan sembahyang. Balai pelawat ini disediakan di semua hospital baru, di hospital lama balai ini akan disediakan jika mempunyai ruang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan menyediakan mesin dialisis yang mencukupi di semua hospital kerajaan. Beliau juga mencadangkan agar caj kegunaan mesin dikaji semula. Kementerian Kesihatan sedang dalam proses memperluaskan lagi perkhidmatan haemodialisis di seluruh negara khususnya bagi golongan miskin yang tinggal di luar bandar. Dalam proses ini, kementerian merancang untuk menambahkan mesin dialisis di beberapa hospital secara berperingkat. Walau bagaimanapun, mesin dialisis tidak dapat disediakan di semua hospital kerana masalah peruntukan dan kekurangan tenaga manusia yang terlatih. Kementerian Kesihatan sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGOs) untuk mewujudkan pusat dialisis supaya lebih ramai lagi pesakit berpeluang mendapat perkhidmatan ini. Kadar caj penggunaan mesin dialisis di hospital kerajaan

ialah RM25 bagi kali pertama dan RM10 bagi kes ulangan untuk pesakit kelas tiga. Bagi pesakit miskin yang tidak mampu bayaran mereka boleh memohon dikecualikan.

Ahli Yang Berhormat juga menyarankan supaya Kementerian Kesihatan memberi perhatian dan mempercepatkan pindaan Akta Hospital Persendirian bagi mengawal pertumbuhan mengawal selia perjalanan dan pengurusan hospital swasta. Tuan Yang di-Pertua, Akta Hospital Persendirian 1990 yang sedia ada sebenarnya telah lengkap dan berupaya mengeluarkan lesen bagi pertumbuhan dan mengawal selia pengurusan hospital swasta. Pindaan akta tersebut adalah hanya untuk meliputi perkhidmatan lain yang tidak dikategorikan sebagai hospital seperti, dengan izin, Manage Care Organisation (MCO) dan Institusi Kesihatan yang berkaitan dengannya.

Berhubung dengan Kempen Derma Organ perlu dipertingkatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kesihatan sedar penderma organ di Malaysia masih berkurangan. Oleh itu Kempen Penderma Organ akan terus dipertingkatkan.

Kementerian Kesihatan bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Persatuan Doktor Islam Malaysia dan Persatuan Transplantasi Organ Malaysia akan menganjurkan seminar kebangsaan Islam dan rawatan pemindahan organ pada bulan Ogos tahun ini bagi membincang projek kegagalan organ serta rawatan pemindahan organ dari pandangan Islam. Kementerian Kesihatan juga ada mengeluarkan garis panduan dan perancangan untuk Cadavaric Renal Donation, dengan izin.

Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab di Dewan yang mulia ini, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menjawab.

8.32 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil peranan dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Untuk cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, pihak kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat mengenai dengan keperluan untuk memberi peluang kepada bumiputera memasuki bidang korporat hendaklah mengikut keupayaan dan kebolehan bumiputera tersebut masing-masing.

Dari segi perniagaan francais, sukalah dimaklumkan iaitu sekiranya sesebuah syarikat itu hendak menjadi 'francaisor', maka adalah lebih sesuai

jika syarikat itu adalah syarikat yang besar dan teguh dan sudah maju. Ini akan dapat memastikan yang syarikat tersebut sebagai 'francaisor' akan dapat terus menjalankan perniagaan dan dapat terus melantik dan membimbing usahawan-usahawan kecil sebagai francaisi mereka.

Pihak kementerian juga sedang merancang untuk melaksanakan perniagaan yang kecil-kecil dapat juga difrancaiskan di mana kos bagi memulakan perniagaan francais sebagai francaisi adalah rendah dan sesuai diceburi oleh pengusaha-pengusaha yang tidak mempunyai modal yang tinggi. Pihak kementerian sedang meneliti perkara ini untuk dilaksanakan seperti di bidang makanan ringan dan makanan tradisional. Bidang pelajaran, bidang kedai runcit dan bidang barangan kraftangan.

Untuk pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin juga berkenaan dengan bas mini, pada masa ini bas mini memang ada jadual perjalanannya ataupun yang dikatakan dengan 'lalan', tetapi belum ada jadual waktu. Cadangan Yang Berhormat itu akan diambil kira dan akan dipraktikkan oleh kementerian.

Seterusnya cadangan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail tentang kegunaan van. Sebenarnya kementerian memang telah membenarkan van digunakan di luar bandar khususnya sebagai bas kilang dan juga bas sekolah.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail ingin mengetahui tentang peruntukan RM400 juta yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari. Sebenarnya peruntukan ini akan digunakan untuk program-program yang telah di'commit'kan, committed program, dengan izin, oleh kementerian, seperti program-program di MRSM, IKM, Giat MARA dan kursus-kursus untuk pelajar-pelajar di luar negara dan di dalam negara yang telah dianjurkan oleh pihak MARA dan bakinya akan diagihkan untuk pelajar-pelajar baru.

Berkenaan dengan syarat pinjaman MARA sama ada boleh atau tidak untuk berkahwin, sebenarnya pelajar-pelajar tidak dibenarkan berkahwin sebelum terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Majlis MARA.

Seterusnya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali mengenai kedudukan MARA, kementerian sedang meneliti struktur dan peranan MARA dan beberapa perubahan akan dibuat. Mengenai kedudukan Ketua Pengarah MARA pada ketika ini Dato' Mohd. Ridzuan masih lagi menjadi Ketua Pengarah MARA.

Terima kasih kesemua Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sekian.

Tuan Ding Seling: Dijemput pihak Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab.

8.28 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Usul ini dan bagi perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara berhubung dengan kehadiran pekerja-pekerja asing dan pendatang-pendatang asing tanpa izin telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha binti Hussin, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Tuan M.G. Pandithan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi memastikan bahawa pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini secara teratur adalah terjamin kesihatan mereka, sebagai satu syarat, mereka adalah dikehendaki menunjukkan surat pengesahan daripada doktor mengenai kesihatan mereka sebelum pas lawatan kerja sementara dikeluarkan. Adakah sukar bagi kerajaan untuk mengetahui tahap kesihatan pendatang asing tanpa izin kerana kedatangan mereka ke negara ini adalah secara tidak sah. Jika mereka ditangkap oleh pihak berkuasa, tindakan segera akan diambil untuk menghantar mereka pulang ke negara asal.

Mengenai dakwaan bahawa kehadiran terlalu ramai pendatang asing ini boleh mendatangkan implikasi negatif kepada ekonomi sosial dan politik di negara ini, pihak kementerian telah pun mengenal pasti masalah-masalah yang mungkin timbul, antaranya ialah:

- (i) masalah penghantaran pulang pekerja asing atau pendatang tanpa izin apabila berlakunya kemerosotan ekonomi, peningkatan gejala sosial dan jenayah di negara ini;
- (ii) kesesakan di hospital dan di sekolah-sekolah oleh kerana kebanjiran pekerja asing dan anak-anak mereka; dan
- (iii) wujudnya kawasan setinggan yang sesak dan melambatkan pencapaian mengautomasikan kegiatan industri di negara kita.

Adalah ditegaskan iaitu kerajaan tidak memandang ringan ke atas masalah-masalah yang dihadapi akibat kehadiran pendatang-pendatang asing ini. Bagi mengatasi masalah-masalah semasa dan di masa akan datang, kerajaan telah pun mengambil dan akan meneruskan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mengadakan penguatkuasaan yang berterusan;
- (ii) mensyaratkan bahawa pekerja asing dibenarkan bekerja di negara ini tidak melebihi 5 tahun;
- (iii) majikan-majikan dikehendaki mendapatkan perlindungan insuran kesihatan bagi pekerja asing mereka;

- (iv) pekerja-pekerja asing yang datang bekerja di negara ini tidak dibenarkan membawa keluarga; dan
- (v) pekerja-pekerja asing yang ditangkap kerana melakukan jenayah dihantar pulang dan nama mereka disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan masuk ke negara ini lagi.

Kerajaan dari masa kesemasa mengkaji penggunaan pekerja asing sebagai buruh di negara ini, malah kerajaan telah menetapkan dasar mengenai tempoh perkhidmatan pekerja asing di negara ini bagi sektor-sektor tertentu. Di samping itu bagi memastikan penggunaan pekerja asing dikurangkan, kerajaan telah menggalakkan penggunaan otomasi dan mengajurkan penempatan semula kegiatan-kegiatan ekonomi di negara-negara jiran seperti di Vietnam, Indonesia dan Filipina.

Walaupun benar bahawa kehadiran pekerja asing ini mengakibatkan pengaliran wang keluar dari negara ini, tetapi ianya tidaklah menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

Mengenai latar belakang pekerja asing seperti yang dibangkitkan, pada masa sekarang prosedur yang ada adalah memadai di mana kemasukan pendatang asing adalah dengan urusan antara kerajaan dengan kerajaan. Oleh itu mereka yang didapati mempunyai rekod jenayah di negara asal mereka akan disenaraihitamkan dan tidak dibenar masuk ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banduan telah pun dibenarkan untuk bekerja sama ada di dalam atau di luar penjara dan mereka ini dibayar gaji mengikut pasaran buruh. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan bahawa

banduan-banduan ini tidak dipaksa untuk bekerja. Banduan-banduan yang dibenarkan bekerja hanyalah mereka yang telah disahkan tidak mempunyai apa-apa penyakit, gaji pula akan diserahkan kepada banduan yang terbabit sebaik sahaja mereka dibebaskan.

Mengenai penglibatan pelatih-pelatih pusat serenti pula, Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk menempatkan mereka bekerja di sektor perladangan dan pembinaan kerana ianya memberi implikasi dari segi keselamatan pelatih-pelatih sendiri. Pusat-pusat serenti tidak mampu menyediakan kawalan keselamatan yang ketat ke atas pelatih-pelatih yang bekerja di tempat-tempat yang berisiko tinggi seperti di ladang-ladang dan tapak-tapak pembinaan kerana masalah kekurangan kakitangan terutamanya pengawal-pengawal keselamatan.

Walau bagaimanapun, buat masa ini Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia sedang melaksanakan satu rancangan menempatkan pelatih-pelatih pusat serenti bekerja di sektor swasta melalui program 'Sinar Harapan'. Untuk makluman Dewan yang mulia ini penempatan pekerjaan pelatih-pelatih di bawah program ini hanya tertumpu di tempat-tempat atau persekitaran kerja yang mempunyai kawalan keselamatan yang ketat seperti di sektor perkilangan. Program ini lebih berorientasi kepada aktiviti pemulihan untuk membantu pelatih-pelatih dalam proses kembali ke

pangkuan masyarakat. Pada masa ini ini, seramai 1,043 orang pelatih terlibat dalam program penempatan kerja di 27 buah kilang di seluruh negara.

Menyentuh mengenai filem-filem yang ditayangkan sangat mempengaruhi penonton- penonton terutamanya mengenai gejala-gejala yang tidak sesuai untuk cara hidup masyarakat khususnya masyarakat kaum India di Malaysia, sukacita dimaklumkan kerajaan sentiasa prihatin terhadap penonjolan unsur-unsur yang boleh menggagalkan usaha melahirkan masyarakat yang berbudaya maju dan bermoral di negara ini. Oleh kerana itu, semua unsur negatif tidak akan dibenarkan dan akan dipotong oleh Lembaga Penapisan Filem di Kementerian Dalam Negeri dengan terus melaksanakan tanggungjawabnya melindungi orang ramai dari kemungkinan pengaruh buruk yang diakibatkan daripada penontonan filem tidak kira dari negara mana ianya diterbitkan atau diimport.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sekatan jalan ataupun 'road block' dengan izin, yang dilaksanakan oleh polis di beberapa kawasan di Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sesuatu sekatan jalan raya yang diadakan oleh Polis Diraja Malaysia mempunyai tujuan tertentu. Tujuan utama ada mencegah berlakunya kejadian jenayah, di samping untuk mengesan penjenayah. Kekerapan serta jumlah sekatan jalan raya yang perlu diadakan bergantung kepada maklumat yang diterima serta jenis kejadian jenayah yang berlaku. Adakalanya sekatan itu diadakan serentak di sesuatu negeri dengan

dikoordinasikan oleh bilik gerakan negeri berkenaan. Kadangkala seseorang itu akan melalui beberapa sekatan jalan raya dan pemeriksaan polis tidak dapat dielakkan walaupun telah melalui pemeriksaan sebelumnya. Dengan sistem alat perhubungan terkini serta dikoordinasikan dari pusat kawalan, tumpuan dibuat hanya kepada kenderaan atau orang yang disyakki sahaja. Lalu-lintas akan tetap berjalan lancar dan terkawal.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin mencadangkan diwujudkan pasukan penyelamat seperti 'Rescue 911' dengan izin, di seluruh negara. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sangat baik. Mengenai teguran bahawa polis bertindak lambat semasa kemalangan, pihak Kementerian Dalam Negeri akan memberi perhatian yang serius terhadap teguran ini.

Mengenai konsert-konsert oleh penghibur dari luar negeri, sukalah dijelaskan bahawa setiap penganjur dan penghibur adalah tertakluk kepada syarat-syarat permit yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Pihak berkuasa keselamatan, khususnya Polis Diraja Malaysia adalah sentiasa berwaspada pada setiap masa bagi menjamin ketenteraman awam sepanjang masa konsert-konsert tersebut diadakan.

Pandangan mengenai terdapat beberapa acara kemasyarakatan dan keagamaan kaum-kaum tertentu di negara ini menyebabkan sedikit gangguan kepada orang awam semasa ianya dijalankan. Berhubung dengan perkara ini,

sukalah saya menyeru di sini iaitu demi untuk keharmonian antara masyarakat yang mengamalkan berbagai-bagai budaya dan menganut berbagai-bagai agama di negara ini, perlulah ada sedikit toleransi di antara satu pihak dengan pihak yang lain. Perkara-perkara yang dimaksudkan ada berlaku untuk seketika itu sahaja dan keadaan akan pulih sepertimana sediakala kemudiannya.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail mengenai masalah penagih dadah, sepertimana yang telah saya jelaskan dalam Dewan ini, kerajaan telah pun menubuhkan Agensi Dadah Kebangsaan untuk menangani masalah penyalahgunaan najis dadah di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Agensi Dadah Kebangsaan akan adakan satu mesyuarat majlis penuh, dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada petang esok. Dengan wujudnya Agensi Dadah Kebangsaan ini, tindakan yang bersepadu bagi tindakan pencegahan, penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan akan dapat dirancang, dilaksanakan, dinilai secara lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun beri penjelasan ke atas beberapa pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan. Bagi teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab dengan sempurna di Dewan ini, saya beri jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Jabatan Perdana Menteri.

8.36 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta cadangan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh, khususnya perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana

Menteri. Saya ingin menyatakan di sini semua pandangan dan cadangan tersebut telah dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sementara itu, saya ingin memberi penjelasan mengenai perkara-perkara berikut yang menyentuh dasar dan teras utama pembangunan negara.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba serta beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah membangkitkan isu mengenai kadar pertumbuhan. Menurut Ahli Yang Berhormat kadar pertumbuhan tidak perlu tinggi, tetapi memadai dengan kadar yang lebih perlahan. Contohnya, 4%, asalkan pengagihan dapat dilakukan dengan saksama. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa dasar-dasar utama pembangunan negara iaitu Dasar Ekonomi Baru dan Dasan Pembangunan Nasional adalah menekankan prinsip pembangunan dengan pengagihan. Seperti yang kita semua ketahui, dasar-dasar ini menetapkan supaya pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dari segi guna tenaga dan pemilikan ekuiti korporat diberi perhatian utama bagi mewujudkan negara yang bersatu padu. Ia juga menetapkan bahawa pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat perlu dilaksanakan dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat. Ini penting dari tiga segi. Pertama, sebarang pengagihan yang dilaksanakan adalah berasaskan harta atau kekayaan baru yang dijana oleh pertumbuhan ekonomi. Dengan cara ini, tidak ada pihak yang terasa diancam atau ditekan, dan oleh itu, mereka akan terus melibatkan diri di dalam usaha membangunkan Malaysia.

Kedua, pertumbuhan ekonomi yang pesat akan meningkatkan pendapatan pada amnya. Ini akan membolehkan kerajaan memperolehi hasil pendapatan yang lebih besar daripada cukai dan lain-lain. Hasil ini seterusnya boleh digunakan untuk membiayai program-program yang boleh menambah kemahiran rakyat Malaysia dan meningkatkan kualiti hidup mereka seperti menambah dan meningkatkan kualiti program pendidikan dan latihan serta memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan awam dan infrastruktur.

Ketiga, pertumbuhan ekonomi yang pesat juga dapat dimanfaatkan untuk memperbaiki kedudukan golongan miskin dan termiskin serta kaum bumiputera yang tertinggal dari segi ekonomi berbanding dengan kumpulan etnik lain. Sebagai contoh, cukai yang diperolehi oleh kerajaan hasil daripada pertumbuhan ekonomi dapat digunakan untuk menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada golongan-golongan tersebut untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang banyak yang dihasilkan oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat membolehkan mereka ini menyertai bidang ekonomi moden dan meningkatkan pendapatan masing-masing.

Mengenai skim pinjaman ASB, PPRT untuk golongan termiskin yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM700 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk diberi sebagai pinjaman tanpa faedah, RM5000 setiap isi rumah kepada 140,000 isi rumah golongan termiskin. Pada tahun 1996 kerajaan telah meluluskan tambahan RM100 juta lagi bagi skim ini untuk memberi pinjaman kepada masyarakat Orang Asli. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan liputan kumpulan sasar bagi skim ini kecuali untuk golongan termiskin sahaja.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk meningkatkan nilai pinjaman RM5000 bagi setiap isi rumah, walau bagaimanapun bagi memaksimumkan

manfaat skim pinjaman ASB, PPRT ini adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengkaji semula jadual pembayaran balik pinjaman dengan tujuan memberi kelonggaran tempoh menunaikan pembayaran balik pinjaman balik ASB. Dengan cara ini golongan termiskin akan memperolehi jumlah dividen dan bonus sepenuhnya dalam tempoh tersebut dan seterusnya dapat menyumbang kepada meningkatkan pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu bahawa kedudukan kaum India adalah terkebelakang dalam semua segi sebenarnya tidak tepat sama sekali. Dari sudut kemiskinan adalah didapati bahawa hanya 2.3% daripada isi rumah kumpulan etnik berada di bawah garis kemiskinan pada tahun 1995 berbanding dengan 12.4% di kalangan bumiputera. Berasaskan kepada perangkaan pendapatan isi rumah kumpulan etnik India ternyata telah berjaya mengambil peluang dan menikmati faedah pembangunan yang dihasilkan oleh pertumbuhan ekonomi negara yang pesat. Pendapatan purata isi rumah kumpulan etnik India pada tahun 1995 adalah RM2,153 berbanding dengan RM1,600 bagi bumiputera. Ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan kumpulan etnik India adalah tidak terkebelakang sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Perlu ditegaskan bahawa dasar kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan adalah tanpa mengira kaum. Sesiapa sahaja yang miskin, sama ada kumpulan etnik India ataupun kumpulan etnik yang lain termasuk yang

berketurunan Thai seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Charern Intachat boleh menyertai pelbagai program dan projek pembasmian kemiskinan yang disediakan oleh kerajaan.

Perlu saya jelaskan di sini bahawa keperluan penubuhan satu mekanisme bagi memastikan kaum minoriti dan miskin dapat diserap dan menikmati pelbagai program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan adalah tidak membangkit. Ini adalah kerana pelaksanaan projek di bawah program pembasmian kemiskinan, khususnya PPRT adalah berpandukan kepada satu daftar PPRT yang diwujudkan di setiap daerah. Golongan termiskin yang dikenal pasti dan disenaraikan dalam daftar tersebut adalah layak mendapat bantuan atau menerima projek di bawah PPRT.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pelaksanaan program PPRT yang dijalankan oleh negeri-negeri adalah lebih baik daripada apa yang dibuat di negeri Selangor?

Datuk Chong Kah Kiat: Saya kurang faham soalan mengenai “lebih baik dari negeri Selangor”.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa kerajaan tidak perlu mengadakan satu mekanisme untuk melaksanakan program PPRT. Jadi, saya ingin bertanya,

adakah Yang Berhormat bermaksud pelaksanaan program PPRT yang dijalankan oleh beberapa buah negeri adalah lebih baik daripada apa yang dibuat oleh kerajaan Selangor melalui Yayasan Pembasmian Kemiskinan.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf itu kerana itu secara detail - mengenai dengan perbandingan dengan negeri Selangor, saya kurang faham dengan keadaan di negeri Selangor mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang puas hati sebab ini adalah jawapan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri. Dalam perbahasan yang saya buat tempoh hari, saya ada mencadangkan supaya usaha membasmi kemiskinan ini menjadi lebih berkesan lagi kerajaan hendaklah mengambil contoh seperti yang dibuat di negeri Selangor - kita swastakan program itu.

Tuan Yang di-Pertua: Program PPRT.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, program PPRT sebenarnya adalah dilaksanakan bukan oleh Jabatan Perdana Menteri, tetapi jabatan lain. Mengenai soalan itu saya akan memberikan jawapan secara bertulis, jika Yang Berhormat boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh terima?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Boleh.

Datuk Chong Kah Kiat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu meningkatkan ketidakseimbangan pendapatan, terutama yang disebabkan oleh perbezaan kadar pertumbuhan ekonomi bandar dan luar bandar seperti yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengatur beberapa strategi khusus untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dengan tujuan mengurangkan tahap ketidakseimbangan pendapatan dan meminimumkan kesan daripada peningkatan ketidakseimbangan pendapatan tersebut.

Antara langkah-langkah yang akan diambil ialah dari segi pembangunan infrastruktur fizikal, pemodenan dan pengkomersilan, aktiviti pertanian, pembangunan industri luar bandar dan peningkatan kemahiran serta tahap pendidikan bagi golongan berpendapatan rendah khususnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kumpulan etnik India seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan N. Marimuthu, memang benar jumlahnya adalah rendah jika dibandingkan dengan pegangan kumpulan etnik yang lain. Akan tetapi jika dilihat dari segi kadar peningkatan, kumpulan etnik India telah berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan dalam jumlah pegangan ekuiti mereka melebihi sekali ganda iaitu daripada RM1.1 bilion pada tahun 1990 kepada RM2.7 bilion pada tahun 1995. Peningkatan ini adalah pada kadar

pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20.6% berbanding dengan kadar pertumbuhan purata bagi semua kumpulan etnik sebanyak 10.7% sahaja.

Kedudukan kumpulan etnik India ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain. Sepatutnya kumpulan etnik India harus berbangga dengan pencapaian mereka setakat ini. Usaha akan terus diambil bagi meningkatkan lagi ekuiti korporat kumpulan etnik ini pada masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah membangkit isu peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri di Pantai Timur lebih rendah daripada yang diberi kepada negeri-negeri di Pantai Barat. Ingin saya jelaskan di sini, bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM20.8 bilion untuk mempercepatkan pembangunan negeri-negeri yang kurang maju iaitu negeri Pahang, Kedah, Perlis, Terengganu, Sarawak, Kelantan dan Sabah.

Jumlah ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 30.9% daripada peruntukan RMK-6 iaitu RM15.9 bilion. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh negeri-negeri seperti Kelantan, akan menerima 2.7%, Sabah 6.7% dan Sarawak 6.7%. Peratusan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan peruntukan yang telah diterima di bawah Rancangan Malaysia Keenam iaitu masing-masing 2.6%, 4.4% dan 5.4%.

Peruntukan ini adalah selaras dengan teras pembangunan wilayah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan mencapai pembangunan wilayah

yang seimbang. Ini akan dilaksanakan menerusi usaha mengekalkan momentum pertumbuhan terutamanya di negeri yang kurang maju dengan memberi tumpuan kepada penggunaan sumber secara produktif dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai pelaksanaan Dasar Penswastan Kerajaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. 'Juki' bin Kamaluddin supaya projek penswastan diagihkan kepada pihak yang berkeupayaan dan berkebolehan melaksanakannya, adalah dimaklumkan bahawa sebarang cadangan penswastan akan diteliti secara terperinci oleh Jawatankuasa Penswastan di Unit Perancang Ekonomi

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Dato' Haji Mohd. Zuki.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan nama saya, nama orang lain. Sebabnya dia kata: "Dato' Juki", nama saya Dato' Mohd. Zuki. Jadi, takut kot ada orang lain yang nama 'Juki' saya tak tahulah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi saya rasa

Datuk Chong Kah Kiat: Minta maaf Dato', Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Minta maaf!

Tuan Yang di-Pertua: Fasal 'Z' itu susah sedikit hendak sebut, jadi 'J', itu perkara biasalah, saya rasa itu mengikut lidah hetrik tertentu kerana di

Sabah itu kadang-kadang 'zain' itu jadi 'jen'. Itu kita tahu, tetapi kita faham itu 'zain'. Ya, silakan.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dasar penswastan berjalan dengan teratur dan tidak menimbulkan masalah kepada mana-mana pihak. Ini termasuklah menentukan daya maju sesuatu projek yang akan diswastakan dan keupayaan kewangan serta teknikal pihak yang akan mengendalikan projek berkenaan. Bahkan dalam aktiviti-aktiviti tertentu, terutamanya yang mempunyai tanggungjawab sosial, kerajaan melantik juruperunding untuk mendapat pandangan sebelum urusan penswastan dilaksanakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali supaya penswastan bekalan air diseragamkan, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya telah memutuskan supaya penswastan bekalan air disetiap negeri diseragamkan. Ianya bertujuan untuk memastikan kepentingan pengguna dilindungi di samping memastikan kerajaan negeri mendapat faedah sewajarnya daripada penswastan tersebut. Mengenai penswastan bekalan air Kelantan pula, ianya dilaksanakan sendiri oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Persekutuan tidak terlibat dalam penswastan projek tersebut.

Mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba supaya syarikat-syarikat

Datuk Haji Hashim bin Safin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada permintaan laluan. Sila Datuk Haji Hashim bin Safin.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Kelantan Water, penswastaan air di Kelantan ini, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa keadaan bekalan air itu sampai ke tahap darurat (emergency), dengan tidak cukup air, bayaran meningkat. Kalau dahulu RM5 ke RM8, sekarang sampai RM70 dan saya sendiri mengalami, dahulu saya kena bayar hanya RM50 sekarang sampai RM250 untuk satu bulan - keadaan resah. Soalannya apakah Kerajaan Persekutuan sedang memikirkan ke arah menyelamatkan masalah darurat bekalan air di Kelantan?

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar keadaan di negeri Kelantan mengenai air tetapi dukacita perkara air itu adalah satu state matter, dengan izin. Jika kerajaan pusat tidak dapat kerjasama, tidak dapat segalanya dari kerajaan PAS iaitu kerajaan negeri Kelantan, walaupun kita kerajaan pusat bersimpati kepada penduduk-penduduk di Kelantan, saya rasa kita tidak dapat buat apa yang harus kita buat atau mahu buat untuk Kelantan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Saya telah menggunakan perkataan 'darurat'. Kalaupun, just in case, dengan izin, berlaku darurat sebab saya tahu kemungkinan 9 bulan ini seperti yang dilaporkan dalam akhbar, beribu-ribu yang menandatangani untuk menyerahkan memorandum, dan kalau ke tahap itu

berlaku huru-hara kerana soal air, apakah kerajaan pusat masih tidak mahu campur, hendak memandang sepi sahaja?

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sampai kepada keadaan begitu. Kalau ada kita menghadapi keadaan begitu, saya yakin kerajaan pusat mesti menolong melalui pelbagai agensi, salah satunya ialah Jabatan Pembangunan yang kita ada di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Datuk Hashim jangan bimbang, air itu tak kering untuk apa-apa maksud yang ada dalam kepala Datuk Hashim. Cakap macam itu tak apalah sebab waktu pun sudah malam, kita hendak sedikit alive. Sila.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba supaya syarikat-syarikat yang berjaya mendapat projek penswastan melaksanakan tanggungjawab sosial, ingin ditegaskan bahawa sememangnya menjadi hasrat kerajaan supaya agensi yang diswastakan tanpa mengira ianya dikuasai oleh bumiputera atau bukan bumiputera melaksanakan tanggungjawab sosial. Untuk tujuan ini, kerajaan sedang merangka satu garis panduan khas mengenainya di samping memasukkan peruntukan khususnya mengenai tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan oleh syarikat ke dalam perjanjian penswastan. Sungguhpun begitu, saya ingin menekankan di Dewan yang mulia ini bahawa sehingga kini telah terdapat beberapa syarikat yang telah melaksanakan tanggungjawab sosial

masing-masing dan kerajaan berharap perkhidmatan yang diswastakan dan juga syarikat-syarikat swasta yang lain turut melaksanakan tanggungjawab sosial yang lebih besar dan menjadikannya sebagai satu budaya mereka selaras dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang prihatin.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada permintaan laluan daripada Tuan Hanipah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Menteri memaklumkan satu dua pihak swasta yang telah menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat?

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini satu syarikat swasta yang dapat projek dari kerajaan pusat iaitu Yeoh Teng Lay Power (YTL-IPP). Bahagian EPU sedang berunding dengan syarikat itu supaya syarikat itu boleh membantu beberapa projek sosial kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung saranan supaya kadar bayaran tol dan lain-lain caj yang dikenakan oleh syarikat berikutan penswastaan tidak membebankan pengguna. Perlu dijelaskan sekali lagi bahawa kadar caj yang akan dikenakan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh agensi yang diswastakan adalah adil kepada kedua-dua pihak, iaitu pengguna dan syarikat dan kerajaan akan memastikan caj yang dikenakan tidak seharusnya

membebankan golongan berpendapatan rendah. Bagi memastikan matlamat ini dicapai, kerajaan telah dan akan menemukan badan kawal selia bagi mengawal selia perkhidmatan yang bersifat monopoli, yang bertanggungjawab bagi menentukan mutu perkhidmatan yang baik, tersedianya perkhidmatan apabila diperlui oleh pengguna dan kadar caj yang akan dikenakan. Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar caj dan sebarang kenaikan kepada kadar tersebut perlu mendapat kelulusan kerajaan sebelum ianya boleh dikenakan kepada pengguna.

Mengenai rungutan terhadap caj pembedaan yang tinggi yang dikenakan oleh pihak IWK Sdn. Bhd., adalah dimaklumkan bahawa kerajaan sedar dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pengguna dalam pelaksanaan penswastan tersebut. Dalam hubungan ini, kerajaan bersama-sama IWK sedang mengkaji semula perkara ini bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap jawapan-jawapan saya tadi dapat membantu dan memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Semua perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini akan diberi perhatian serius oleh kerajaan dan oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas

nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasa 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.10 malam.